



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK AZMAN HJ AYUP
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN, LAMAN
HIKMAH,UTEM,MELAKA.PADA TAHUN 2002 SEHINGGA KINI IAITU 2021**

NURIN JASLINA BINTI AHMAD SHOFEE

(2021149461)

SHARIFAH AISHAH ALJUNID BT SYED HUSSIAN

(2021103333)

SEMESTER MAC 2021- JULAI 2021

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

**TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA ENCIK AZMAN HJ AYUP
TIMBALAN KETUA PUSTAKAWAN KANAN,LAMAN
HIKMAH,UTEM,MELAKA.PADA TAHUN 2002 SEHINGGA KINI IAITU 2021**

NURIN JASLINA BINTI AHMAD SHOFEE

(2021149461)

SHARIFAH AISHAH ALJUNID BT SYED HUSSIAN

(2021103333)

SEMESTER MAC 2021- JULAI 2021

ISI KANDUNGAN

TAJUK	MUKASURAT
PENGHARGAAN	i
ABSTRAK	ii-iii
SINGKATAN NAMA	iv
ABREVIASI	v
RUJUKAN KATA	vi
BIOGRAFI PENEMUBUAL	1-2
BIOGRAFI TOKOH	3
Pengenalan	4-5
KAJIAN LITERATUR	6-7
TRANSKRIP TEMUBUAL	8-67
RINGKASAN	68
LOG TEMUBUAL	69-80
KESIMPULAN	81
RALAT	82
INDEKS	83-84
RUJUKAN	85-86
LAMPIRAN	87
PROPOSAL	88-106
SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN	107
SURAT PERJANJIAN	108
SOALAN TEMUBUAL	109-119
DIARI KAJIAN	120-126

BAHAN DAN GAMBAR YANG DIPEROLEHI	127-129
GAMBAR TEMUBUAL	130-131

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera kami ucapkan. Pada awalnya kami Nurin Jaslina Binti Ahmad Shofee dan Sharifah Aishah Aljunid Bt Syed Hussian daripada pelajar semester 3 iaitu dari Fakulti Pengurusan Maklumat ingin mengucapkan Alhamdulillah Syukur ke hadrat ilahi kerana keizinan yang limpah dan kurnia nya bahawasanya kami telah berjaya menyelesaikan kajian sejarah lisan tentang Timbalan Ketua Pustakawan dengan jayanya. Pada tahun 2019 negara China telah dilanda wabak CoronaVirus, ini pada mulanya dikesan pada pertengahan bulan Disember 2019 di bandar raya Wuhan, Hubei, China. Seluruh dunia di uji dengan penyakit COVID19 dan pada tahun 2020 iaitu 18 Mac, Perdana Menteri Malaysia melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan bagi seluruh Malaysia. Ini menyebabkan para pelajar terpaksa menjalankan pengajian sejarah jarak jauh iaitu “Online Distance Learning (ODL). Terdapat segala cabaran yang dihadapi ini, kami dapat menyelesaikan kajian kami dengan jayanya kerana ramai yang sudi membantu dan memberi tunjuk ajar. Kami mengucapkan ribuan terima kasih kepada mereka yang membantu kami daripada awal semester sehingga akhir semester. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Encik Azman Hj Ayup kerana sudi untuk di temubual dan telah bersama-sama membantu dan berkongsi informasi mengenai keistimewaan dan sejarah-sejarah mengenai perpustakaan. Jasa beliau amat kami hargai. Kami juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada pensyarah kursus Oral Documentation (Pendokumantasian Lisan) IMR604 kami iaitu Encik Jafalizan Bin Md Jali kerana dengan tunjuk ajar daripada beliau, kami juga dapat menyiapkan tugas kami dengan sempurnanya. Jasa beliau akan sentiasa kami ingati. Ribuan terima kasih juga kami ucapkan kepada rakan-rakan sekelas kerana banyak membantu kami dalam menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UiTM kerana banyak menolong dan mengambil berat tentang pelajar-pelajar semasa ODL berlangsung. Kami juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak UTeM kerana telah bersama-sama membantu dan sudi untuk berkongsi informasi mengenai sejarah-sejarah perpustakaan yg kini semakin dilupakan oleh masyarakat sekeliling.

ABSTRAK

Transkrip ini mengandungi sesi temubual bersama tokoh iaitu Encik Azman Haji Ayup. Beliau merupakan Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Laman Hikmah, UTeM, Melaka. Beliau juga merupakan seseorang yang mempunyai banyak pengalaman dalam bidang perpustakaan. Sesi temubual ini mengandungi biografi dan pengalaman kehidupan tokoh. Selain itu, transkrip ini juga mengandungi informasi mengenai sejarah dan keistimewaan tentang perpustakaan di Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). Temubual ini dijalankan pada hari ahad bersamaan 30 Jun 2021 yang bermula pada jam 8 malam dan berakhir tepat pada jam 12.15 tengah malam. Sesi temubual ini diadakan online iaitu menggunakan platform Google Meet kerana kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di seluruh Selangor.

ABSTRACT

This transcript contains an interview session with a figure, Encik Azman Haji Ayup. He is the Senior Deputy Chief Librarian, Laman Hikmah, UTeM, Melaka. He is also someone who has a lot of experience in the field of libraries. This interview session contains biographies and life experiences of the figures. In addition, this transcript also contains information on the history and special features of the library at Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM). The interview was conducted on Sunday 30 June 2021 which started at 8 pm and ended exactly at 12.15 midnight. This interview session was held online using the Google Meet platform because the government has implemented the Tightened Movement Control Order (PKPD) throughout Selangor.

SINGKATAN NAMA

NJA	Nurin Jaslina Binti Ahmad Shofee
SAA	Sharifah Aishah Aljunid Binti Syed Hussian
AHA	Azman Bin Haji Ayub

ABREVIASI

SU	Setiausaha
AJK	Ahli Jawatan Kuasa
UM	Universiti Malaya
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UPU	Unit Pusat Universiti
IPT	Institut Pendidikan Tinggi
MARA	Majlis Amanah Rakyat
STPM	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
PDPR	Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah

RUJUKAN KATA

Ni	Ini
Tu	Itu
U	Universiti
Kat	Dekat
Diorang	Mereka
Keje	Kerja
Pape	Apa-Apa


BIOGRAFI PENEMUBUAL

PENEMUBUAL 1



Nama	Nurin Jaslina Binti Ahmad Shofee
No. Matrik	2021149461
Umur	21 Tahun
Alamat Fakulti	Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.
Alamat	
Program	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Perpustakaan - IM244
Email	nurinshofee@gmail.com

PENEMUBUAL 2



Nama	Sharifah Aishah Aljunid Bt Syed Hussian
No. Matrik	2021103333
Umur	21 Tahun
Alamat Fakulti	Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor.
Alamat	
Program	Sarjana Muda Sains Maklumat (Kepujian) Pengurusan Sistem Maklumat - IM245
Email	sharifahaishah29@gmail.com

BIOGRAFI TOKOH



Nama	Azman Bin Haji Ayub
Umur	57 tahun
Tarikh lahir	22 Mei 1964
Tempat lahir	Johor Bahru
Profesion	Timbalan Ketua Pustakawan
Alamat	10, Jalan Puncak Alam, Taman Puncak Alam, 40100 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Social media	Azman Hj Ayup (<i>Facebook</i>)
Email	azmanayup@UTeM.edu.my

PENGENALAN

Pada zaman kuno, perpustakaan itu disebut "Kutubkhanah". Ia adalah bangunan yang menyimpan pelbagai sumber maklumat dan memberikan perkhidmatan, serta mengumpulkan pelbagai sumber data bercetak, elektronik atau bukan cetak. Sebenarnya, kerana perkembangan dunia maklumat yang pesat, kebanyakan perpustakaan kini juga menyediakan perkhidmatan rangkaian umum. Perpustakaan kini menjadi gudang yang mengumpulkan bahan bercetak, elektronik atau bukan cetak dari pelbagai sumber.

Sebenarnya, kebanyakan perpustakaan kini juga menawarkan perkhidmatan web untuk penggunaan umum. Pada tahun 1956, Malayan Library Group (MLG) telah menghantar memorandum kepada Persekutuan Perkhidmatan Perpustakaan Awam Malayan kerajaan. MLG mencadangkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Perpustakaan Nasional untuk menyediakan perkhidmatan awam di peringkat nasional dan menyediakan asas untuk melancarkan perkhidmatan perpustakaan nasional. Terdapat banyak jenis perpustakaan di Malaysia. Antaranya ialah perpustakaan nasional, perpustakaan , perpustakaan akademik, perpustakaan sekolah dan perpustakaan awam.

Pada masa yang sama, pustakawan adalah orang yang bekerja di perpustakaan, sama ada perpustakaan awam, perpustakaan akademik, dan sebagainya. Pustakawan adalah profesional yang memberikan akses kepada maklumat dan pengaturcaraan, rangkaian sosial dan teknologi untuk mereka yang memerlukan. Di samping itu, ijazah pustakawan adalah Ijazah Sarjana Muda di university dalam sains penyelidikan maklumat iaitu pengurusan perpustakaan dan maklumat dari institusi pendidikan tinggi tempatan yang disahkan oleh kerajaan Malaysia atau yang selari dengannya. Menurut peraturan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), pustakawan di tingkat S41 termasuk dalam kelompok pengurusan dan profesional. Pustakawan hendaklah melaksanakan tanggungjawab secara efektif dan profesional seperti program pembangunan sumber maklumat, pendokumentasian dan menguruskan maklumat bagi menyediakan tawaran perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan oleh pengguna perpustakaan.

Setiap tokoh mempunyai banyak keistimewaan dan memberikan sumbangan kepada kegemilangan sesebuah negara dan bangsa. Sumbangannya dikenang sepanjang zaman

sehingga hari ini. Ia juga yang telah memberikan sumbangan besar dalam bidang pustakawan dan dapat menjadi idola untuk generasi sekarang dan akan datang. Pustakawan ialah seorang yang bekerja secara profesional dalam perpustakaan iaitu yang menyediakan akses kepada maklumat dan pengaturcaraan kadang-kadang sosial atau teknikal. Pustakawan biasanya memerlukan ijazah dari sekolah perpustakaan seperti Ijazah Sarjana Sains Perpustakaan atau Perpustakaan dan Pengajian Maklumat di universiti yang sedia ada. Pustakawan memerlukan sumber maklumat yang banyak kerana mereka ingin mewar-warkan berita yang sahih kepada pengguna di perpustakaan.

Pustakawan telah banyak menyumbang tenaga dan intelektual untuk pembangunan sistem dan pengurusan perpustakaan yang lebih baik di Malaysia. Encik Azman merupakan seorang tokoh pustakawan yang banyak menyumbang sepanjang berkhidmat dalam bidang ini. Beliau merupakan seorang pustakawan yang dihormati, terutama di UTeM Melaka, seharusnya Encik Azman menjadi ikutan di dunia pustakawan. Oleh itu, penyelidikan ini memfokuskan kepada peranan tokoh dalam bidang perpustakaan sebagai catatan bagi generasi akan datang.

KAJIAN LITERATUR

Bagi mendalami tugas dan peranan tokoh dalam bidang pustakawan, Penyelidikan yang lalu telah menggunakan topik ini sebagai panduan untuk mencari penyelesaian terhadap masalah yang memerlukan penjelasan lebih mendalam. Dasar rujukan dari penyelidikan ini adalah penyelidikan sebelumnya yang berkaitan dengan pengaruh perpustakaan, dengan fokus pada latar belakang dan sejarah bidang pustakawan.

Seperti dikemukakan oleh Purwono (2013) melalui Buletin Perpustakaan yang bertajuk Profesionalisme pustakawan. Profesionalisme pustakawan membawa kepada kemampuan pengetahuan yang diperolehi pada masa kini, pengalaman dan keterampilan dalam mengelola dan mengembangkan pelaksanaan pekerjaan di bidang kepustakawanan. Kenyataan ini turut disokong oleh Encik Azman Hj Ayup (2021), yang menyatakan bahawa seorang pustakawan perlu mempunyai pengetahuan, dan pengalaman, Malah Azman juga menyatakan bahawa seorang pustakawan perlu mempunyai perangai yang disenangi oleh orang ramai. Misalnya, pustakawan yang mempunyai sikap yang ramah menegur pengguna .

Menurut Profesor Datuk Dr Jamil Jamali (2017) perpustakaan merupakan nadi akademik dalam melestarikan kecemerlangan ilmu sesebuah institusi. Hal ini demikian kerana perpustakaan institusi merupakan tunjang belakang bagi setiap pelajar agar dapat menjayakan sebarang tugas dengan memperoleh segala maklumat daripada perpustakaan. Malah, kenyataan ini disokong oleh Raja Abdullah Yaacob (2015) dalam kertas kerjanya yang bertajuk peranan perpustakaan akademik dalam menarafkan universiti. Beliau berkata bahawa perpustakaan merupakan nadi bagi setiap pelajar dan mempunyai pelbagai kegunaan dan manfaat oleh setiap pelajar.

Perpustakaan Negara Malaysia adalah perpustakaan yang ditubuhkan di bawah Akta Perpustakaan Negara 1972 di Kuala Lumpur, Malaysia. Perpustakaan Negara bertanggungjawab menyediakan koleksi pengetahuan di peringkat kebangsaan untuk generasi sekarang dan akan datang. Pada tahun 1959-1961 Perpustakaan Negara Malaysia berusaha untuk ke arah penubuhan Perpustakaan Negara yang telah digerakkan oleh beberapa badan profesional iaitu persatuan dan pertubuhan seperti Persatuan Perpustakaan Malaysia, Persatuan Ikhtisas, swasta dan juga orang perseorangan.

Namun begitu,kita sedia maklum bahawa wujudnya pandemik COVID-19 ini menjejaskan perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh perpustakaan.Perkara ini dapat dilihat dengan permasalahan yang dihadapi oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan perpustakaan lain-lain setelah kerajaan mengarahkan notis penutupan organisasi buat masa seketika.Oleh itu,perpustakaan menghadapi masalah pemulangan buku yang dipinjam oleh pengguna.Disebabkan penutupan perpustakaan ,perpustakaan telah memberikan kelonggaran kepada pengguna dengan tidak mengenakan sebarang denda diatas kelewatan pemulangan buku tersebut.

TRANSKRIP TEMUBUAL

Transkrip Temubual Nurin Jaslina Binti Ahmad Shofee dan Sharifah Aisyah Al-Junid Binti Syed Hussein bersama Timbalan perpustakaan UTeM, Perpustakaan Laman Hikmah, Melaka iaitu Encik Azman Bin Haji Ayup, mengenai sejarah perpustakaan dan peranan pustakawan.

Pada 30 June 2021 pada jam 8 malam sehingga 12.15 pagi.

NJA: Assalamualaikum Encik Azman, kitaorang macam mana Encik Azman tahu saya Nurin Jaslina dengan kawan Sharifah Aishah, kita orang nak pilih Encik Azman lah untuk kita orang punya *assignment* [tugasan] untuk sejarah lisan kita orang ni.

AHA: Ya okey, terima kasih. (ketawa)

NJA: (ketawa) Terima kasih juga lah kepada Encik Azman sebab sudi tolong. Okey, Macam sekarang ni saya nak tanya pasal biodata Encik Azman sendiri lah. Boleh Encik Azman cerita sedikit ringkasan tentang biodata Encik?

AHA: Okey, kalau dari segi biodata ni nama yang diberi eh, Nama yang diberi adalah nama saya Azman Bin Haji Ayub. Saya berusia 57 tahun eh dan dilahirkan di Johor Bahru. Kemudian pada usia 5 tahun saya telah dibesarkan di Melaka lah sehinggalah sekarang. Dan saya merupakan anak sulung daripada 12 orang adik-beradik. Seperti mana sedia maklum, ayah saya merupakan seorang buruh dan ibu saya apa nama ni, merupakan seorang suri rumah. Okey?

SAA: Okey. jadi sekarang ni [ini]. Saya ingin bertanya tentang latar belakang keluarga Encik Azman mengenai macam ibu bapa, isteri, anak-anak, macam umur dia, kerja dekat mana.

AHA: Okey, untuk maklumat eh, Nurin dan Aishah, panggil Aishah je la eh kan? Antara Sharifah dengan Aishah, Aishah tu lagi senang ingat kan?

SAA: Betul

AHA: Nurin saya panggil nurin je la kan eh?. Okey, nama ayah saya ialah Haji Ayup bin Noh. Ayah saya telah meninggal dunia pada 2014[tahun]. Sudah 7 tahun. Ibu saya masih lagi ada dan ibu saya bernama . Yang sekarang ni berumur 79 tahun. Macam saya cakap tadi, daripada hasil perkahwinan tu adalah 12 orang adik beradik. Saya ada 12 orang adik-beradik dan saya adalah anak yang sulung. Dari segi keluarga saya sendiri, saya mempunyai seorang isteri. Puan Rafidah binti Haji Atip yang ketika ini usianya ialah 50 tahun dan saya mempunyai empat orang anak. Yang sulung Muhammad Arif Azman berusia 25 tahun bertugas sebagai pembantu teknikal Urban Scale, Shah Alam. Saya rasa Urban Scale ni duduknya dekat Bukit Jelutong kot dekat kawasan tasik.

(mencelah)

SAA: Oh, mungkinlah

Kemudian anak kedua, Nur Arifah Adlina berusia 22 tahun dan sedang melanjutkan pengajian di Universiti Kuala Lumpur Royal College of Medicine Perak (RMCP). Buat masa ni, mereka ada di rumah lah yang belajar macam *you all* [kamu semua] juga.

NJA: Betul

SAA: ODL [Online Distance Learning]

AHA: Terpaksa buat *online* . Dan anak ketiga Nur Hamizah Nafasti binti Azman berusia 18 tahun merupakan lepasan SPM dan sedang menunggu tawaranlah untuk melanjutkan pengajian di IPT [Institut Pendidikan Tinggi] InsyaAllah kalau ada rezeki

(mencelah)

SAA: InsyaAllah

dan anak keempat Muhammad Alim bin Azman berusia 17 [tujuh belas] tahun dan kini ada di tingkatan 5 lah dan akan menduduki SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] pada

tahun -, sepatutnya tahun ni tapi dijangkan mungkin SPM akan 2022 [tahun] macam tahun lepas. Buat masa ni saya menetap di Kampung Pengkalan Jajar, Alai

[Melaka.Malaysia] dan saya sudah tinggal di kampung ini selama 26 [dua puluh enam] tahun sejak saya berkahwin dengan isteri saya pada tahun 1995.

NJA: Okey, baik. Macam tadi Encik Azman ada cakap, Encik Azman ada anak nombor tiga yang bernama Nur Hamizah kan? Lepas itu dia lepasan SPM [Sijil Pelajaran Malaysia] , so [jadi] kiranya kalau macam dia nak apply [memohon] UPU [Unit Pusat Universiti] ataupun nak sambung belajar, adakah Encik Azman akan sokong dia kalau nak masuk bidang-bidang tertentu ataupun macam mana?

AHA: Okey, yang pertama saya akan melihat pada minat dia lah sebab kalau kita lihat sangat banyak-----sangat banyak kursus yang ditawarkan sama ada di Universiti Awam, universiti swasta, kita ada politeknik, kita ada Kolej Komuniti, banyak. Kalau zaman saya dulu memang tak de [tiada] peluang macam ni. Jadi saya menyokong la. Sebenarnya saya menyokong dari segi minat. Kalau dia minat contohnya, saya melihat dia macam nak ke arah kulinari, sekarang orang suka kan?

(mencelah)

SAA: Betul, masak-masak

AHA: Masak-masak. *and then* [dan kemudian], dia juga suka minat akaun, so saya suruh dia pilih sendiri la. Saya takkan tetapkan contohnya dia kena ambil bidang ni. Tapi saya akan beritahu dia bidang dia yang ni A apa *future* [masa hadapan] , bidang B apa *future* [masa hadapan], Bidang C apa *futurenya* [masa hadapan]. So [jadi], terpulang kepada dia untuk dia menghala tuju hidup dia. Saya tidak pernah mengongkong. Itu prinsip saya.

NJA: Kiranya, adakah macam Encik Azman memberitahu juga pasal bidang-bidang kalau *join* [menyertai] *Information Management* [Pengurusan Maklumat] juga? Macam dalam bidang Encik Azman sekarang?

AHA: Tapi tu la eh, macam saya cakap tadi contohnya macam saya tanya dia nak minta UTeM tak? Dia cakap tak nak. Contohnya dia tidak mahu ayahnya atau ada satu bidang atau bidang yang sama dengannya. Tapi saya pernah melihat dalam satu keluarga yang lain, sepupu. Contohnya bapa dia ambil kursus akaun, anak dia mengambil pentadbiran awam, anak yang lain ambil pentadbiran awam. Ada berlaku. Tapi dari segi saya dengan anak saya ni macam tak nak masuk dalam bidang yang sama. Dia suka *explore*[menjelajah] bidang-bidang yang dia sendiri minat.

SAA: Apakah Hobi Encik Azman waktu lapang? Macam baca buku ke, mengumpul setem ke?

AHA: Saya kalau dari segi masa lapang saya ni, saya suka membaca. Tapi saya taklah [tidak] suka membaca buku sahaja. Saya suka baca apa sahaja bahan-bahan yang ada dalam internet sebab itu adalah maklumat yang paling *latest* [terbaharu] yang kita boleh dapat. Kalau kita baca buku, itu untuk tambah pengetahuan untuk satu satu bidang. Okey, tapi untuk menambah pengetahuan kita, saya lebih suka mencari bahan-bahan dalam internet. Kita ada pangkalan data, kita juga ada contohnya isu-isu semasa yang berlaku di sekeliling kita dan juga bidang politik pun ada. Membaca adalah benda yang saya suka dan pada masa yang sama hobi saya yang memang dah lama saya suka buat ialah saya suka berkebun. Kadang-kadang saya suka membaca berkaitan dengan bidang saya lah. Contohnya, saya suka berkebun, saya cari bahan untuk berkebun dan saya dapat maklumat-maklumat contohnya bagaimana saya nak tanam pokok tu dengan subur, bagaimana contohnya nama baja dan sebagainya. Jadi saya tak pergi kursus saya dapat berkongsi maklumat dan kalau saya ada maklumat, saya juga boleh berkongsi dengan semua orang. Kita boleh dapat ilmu. Jadi hobi saya waktu lapang ni saya suka berkebun, apa nama ni [ini] , membersihkan kawasan dan sebagainya. Awak suka berkebun ke?

SAA: Kurang (ketawa)

NJA: Jadi buat masa sekarang ni Encik Azman apa je tanaman yang Encik Azman dah buat. Kiranya apa je yang dah berkembang?

AHA: Okey kalau yang ada haritu saya ada nampak saya dah tanam pisang, serai, tanam keladi, saya tanam apa tu pokok-pokok buah-buahan dan sebagainya la. Pokok kelapa. Jadi, saya ada kawasan. Jadi, alhamdulillah ada masa untuk itu sewaktu PKP [Perintah Kawalan Pergerakan]. Kadang membaca pun boleh jadi bosan. Berkebun ni macam kita buat sesuatu yang kita minat la macam satu terapi. Kadang kita buat benda tu kita rasa macam seronok dan kita juga kadang-kadang walaupun badan kita rasa letih tapi bila kita buat benda yang kita suka buat benda yang kita minat dia jadi tak rasa penat. *Even [walaupun]* saya kerja waktu panas ke apa, saya tak rasa sebab saya minat sebab saya nak jadikan *landscape* [pemandangan] kawasan tu saya nak siapkan kawasan itu. Jadi maklumat tadi tu saya dapat dari perbualan dalam group, internet yang saya baca, saya pun boleh. Saya tak perlu nak pergi kursus dan sebagainya. Jadi saya boleh buat semua tu.

SAA: Dah lama ke Encik Azman *join* [menyertai] dalam kumpulan tu? Ke baru lagi?

AHA: Dalam setahun dua macam tu la. Saya suka duduk *sharing* [berkongsi] macam tu la. masing-masing kita ada pengalaman kita kongsi la.

NJA: Ouh, kiranya banyak juga la eh Encik Azman ambil tahu Ah okey proceed [diteruskan], kalau macam dulu kan Encik Aman macam kita orang tahu Encik Azman pernah bersekolah dekat ST. David, lepas tu dah habis SPM apa perancangan Encik Azman selepas habis SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]? Maksudnya macam Encik Azman apply UPU [Unit Pusat Universiti] memang berniat nak sambung belajar ke atau sementara tu buat kerja sambilan?

AHA: Hmm, iya biasanya saya tak pernah kosong dari segi masa. Biasanya kalau menunggu keputusan tu saya akan mencarilah duit poket. Saya pernah bekerja di kilang plastik, saya pernah bekerja di kilang besi.

SAA: Berapa lama tu Encik Azman?

AHA: Biasa singkat je[saja] dalam tiga empat bulan macam tu sementara menunggu keputusan ataupun tunggu result keluar sementara menunggu apa nama tu, panggilan. So [jadi], saya buat lah kerja kerja macam itu, kerja-kerja kebun. Saya merancang la, kita boleh dapat duit poket. Macam saya cerita tadi, saya anak sulung dari 12 orang, jadi kadang-kadang saya cuba membuat kerja macam tu untuk menambah, membantu keluarga. Itu la maksudnya. Saya tak pernah kosong. Maksudnya ada saja yang saya buat.

NJA: Kiranya macam Encik Azman dalam pada masa itu juga Encik *apply* [memohon] UPU [Unit Pusat Universiti juga la kan? Untuk kemasukkan ke atau memang nak terus ambil STPM [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia]?

AHA: Ye, saya dulu ambil STPM [sijil tinggi persekolahan malaysia] , sebab ye la, *course* [kursus] dari STPM [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia]ni biasanya kita banyak pilihan daripada SPM[sijil pelajaran malaysia] tu kalau kita punya result tu eh STPM [sijil tinggi persekolahan malaysia] kalau keputusan kita bagus mungkin kita boleh *apply*[memohon] Universiti dalam negeri,negara atau luar negara dan kita boleh ke peringkat sarjana muda la. Kemudian dari SPM[sijil pelajaran malaysia] biasanya dia akan pergi ke Diploma ataupun dulu tak de [tiada]Matrik[Sijil Matrikulasi]. Masa zaman-zaman *you all* [awak semua] ini dah ada Matrik[Sijil Matrikulasi]. Dulu tak de[tiada]. so [jadi], masuk STPM [sijil tinggi persekolahan malaysia], *you* [awak] boleh terus pergi ke peringkat sarjana muda. Kalau Diploma , kalau *you [awak]* ada tu, mungkin *you* boleh terus pergi ke degree . Jadi saya mengambil STPM [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia] dan saya memohonlah untuk UPU dan saya memilih untuk melanjutkan pengajian di UiTM [Universiti Teknologi MARA] lah. Seperti mana yang kita tahu, UiTM [Universiti Teknologi MARA] dulu kita kenal sebagai

ITM iaitu Institut Teknologi Mara lah. ITM ni dinaiktaraf saya tak pasti tahun bila 90 an kot.

(mencelah)

SAA:Haah,90 an[tahun]

AHA:Pada masa dulu, dia tidak banyak pilihan macam sekarang ni. Macam sekarang.Sekarang pilihan ada Universiti Swasta jadi pilihan, Politeknik, apa lagi Kolej Komuniti dan ada institusi-institusi kemahiran dibawah MARA [Majlis Amanah Rakyat]. Yang dibawah MARA [Majlis Amanah Rakyat] fokus kepada kerjaya profesional bagi orang-orang Melayu. Macam Saya cakap tadi memilih menyambung ke

[sijil tinggi persekolahan malaysia] tak bercadang untuk mengambil diploma pada masa itu.

NJA: Kiranya macam Encik Azman pilih pengajian nak sambung STPM [sijil tinggi persekolahan malaysia] berbanding dengan diploma sebab STPM [sijil tinggi persekolahan malaysia] ni lebih banyak pilihan *and* [dan] cepat lah serap untuk masuk sarjana muda?

AHA: Dia lebih kurang macam tu[itu] la sebab ia lebih cepat dan jimat dari segi masa kita lebih terus ke peringkat sarjana muda lah.

NJA: Betul.. Betul

SAA: Okey, mmm boleh tak kalau Encik Azman ceritakan latar belakang pendidikan Encik contohnya macam Sekolah Rendah sehingga kelayakan terkini, sehingga seperti Encik beritahu sebelum ni pernah memohon jurusan undang-undang tetapi pengurusan maklumat yang ditawarkan kepada Encik ketika itu.

AHA: Saya memulakan persekolahan pada tahun 1971 di Bukit Baru Primary English School. Sekarang nama sekolah tu ditukar kepada SK [Sekolah Kebangsaan] Jalan Datuk Palembang, Melaka. Sekolahnya agak popular la sebab melahirkan

pelajar-pelajar yang bagus sehingga sekarang. So saya sampai darjah 6. Kemudian pada tahun 1977, saya sekolah di ST. David's High School sehingga tingkatan 5 dan saya pergi SPM pada tahun 1981. Kemudian saya meneruskan persekolahan di Sekolah Menengah Kebangsaan Munshi Abdullah dan menduduki STPM [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia] pada tahun 1987 sehingga 1990, saya melanjutkan pengajian kalau dulu dipanggil KSPM (Kajian Sekolah Perpustakaan Maklumat) sekarang dipanggil fakulti Pengurusan Maklumat. Saya mengambil di Uitm Shah Alam dalam maklumat lah cuma selepas saya sudah bekerja pada tahun 1999 hingga 2001 saya melanjutkan pengajian dalam peringkat sarjana pengurusan maklumat. Kiranya konsep saya tak semesti belajar sahaja, walaupun sudah berkeluarga pun, kita boleh belajar juga. *You all* ada terpikir tak macam tu, dah berkeluarga nak belajar macam tu jugak. Dari segi bidang ni pada peringkat awalnya saya tak pernah tahu pun tentang apa-apa bidang la, undang-undang ke, perpustakaan ke memang tak pernah tahu. Saya memilih kerana saya nak cuba la apa saja bidang yang baru dan pada saya, pada masa itu, kos pengajian di UiTM agak murah berbanding di Universiti- Universiti lain. Dan di UiTM pun saya tengok banyak kemudahan yang disediakan untuk pelajar, khususnya untuk pelajar- pelajar ataupun keluarga-keluarga yang kurang berkemampuan. Macam family saya dulu, kurang berkemampuan dan bila kita dapat UiTM ni, Alhamdulillah Syukur lah kan. Mana yang kerajaan bantu tu kita tu la. Selain daripada itu, sebagai anak sulung, saya perlu menunjukkan contoh yang terbaik dan teladan supaya adik-adik ikut. Memberi satu contoh buat adik-beradik saya la. jadi , kalau lepas saya masuk tu, kemudian dalam setahun dua macam tu .adik saya 2 orang masuk Uitm juga, dalam bidang yang lain. Kemudian ada yang masuk UTM, MMU dan sebagainya lah. Maksudnya bila kita sebagai anak sulung ni kan, *You* anak sulung ke bukan?

SAA: Bukan. Bongsu.

AHA: Bongsu ni manja sikit. So sebagai anak sulung ni *you* kena pandai jadi *You* kena jadi pandai la supaya boleh jadi contoh untuk adik-adik *you*. Saya buat macam tu la. Setelah saya memilih kursus Pengurusan Maklumat ni dan setelah mendalami baru timbul minat. Sebelum tu saya tak pernah tau pun ada kursus yang macam tu, kalau

dulu ada tiga yang popular bukan popular la dia macam kursus tu agak *high*[tinggi] sedikit daripada yang lain kalau kita tengok dia tentang undang-undang, kemudian perpustakaan dan seni reka. Seni reka adalah yang paling top la masa tu. Kalau bidang perpustakaan ni saya tengok ada juga universiti lain tawarkan contohnya UM (Universiti Malaya), UKM (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan sekarang saya rasa di UIA pun dah tawarkan.

SAA: Ha ah betul.

AHA: Okey tanggapan saya pada jurusan ni saya tak pasti. Pada saya jurusan ini adalah jurusan yang bagus. Dia ada rancang keperluan bagi memenuhi kerja luar bidang pustakawan dan maklumat. Selain itu, saya pasti apa benda yang kerjaan buat ada masa depan. Dari segi pengalaman, semasa Uitm saya suka sebab, saya akan bangun seawal 5 pagi.

SAA: Awalnya

AHA: Iyalah, sembahyang subuh, kene bersiap-siap untuk pergi ke, untuk mendapatkan bas. Bas Uitm masih ada lagi kan? Saya pukul 7 pagi dah kena naik first bus. Kelas start pukul 8, 8.30. So first bus nanti takut terlepas. Dalam pukul 7.30 bas dah ada. So *you* kene naik first bus yang ada dari asrama pergi ke kampus untuk pergi ke kelas.

SAA: Jauh tak tempatnya? Dari satu tempat ke satu tempat yang lain?

AHA: Jauh lah, kenderaan kereta, motor, masa tu kereta saya rasa tak ramai la, tak macam sekarang. Boleh kata sekarang ni setiap pelajar mesti ada kereta paling tidak pun motor la kan. Kami dulu pelajar yang miskin tidak ada. Kami datang jalan kaki je atau nak tunggu bas. Kalau tiada bas kami akan naik bas sambung-sambung maksudnya bas, apa dipanggil bas biasa la dari asrama ke kampus. Bukan bas sekolah, bas lain. Ada *this one* [yang ini], kita kena kejar *so*, kejar masa . *so* routine tu berterusan la pada dari saya mula belajar sampai la saya habis belajar dan lagi satu

yang saya suka selain daripada kawan-kawan, kita juga ada pensyarah-pensyarah yang membantu untuk tugas. Bilangan setiap *batch* tu tak ramai, macam contoh batch saya ada dalam sekali *intake*[pengambilan] macam tu dalam 50 orang lebih macam tu je. Jadi dari situ saya dapat silaturahim tu rapat. Sampai ke hari ni pun kami masih berkawan. Kawan-kawan saya yang dah balik Sarawak, Sabah, Perlis semua kami masing-masing dah bekerja ada yang duduk di sektor kita, kerajaan, ada yang duduk di sektor swasta, ada yang dalam bidang library, maklumat, ada yang menjadi guru dan sebagainya. Tak semesti keluar daripada itu menjadi pustakawan. Kami rapat sentiasa berhubung even ada batch saya yang dah berpangkat Dato', yang mengetuai sektor kerajaan yang besar. Kemudian ada seorang lagi saya tak berapa ingat, dia mungkin diantara pelajar yang bagus, pelajar yang contoh yang sekarang ni sebagai sektor swasta punya lah. Memang ada yang lain itu, kebanyakan sudah menjadi ketua-ketua jabatan pada masa sekarang. okey, kemudian saat yang paling manis yang saya rasakan yang paling saya tunggu adalah apabila kita dapat menggenggam segulung ijazah yang disaksikan oleh ibu bapa dan adik adik saya. Saya rasa masa pun akan sampai dekat your esok. Tapi sebenarnya saat yang paling manis yang ada sekarang ni adalah macam mana *you* nak *bonding*[ikatan] dengan kawan-kawan supaya bila *you* keluar nanti *you* ada kawan-kawan yang *you* boleh sandarkan. Contohnya, *you* nak mencari solusi sesuatu masalah, *you* ada kawan-kawan yang boleh membantu dalam batch *you*. Even kalau kata bukan *batch* [kumpulan] saya, *batch* atas saya, *batch* bawah saya, kami tetap rapat. Fakulti kita maksudnya tak ramai. kalau *you* pegi library mana pun, *you* akan nampak senior, nampak super senior, super junior semua ada. Tapi that's why you kena tahu masa kami dulu, kami selalu kena ragging. Tapi ragging dia ada waktu orientasi ada. Lepas daripada tu, kami jadi rapat. Walaupun dah ragging apa semua lepastu kami jadi rapat. Masa kami bekerja baru kami tahu, ouh itu ada kebaikan sampai sekarang kita senyum senyum teringat "*you* dulu kena buli kan". Tapi kita tau la kita pun buli orang juga dulu. Tapi dalam erti kata lain kita bukanlah buli yang menyeksakan. kita buli sekadar ada dulu besar kepala, ego, ada yang senyap, jadi macam mana nak tarik perhatian. Kalau dalam bidang saya tak pasti mungkin dah ada gap kot *you* all tak kenal siapa senior. Kalau *you* pergi, tapi kalau *you* nak tau *you* kena tengok alumni.

You ada alumni kan SPM, fakuliti. *So* kena carilah siapa alumni ni. Ramai sebenarnya. Paling dikatakan dalam Malaysia ni boleh dikatakan 70 *percent*[peratus] graduan dari UiTM lah.

SAA: Ouh ramainya,.. banyaknya hahaha

AHA: Kalau contoh saya nak pergi lawatan, saya akan jumpa kawan saya atau junior saya, senior saya ke, atau saya ada saya nak bincang saya pergi cari diorang, senang. Itu yang bagusnye. Itu yang saya katakan tadi, *you all*[awak semua] dapat *fast information* [maklumat cepat], diorang akan bagi *you* nasihat yang terbaik. Itu yang saya nampak kenangan manis bila kita di UiTM ni mungkin la kalau kita tak di fakulti ni mungkin sama. Tapi saya nampak *library* [perpustakaan] tak banyak. *So*, kita ada kawan rapat macam tu, Alhamdulillah syukur senang saya bekerja dengan diorang la. *That's why* [sebab itu lah] kalau sampai hari ni pun saya nampak junior saya tengah buat latihan praktikal dekat library saya. Saya okey je, *junior* saya. Yang datang pun saya cakap dengan pegawai saya kena ajar diorang ni betul-betul ni sebab apa nanti besok mereka akan bekerja dengan kita nanti. Alhamdulillah lah, pegawai-pegawai saya pun faham buat apa yang saya nak tu. *so* saya akan letak untuk satu pegawai, contohnya, dia akan melihat *syllabus-syllabus*[sukatan pelajaran-sukatan pelajaran] yang kita belajar dan cuba *mix*[campurkan] kan apa yang kita dapat.

NJA: Alhamdulillah lah Encik apa yang Encik dapat. Tapi kan macam tadi saya tertarik dengan apa yang punya kisah Encik Azman punya. Sebab macam Encik Azman kan dari STPM [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia] lepastu terus melonjak naik ke sarjana muda, kiranya kita tau la daripada sekolah tadika, sekolah rendah dan sekolah rendah pun dah 6 tahun pastu tambah lagi dengan sekolah menengah 5 tahun dengan STPM [Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia] lagi 2 tahun pastu tiba-tiba masuk ke alam Universiti, pastu macam masa awal-awal nak masuk ke alam universiti tu ada rasa apa-apa ke macam ye la *environment* [suasana], kawasan-kawasan, kiranya kawan-kawan Encik Azman sendiri dah cerita masa dekat kawasan dekat universiti itu sendiri.

AHA: Kawasan? Maksudnya macam mana tadi?

NJA: Maksudnya macam suasana. Macam mana Encik Azman adapt dengan kawasan baru. Ye la macam STPM [sijil tinggi persekolahan malaysia] kan pakai baju sekolah, tiba-tiba ke alam sarjana muda-----pakai segak-segak, perempuan pakai gincu.

(mencelah)

SAA:(Ketawa)

AHA: *So you all* [jadi awak semua] tau [tahu] kan *the first day* [hari pertama] pendaftaran, saya kadang-kadang suka lipat baju, kita kadang kadang suka lipat baju kan? Saya dekat rumah memang suka lipat-lipat baju, masa pendaftaran tu memang kita akan pakai baju biasa. Saya rasa itu memang biasa la di universiti. Kita dah boleh projek macam mana, tapi bila saya dah masuk tu lepas mak bapak kita balik then dia ada punya *college orientation community* [komuniti orientasi kolej], dulu ada kesatria, *you all* [awak semua] tau [tahu] kan kesatria tu [itu] apa?

SAA: Tahu, yang kawad tu ke?

NJA: Kokurikulum Satria sahaja, ye la yang kawad tu

AHA: Ye la yang tu, ada juga Satria, tapi semua mostly Satria dulu. Semua sem 1 kena amik Satria dulu.

SAA: Memang wajib kan?

AHA: Memang wajib. Saya kena tegur kenapa lipat baju saya. Saya tersentak la, eh kenapa macam tu. Kita faham kenapa dia buat macam tu sebab dia nak baiki kita la supaya kita jadi orang yang betul, baik, tak nak lah lipat-lipat baju. *First* [awalnya]. *And then* [dan kemudian] pada hari yang sama, saya terkejut apabila semua kena gunting rambut. Dan saya tak pernah tengok rambut saya kena potong pendek. Saya

pun macam tak percaya rambut saya betul-betul macam komander la. Tapi tula, saya kena adapt, semua orang ada latar belakang yang berbeza, ada yang datang dari keluarga miskin, ada yang datang dari keluarga berada. Bila kita dalam satu kelompok, kita akan rasa kecil, sebab semua akan rasa junior. Pada masa itu, semua senior pandang kita macam ni (menunjukkan ekspresi kepada kami). Tapi lepas seminggu tu kita ada orientasi, kita kena berlari, dalam *orientation community* tu, kita jadi rapat, jadi kawan baik. So selepas dari seminggu itu, kita akan berpecah, balik kepada fakulti asrama. So, dekat asrama kena lagi, kita kena bersiap masa balik tu, sebelah malam pula ada pula kita panggil *orientation* dengan apa nama tu, di asrama pulak. *You* faham kan maksud apa yang saya nak sampaikan? Dengan suasana, dengan mental kita yang tak pernah alami. Tapi bukan buli la. Pada saya itu bukan buli. *Senior* suruh kita buat yang ni la buat yang tu la, menyanyi la, macam-macam la, kita buat la tapi pada masa itu, alhamdulillah tiada apa-apa dan saya nampak semua bagus la UiTM pada masa itu tak de la isu yang seperti mana yang dialami oleh isu-isu lain. Yang paling jauh saya nampak lebih kadang-kadang sampai tak berperikemanusiaan betu la, kadang saya tengok dari surat kabar dan sebagainya. Akhirnya selepas hari terakhir *orientation* tu kita nyanyi lagu warisan. Sebab orang melayu suka lupa lagu warisan. Lagu warisan tu mengingatkan kita ni sebagai peribumi. Kalau kita tak jaga, kita mungkin akan jadi macam bumi Palastine contohnya. Dan kita akan merempat kepada bangsa yang terbangun la contohnya. Jadi, dari situ dia terapkan sebab penubuhan UiTM ni lain dari universiti yang lain. Selain itu, kerajaan juga membantu juga supaya lebih ramai Orang Melayu ni lebih maju dalam pelbagai sektor. Tujuannya untuk membantu pelajar kita. Nampak tak *detailnya* [teliti] . Kat sekolah *you all* tak rasa ke *you all* masuk suka-suka je tak de apa. Zaman berubah. Jadi pada pendapat saya, *You* masuk Universiti adalah yang paling bagi saya dulu-dulu tidak ada lagi Universiti Swasta, semua tak de. Universiti Awam ataupun UiTM sahaja. Kalau yang tak de tu, akan masuk kemahiran-kemahiran MARA semua tu. kalau *you* dapat masuk tu, kira alhamdulillah la bagus la. Kalau balik kampung orang tanya belajar mana, UiTM, so orang dah nampak ouh IPT. Sekarang kalau orang tanya belajar mana, dah jadi biasa sahaja. Kalau *You* tak dapat masuk pun, boleh pergi swasta. Zaman dah berubah. Jadi tak sama la macam dulu.

SAA: Bagaimana Encik Azman memupuk minat melanjutkan bidang perpustakaan ataupun pengurusan maklumat. Lepas tu, apa pandangan Encik Azman pada bidang tersebut pada awalnya?

AHA: Saya tak de pandangan khusus la tentang sama ada undang-undang ataupun perpustakaan ni, saya tak de pandangan. Sebab saya pun dulu, saya tak pernah tahu pun UiTM ni ada bidang-bidang yang macam tu undang-undang macam tu. Sebab kita tak de pendedahan waktu itu. Sekarang *you all* ada kaunseling, kerjaya di hebah-hebahkan bidang mana. Dulu tak de, bila *you* dapat result baru *you* tau, ni nak pergi mana ni? So masatu *you* akan tengok bidang-bidang yang *you* rasa sesuai ataupun kelayakan-kelayakan pada masa itu. Jadi, kalau kita lihat masa itu, orang banyak sebut-sebut nak jadi peguam, doktor, guru, pensyarah itu adalah yang paling disebut-sebutkan. Pada masa itu, saya tidak pernah terfikir saya nak bidang apa bidang apa. so , minat saya tu datang sebab rasa ingin tahu nak mencuba sesuatu. So saya ambil je la bidang mana pun. Tapi Alhamdulillah lah saya pun tak pernah tahu dan saya pun explore bidang ni dan akhirnya menjadi bidang kerjaya saya. Dari segi keluarga, saya nampak gembira la, mereka pun tidak kesah bidang apa yang penting kita belajar menara gading. maksudnya , kita dah setapak untuk menjadi orang yang professional. So *you all* pun akan ikut jejak la.

SAA: Masa dulu, ayah Encik Azman jadi seorang polis bukan?

AHA: Dia menjadi polis di Johor Bahru kemudian menjadi buruh la. Buruh biasa.

SAA: Ada tak ayah Encik Azman suruh bekerja sebagai polis ke atau tak de?

AHA: Emmmmm tak de.

SAA: Maksudnya dia *support* [sokongan] Encik Azman?

AHA: Tak *support* pun, dia tidak tahu apa tah belajar kat U [Universiti] tu sebab dia pun tak masuk universiti. dia pun tidak tahu. Janji *you* dapat surat masuk universiti tu dia dah *happy* [gembira]. Dulu punya cerita, saya cerita sedikit, bila ada orang dapat masuk universiti, boleh tumbang kerbau, boleh tumbang lembu, maksudnya buat kenduri besar-besaran. Dapat masuk je, belum dapat kerja lagi. Kiranya apa yang saya nak katakan harapan diorang sangat berharga bila anak-anak masuk universiti. kalau *you* tanya *your father* [ayah awak] ke yang belajar universiti ni, *you* tanya pengalaman dia, mesti family dia suka. Kalau semua family ramai yang masuk universiti lagi orang akan nampak matlamat keluarga tu “ouh anak masuk universiti, ayah dia mesti bagus”. “Ayah dia mesti guru agama” “ayah dia mesti tokoh” dan sebagainya. Ini sebenarnya *reflect* [mencerminkan] pada maruah diri itu sendiri. Saya pernah satu keluarga tu ada belas belas jugak la boleh katakan ramai anak-anak dia masuk universiti jadi ustazah, guru, macam-macam. Pendek kata mak dia satu masa dinobatkan sebagai ibu mithali di peringkat. Jadi *you* tengok bagaimana orang akan bertanya bagaimana dia mendidik anak dia sehingga semua tu boleh berjaya. Semua tu menjadi orang. Tanya pengalaman orang lama-lama ni *you* akan tahu la bagaimana bangganya bila bercerita pasal *family*[keluarga] dia orang.

NJA: Okey baik, Encik Azman, macam Encik Azman ada cerita tak dalam bidang pustakawan ni dia tak *famous* [terkenal] *and* Encik Azman pun tak tau macam mana yang Encik Azman cakap, Encik Azman nak mencuba bidang baru, tapi masa Encik baru je masuk kelas lepastu adakah Encik belajar dalam bidang tu *and* macam mana Encik boleh terima pembelajarannya? PDPR [Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah] nya?

AHA: Okey, macam saya cakap tadi kita ada semangat ingin tahu, InsyaAllah masuk bidang mana pun kita nak belajar. Okey kalau saya tengok, *batch* saya tak ramai, dalam 50, 55 orang macam tu. *So*, antara silabus yang saya tak pasti *you all* belajar juga ke tak, pengkatalogan, pengkelasan, ada?

SAA & NJA: Ada

AHA: Itu kasi untuk pustakawan ambil pengkatalogan, pengkelasan, kemahiran maklumat contohnya. Kemudian, pengurusan maklumat, komunikasi, pentadbiran perpustakaan, perkhidmatan rujukan, indexing, pemuliharaan bahan, promosi dan lain-lain soft skill yang berkaitan. Saya sebenarnya tak tahu jadi saya *follow* [ikut], saya belajar saya *follow* apa yang pensyarah ajar dan yang kita katakan kita faham contohnya kita ada perpustakaan, kemudian kita tengok ouh macam ni rupanya, macam ni *flow*nya [aliran]. Macam ni jadi kaunter melayan apa nama pelanggan di perpustakaan. Jadi di situ kita sesuaikan masa latihan industri, kita buat benda tu. Nampak tak? Instead dia bagi kita kemudahan and pilih bidang kita kerja than kita ada pengalaman tu membantu kita untuk kita. Bila dia bagi pendedahan, step by step kita ikut, kita ada pengalaman, dan pengalaman tu yang membantu kita untuk Itu yang dipanggil professional.

NJA: Kiranya kan Encik Azman, kita sedia maklum kalau kita nak buat *record catalogue* [rekod catalog] tu. *record catalogue* ni kita kena buat *base on* [berdasarkan] apa. Contoh macam bahan tu adalah math ataupun bahan *recording* [rakaman] ke apa. Caranya berlainan. Ada berlainan sedikit. So masa awal-awal tu susah ke mula-mula masa belajar. *And then* macam mana Encik Azman boleh senang nak ingat macam tu?

AHA: Okey even yang masa sekarang ni, dia biasanya pensyarah bagi banyak latihan. Masa tu dan *source* [sumber] tu datang dia akan terangkan balik apa yang latihan kita buat betul, ke salah ke, dan pada masa yang sama, kita banyak explore la. Kita kena baca, bertanya dengan pensyarah sebab pensyarah tak kan bagi 100% [peratus]. Dia akan bagi *you* 10%, 20% [peratus] . So , *you* kena cari lah. Kita kena baik dengan pensyarah lah. Pensyarah akan pemerhatian dan sebagainya. Yang tu la paling banyak kita main. Sebab saya ni kadang-kadang saya tak suka kelas satu hari sebab dia mengantuk. *past u you* [lepas awak] tahu la UiTM, kadang pukul satu diorang panggil makan pukul satu lebih panggil sembahyang lepas pukul 2, 2.30 [petang] dah masuk kelas. Tak penat tapi dia macam makanan bila hadam kita akan mula layu, kadang masuk kelas mata saya dah macam ni. Jadi saya tak berapa suka kadang-kadang saya tak fokus jadi saya terpaksa kadang-kadang balik kelas study lebih sikit. Kelas-kelas yang petang tu. kelas pagi tu alhamdulillah takde masalah. Adalah buat *catalogue* [katalog], kadang-kadang mengantuk. Pensyarah ni nak ajar kita mendewasa, dia tak buat apa pun kadang-kadang dia ketuk saja meja takde lah berdiri atas meja ke rotan ke takde lah. Itu la pengalamannya pensyarah-pensyarah pun bagus dan saja-saja buat

catalogue tu diberi secara berperingkat-peringkat. Macam contohnya sem 1 [semesta satu] dia ada *basic library* [pengetahuan asas perpustakaan]. *Time* [masa] tu pada yang lebih mendalam la, kemahiran maklumat contohnya, perkomputeran dan sebagainya lah. Masa sekarang saya ingat takde masalah. Memang saya komputer tu, internet baru nak ada dan kemudian komputer kedabak. Masih besar lagi tak macam sekarang. *You* tengok evolusi telefon dulu. Itu siapa yang bawa orang kampung kata paling bagus la. Dulu telefon tu mencacak kat kampung je kan. Tapi kalau telefon tu ada, dia menganggap sesuatu yang maju la. Tetapi, kemudian teknologi berubah, yang kecil, orang kata yang boleh baling anjing, sehinggalah yang sekarang, *you* boleh letak dalam poket sangat berbeza. *so*, bidang kita pun macam tu la, kita berkait dengan komputer. Maklumat tu tidak boleh sepanjang macam tu, ia kana berubah dengan teknologi dan sebagainya. *So*, komputer masa itu kita pun belajar juga. Kita buat program dan sebagainya. Tapi yang saya rasa sekarang ni *you* all punya lagi advance, *you* boleh install. Masa zaman saya nak ke *you* all ni, saya masih ingat diorang nak merancang *upgrade syllabus* [menaik taraf sukatan pelajaran]. Kalau tak *upgrade* [menaik taraf] kan habis. Memang takut nanti fakulti ni tak dikembangkan, *you* all tak boleh mohon. Orang akan pergi bidang-bidang yang lain. *So* saya ingat lagi, bidang tu akan bertahan selama 20 tahun dan di *upgraded* *syllabus-syllabus* tu. saya rasa sekarang lagi maju lah. Dan sekarang ni saya nampak pecah kepada arkib dan media. Saya nampak bagus sebab dia kembangkan selaras dengan teknologi supaya kita ada permintaan daripada orang kerajaan untuk masuk ke bidang ni. Saya rasa ramai orang minta kursus-kursus dalam fakulti maklumat. Tapi asalnya dulu tak macam tu. saya ingat lagi dekan masa tu, Dr Zarina ada lagi tak masa itu?

SAA: Tak de.

AHA: Mungkin dia dah pencen la kot. Dr. Hamidah ada lagi kan?

SAA: Yang tu saya tak berapa pasti.

AHA: Yang sekarang ni kebanyakan orang baru je. Tengok dari senarai-senarai nama tu, saya tak kenal. *Maybe* [mungkin] diorang pun pelajar yang disambung luar pengajian kot dalam bidang yang sama kot. *Oversea* [luar negara] ke, *so* balik diorang

jadi dekan, pensyarah, *senior*. Saya anggap macam tu la. Maybe diorang pergi sana tu ada sesuatu la yang diorang bawa balik untuk apa nama silibus baru la.

SAA: Apakah subjek yang Encik Azman paling suka ketika itu? *Time* [semasa] Uni dulu subjek yang paling suka dan paling tak suka.

AHA: Tapi paling tak suka dulu katalog.

SAA: Ouh catalogue, yang paling suka?

AHA: Saya yang paling suka masa tu komputer, saya suka. Sebab kadang-kadang saya boring saya simpan file dalam software kee, tukar-tukar kan jadi sampai sekarang saya ingat lagi la. Kemudian, ye la itu sebenarnya mencuba kepakaran kita dalam bidang-bidang macam tu la kan. Sampai sekarang la saya minat ICT la. ICT, sistem, even saya kerja pun saya masuk kena jaga sistem juga. Sitem library. Tu lah.

SAA: Okey, Di manakah Encik Azman menjalani latihan industri semasa di ijazah sarjana muda? Contohnya nama syarikat dia apa?, pekerjaan dia berapa lama?

AHA: Okey, saya buat latihan industri pada tahun 1999 masa tu di UiTM cawangan Melaka dekat dengan Muar. Latihan tu biasanya dalam tempoh 6 bulan la. jadi , dari segi proses pemilihan, saya cari yang berdekatan la dengan tempat tinggal, sebab masatu tak de[tiada] elaun. sebab , bila tiada elaun, jadi saya terpaksa cari rumah sewa. Itu adalah kos. Bila saya nampak, saya buat praktikal di Melaka, saya cuma ada kos yang rendah ataupun saya menaiki moto. Jadi mudah la. cuma masatu fakulti yang membantu kita memohon penempatan untuk latihan industri tu. sekarang saya tak pasti macam mana. Cuma, *you* all sekarang ada pensyarah kan, masih lagi pensyarah yang uruskan ke atau diri sendiri?

SAA Kebanyakan Pensyarah.

AHA: Pensyarah yang uruskanlah?

SAA: Ha ah betul.

NJA: Untuk Industri punya ke?

AHA: Ye, ye industri.

NJA: Yang itu kami tak *sure* [pasti] lagi, kita orang pun belum lagi mencapai nak ke praktikal belum lagi.

SAA: Tapi kan, aku amik subjek sem 6 [semesta]tu kan yang tu pensyarah yang bagi.

NJA: Ouhh..

SAA: Yang tu kita tak boleh pilih

NJA: Serius ke?

SAA: Ha ah.

AHA: Ye saya tau la. Sebab saya yang menerima permohonan tu, biasanya datang dari pelajar sendiri. *so* , kalau kita bersetuju menerima, then nanti kita akan kasi tau balik kepada pensyarah atau pelajar dan kita akan maklumkan kepada pensyarah dan pensyarah akan mengeluarkan satu kenyataan daripada fakulti secara rasmi dan biasanya kita akan terima. Biasanya surat rasmi keluar selepas pelajar merisik tadi dan bertanya sama ada boleh ke tidak. Kalau kata dia tak sanggup terima maknanya takde lah. Hanya yang terima sahaja akan keluar surat sebagai surat rasmi seperti mana kementerian kasi surat la daripada saya. *So*, disitu macam kita takde elaun la, masa saya dulu takde elaun, yang terima alhamdulillah masuk praktikal 6 bulan dan kerja la, semua tanggung sendiri. Takde elaun. Sekarang dapat elaun kan? Dulu memang takde la tapi permohonan untuk latihan industri biasanya ambil 3 bulan. Latihan industri tu awak kena cari penempatan. Sekarang ni, semua akan bertanya kat mana nak cari tempat kan. Masing-masing risau boleh dapat tempat ke tidak. *Especially* [terutama] yang saya dapat kebanyakan yang buat dekat Melaka ni banyak nya orang Melaka je ataupun kawan dia dari luar negeri yang lain yang tinggal bersama dengan dia buat latihan sekali di Negeri Melaka ni. Okey, macam dulu bukanlah tahun akhir maksudnya kalau 6 sem,

sem 5 [semester kelima] tu *you* all kena praktikal. *Then you* [kemudian awak] balik dan *you* akan ada satu sem sebelum *you graduate* [graduan]. Sekarang macam mana? *You* last praktikal tu last?

NJA & SAA: Ha ah. Betul. Sebulan sebelum sem akhir la kita orang praktikal

AHA: Saya rasa tu ada sangkut dengan silibus kamu. Sebab mungkin salah satu sebelum dan selepas graduate dan dia dah mungkin dilamar oleh syarikat yang korang buat praktikal walaupun dia belum naikkan sebagainya. Tapi sebabkan kemahiran dia, dedikasi dia pada syarikat. Mungkin syarikat boleh amik. Itu satu benda yang bagus la macam kami dulu tidak, kami habis balik Uni dulu habiskan satu sem lepas tu kita *apply* [mohon]. Kalau ada syarikat yang nak terima kita bekerja la. Itu maksudnya lah.

NJA: Kiranya Encik Azman macam kita pelajar boleh jugak ke mohon nak hantar surat latihan industri kepada mana-mana sektor *government* [kerajaan]?

AHA: Boleh. Tapi terpulanglah sama ada dilayan atau tidak. Ikut setengah tempat. Dia tidak ada peruntukan, dia tidak perlukan pelajar untuk latihan industri, *so* dia tak terima. Ada setengah tempat memerlukan sebab nanti dia boleh bagi untuk *you all* [awak semua]. Faham tak? Ada setengah tempat dia cuma amik satu ke dua orang untuk membantu dari segi berkongsi pengalaman. Nanti tengok la nanti sama ada elaun atau tak de elaun itu nombor dua tapi bagaimana *you* terima tu nanti *you* latihan nanti *you* tahu la. Kalau diorang bagi *you* kerja yang hari-hari sama sampai habis. *You* rasa apa? *You* akan mahir satu benda je, patut *you* kena mahir semua benda la dalam bidang *you* sendiri. Betul tak?

SAA: Betul..betul... sokong.

NJA: Kiranya macam Encik Azman boleh kongsikan sedikit bentuk latihan untuk kerja yang Encik Azman buat atau lakukan semasa latihan industri itu?

AHA: Okey, sebenarnya prospek kita ni adalah apabila kita keluar nanti. Ada pegawai, betul kita ada satu pegawai ni, ketua yang menjadi semua,. Kita kena tahu semua kerja perpustakaan tu dari A to Z. So, kita akan menjadi kepada operasi. Seperti operasi

jurusan kita kena tahu. Kita akan belajar pada contohnya bahagian pengalihan buku. Kemudian kita akan ada akauntan, bahagian rujukan. Ada yang akan pergi pada bahagian media. Semua kita akan pergi tu kita akan explore la macam-macam. Contohnya di rujukan, kena buat pemilihan *sticker* [pelekat] yang sesuai kalau ada *awareness* [kesedaran]. Kemudian, di kaunter kita akan belajar macam mana nak menguruskan buku pinjam dan pulang dan sebagainya. Pada masa saya pun, saya pun buat macam tu juga. Tapi pada masa saya dulu masa tu dia punya pegawai pun kurang. Saya dah nampak dah dia bagi saya setimbun surat khabar. Habislah saya kata. Itulah saya kena control. Hari-hari saya kena potong keratan akhbar. Contohnya, macam NSTP, kita la kena potong-potong, kena tampal dia ada satu kertas yang kena tampal. Habis situ lekat lai. Sekarang kita tak pakai *news/akhbar* kan. Kita pilih dan kita *scan* [imbas]. Jadi, nanti bila kita nak cari, kita dah dapat. Ini tak, *you* kena koyak potong tampal semua tu la. So jadikan dia satu buku. Untuk kalau nak cari kerja UiTM ada satu, awak nak cari tentang contohnya *engineering* [kejuruteraan] dia satu benda ataupun benda-benda yang lain dengan institusi yang berkaitan dengan UiTM la apa benda bidang-bidang yang ada. Seperti kursus akaun. Jadi kita akan adalah yang berkaitan contohnya isu-isu yang ada disekeliling. Yang tu yang kita gunting. Tugasnya agak remeh la. Macam sekarang ni, ada scan pun takpe sebab digital. Surat khabar pun dah digital. Kita cuma ambil dan *crop* [potong] je kemudian text saja. Tak macam dulu la. Jadi benda-benda tu saya nampak sekarang ni dah berubah dan teknologi banyak membantu. Pada masa saya dulu, banyaklah yang saya kena buat. Dibuli itu biasala kan. Kemudian nampak macam bosan kan, tapi sebenarnya memahirkan kita la contohnya *tag article* [artikel tag], kena aturkan dia, rekodkan dan sebagainya. Itu dulu memang ada ajar dan benda tu banyak membantu saya. Sampai saya kerja la. bila tengok surat khabar tu, teringat saya dulu-dulu. Tapi itulah asam garam. Saya tak tahu la *you all*, apa yang *you all* kena saya tak tahu.

SAA: Mungkin lagi teruk kot.

AHA: Eh takdelah, zaman sekarang ni maybe dia suruh *research* [penyelidikan] je, cari maklumat-maklumat dari internet saja.

SAA: Betul. *Document Controller* [pengawal dokumen] merupakan pekerjaan pertama Encik selepas menamatkan pengajian Sarjana muda, boleh bercerita sedikit

mengenaunya? Contohnya macam adakah pekerjaan yang kedua selepas menjalani latihan industri?

AHA: Okey, latihan dalam amali ni saya tak anggap bekerja la sebab semua latihan sahaja, dia tak guna gaji dia cuma latihan. Tetapi bagi kerja saya yang *first* tu adalah selepas pengajian tu saya kerja sebagai Document Controller. Itu pekerjaan saya yang pertama dan saya bekerja selama lebih kurang 5 bulan. Itu dari November 1990 hingga Mac 1991. Kalau kita faham document controller ni dalam bahasa melayu ialah pengawal document. Antara tugas yang perlu dijalankan adalah saya perlu membangunkan perpustakaan secara sistematik dan menyelenggara document projek seperti dokumen syarikat, document sebut harga, sumber-sumber rujukan berkaitan aktiviti syarikat pada masa itu. Syarikat itu lebih kepada Engineering, so, kena carilah yang berkaitan dengannya supaya dia punya engineering dapat maklumat la, dapat membaca perkara-perkara yang berkaitan dan memastikan maklumat yang tepat beri kepada semua organisasi. Maksudnya organisasi ni dapat maklumat lah. Sebagai contoh, macam saya MMC (Malaysia Mining Corporation) saya perlu menyusun dan simpan document berkaitan dengan elektronik dan salinan cetak maklumat berkaitan syarikat dari segi perlombongan supaya mereka dapat access maklumat-maklumat yang berkaitan dengan jurutera, pereka, juruukur, arkitek, eksekutif pemasaran dan lain-lain. Ye la, kalau kita tengok gaji pada waktu itu *fresh graduate* tak berapa. Agak-agak berapa masa itu?

NJA: Mungkin dari RM600 tahun 1990 kan, RM800?

AHA: Okey, gaji *fresh graduate* [siswazah yang baru] pada masa itu, dia sebenarnya bergantung kepada majikan. Pada masa saya ni lebih kurang RM700 sahaja. Dia tak de elaun. Maknanya memang solid dia bagi RM700. Cuma bergantung pada *you* la, *you* pandai ke tak pandai. Gaji *Payslip* [salinan gaji] dulu lain, cuma *you* kena buat berdasarkan pengalaman, ikut sendiri. Kalau kita buat salah, dia tak tau, kita yang tau kan? Jadi gaji pada masa itu tahun 1991 RM700 saya anggap munasabah lah sebab barang-barang tak semahal sekarang.

SAA: Betul. Dulu Rm50 boleh dapat banyak.

AHA: Ha ah. Satu troli kan? Sekarang ni saya rasa RM50 tu tak cukup satu troli. Suku troli pun tak sampai dah. Rm 700 tu saya rasa okey la, saya rasa munasabah. Saya duduk KL tak pegi mana. Saya duduk rumah dengan adik saya. Adik saya duduk di KL. Saya duduk dengan dia. Saya rasa cukup la pada masa itu.

NJA: Okey, jadi sekarang kiranya kitaorang sekarang tahu la yang Encik Azman sekarang ni tengah berkhidmat kat perpustakaan Laman Hikmah. So kiranya, berapa lama Encik Azman berkhidmat kat sana dan macam mana Encik Azman boleh dapat kerja dekat sana? Adakah encik membuat permohonan mana-mana laman web macam tu lah dan kenapa encik nak kerja dekat situ?

AHA: Saya bertugas lebih kurang 19 tahun la. Daripada 2002 hingga 2021 la. Biasanya untuk bertugas dekat sini biasa nya kita mohon la. Saya melihat tawaran bekerja di keratan akhbar tak pun masa tu ada juga la mulut ke mulut yang menyampai adak kerja-kerja kosong di ah... masa tu bukan UTeM. Ia masih lagi Kolej Universiti Politek Kebangsaan Malaysia. Jadi proses tawaran tu biasanya selepas kita mohon, kita akan temuduga untuk dinilai dari segi pengalaman kita. Pada masa tu UTeM adalah universiti baru jadi itu adalah pengalaman saya yang baru berbanding perpustakaan-perpustakaan yang sebelum ni. Jadi Universiti baru ni dia akan gandingan eh hydrate orang lama dengan orang baru. Orang baru ni fresh grad so orang lama akan guide la diorang ni. Yang *fresh grad* [lepasan siswazah] bayar murah la sebab *fresh grad* kan. Gaji dalam RM1200. Jadi macam saya ni sebab ada pengalaman, dia akan nilai yang lain la. Saya pada masa itu dengan bos saya masa itu yang jaga perpustakaan tu la pada masa itu. Ada beberapa faktor la kenapa saya memilih UTeM. Yang pertama, saya nak balik negeri saya dan berkhidmat di negeri saya la. Sebab sebelum tu saya berkhidmat di Terengganu dan tempat-tempat lain la. Kemudian itu adalah faktor yang pertama saya menetap. Yang kedua, faktor gaji la. Gaji yang munasabah la, lumayan. Jadi, pustakawan pun kena pilih gaji kan. Yang ketiga, kita nak cari pengalaman yang baru la di perpustakaan ini sebab sebelum ni saya pernah bertugas di swasta, di perpustakaan kolej, di perpustakaan awam. Jadi saya nak mencuba yang baru di akademik la. okey . satu lagi, UTeM ni saya pilih sebab dia universiti baru dan memerlukan kepakaran la. So itu yang saya mohon. Dan lagi satu adalah lokasi dari tempat kerja ke rumah lebih kurang 30 minit juga la. Jadi

tidak sesak la macam KL[Kuala Lumpur]. Saya juga dapat kawan-kawan kerja yang baru , suasana baru. Itu la sebabnya saya pilih ke UTeM.

SAA: Apakah pencapaian terbesar Encik Azman? Apakah kenangan saat mencapai kejayaan terbesar di saat itu?

AHA: Okey, seperti mana yang *you* tau la, bila *you* dah duduk di UTeM ni saya juga ada memegang beberapa jawatan. Saya juga terlibat jawatankuasa mesyuarat-mesyuarat peringkat atasan contohnya Jawatankuasa Tetap Senat, MyRA, ada jawatan lain JPIPU [Jawatankuasa Pembangunan, ICT dan Pengurusan Universiti] Pengurusan Kewangan dan Akaun ,CIO[*Chief Information Officer*] ini adalah sebahagian jawatannya pengerusi jawatankuasa tata tertib perpustakaan Laman Hikmah, dan banyak lagi la. *So*, saya di peringkat pusat, saya juga tidak fokus pada persatuan, saya juga terlibat dengan mesyuarat universiti lah. Dan lama saya bekerja ni, nak kata banyak tu tak de la, tapi nak kata ada pencapaian tu, ada pencapaian lah. Dia ada satu peribadi bagi diri saya. Yang pertama masa saya kerja di perpustakaan awam dulu saya perna, *IFLA* [International Federation of Library Associations and Institutions] tahu tak? *IFLA* ni dia buat tiap-tiap tahun di negara yang berbeza-beza lah. Pada masa tu saya dapat di Copenhagen, Denmark pada tahun 1997. *so*, *first time* [pertama kali] saya ialah bagaimana pustakawan berbagai kaum la di dunia ni, putih, hitam. *So* diorang ni faham satu bahasa, Bahasa Inggeris. Kita semua berkongsi pengalaman diorang la berdasarkan kertas-kertas dibentangkan tu. yang tu bagus, dapat *share* pengalaman diorang dan bawak balik kemudian kita mana yang amalan tu baik, yang kita boleh bawa balik yang boleh kita apply di sini la. Kemudian pada tahun 2014, saya dapat saya ada satu lagi melalui PIPPA *International Outreach Program* (IOP), yang tu saya dapat ke Murdoch University di Australia bersama beberapa orang staf dari universiti awam yang lain.

SAA: Berapa lama tu Encik Azman?

AHA: Tak lama la, dalam seminggu dua minggu. Kita dapat suasana bagaimana diaorang beroperasi la perpustakaan dia, suasana universiti dia, kita dapat terus la bagaimana, orang sana punya universiti dia. Kalau kat sini, kita ada swasta la MOU. Kemudian yang apa saya boleh

katakan, yang di Malaysia ni perpustakaan UTeM ni pada 2018, kita menerima lawatan la dari persatuan-persatuan SUKMA[Sukan Malaysia], masa tu Malaysia jadi tuan rumah. Kita menjadi tuan rumah selepas persidangan tu, mereka membawa peserta-peserta ni yang nak pergi ke utara,pantai timur, barat,selatan. Setakat paling jauh sampai Melaka je untuk mereka lihat sendiri Perpustakaan operasi. Mereka boleh lihat bagaimana kepakaran perpustakaan di Malaysia operasi. So, UTeM adalah salah satu perpustakaan yang menawarkan lawatan tersebut. So, kita rasa *proud* [bangga], mat saleh dapat datang tengok macam mana kita uruskan perpustakaan. Tapi diorang punya lagi maju la kan, tapi bila diorang datang tu, diorang tak memperlekehkan perpustakaan kita la. Diorang bertanya tentang perpustakaan kita, jadi kita boleh *sharing* [berkongsi], daripada Indonesia pada masa itu dan kita menjamu mereka dengan kuih-muih Melaka, naik beca. Jadi diorang *appreciate* [menghargai] dengan apa yang kita buat la. Mengambil gambar dengan beca,naik atas beca. Diorang boleh bawak *memory* [kenangan] tu bawak balik. So kita rasa *proud* [bangga] sebab kita boleh *contribute* [menyumbang] jadi sebahagian dari sejarah di Malaysia ketika itu. Itu adalah pencapaian-pencapaian yang ada yang memberi peluang dan terdapat pengalaman-pengalaman yang tak dapat dielakkan semasa belajar. Kalau ada masa nanti saya kongsi la. Gambar-gambar dan juga jawatan-jawatan yang saya pikul ketika zaman saya muda.

SAA: Boleh.. Boleh

AHA: Okey.

SAA: Okey.

SAA: Apakah sejarah perpustakaan UTeM yang encik tahu? Contohnya macam pembinaan bangunan perpustakaan? Siapakah yang memberi idea terhadap pembinaan perpustakaan ini? Apakah konsep/tema bangunan tersebut? Bilakah dirasmikan? Mengapakah pemilihan nama perpustakaan ini diberi?

AHA: Okey, perancangan pembinaan perpustakaan ini dan lain-lain bangunan di KUTKM saya kira tahun 2003. Kemudian sekitar 2003 tu diorang merancang untuk membangunkan bangunan di kampus. Dulu di Taman Tasik Utama di Ayer Keroh. KUTKM tu di situ. Kemudian kita berpindah sekitar tahun 2008. Tapi perancangan

apa-apa pembangunan bermula lebih awal lagi la. Idea tu saya tak pasti. tapi , idea tu maybe datang dari pengurusan universiti pada masa itu. Saya tidak tahu apa konsep yang diorang nak buat tapi bila kita kata engineering ni maybe dia nak buat satu konsep yang moden kot. Tak de konsep tradisional dan sebagainya. Tapi, yang saya cuma tahu diorang buat konsep jari lima contohnya masuk campus dia ada bulatan lima jari tu la. Dia ada contohnya kawasan akademik, kawasan macam dekorasi dan sebagainya. So, kalau saya lihat, library Laman Hikmah ni paling strategik, *firstly* [pertama], *you* masuk campus ni *you* akan nampak *library* dulu. *So* senang cari kemudian dikelilingi fakulti la. Macam saya cakap tadi, saya tidak tahu apa tema konsep sampai sekarang saya tak tahu. Cuma dari segi rasmi tu kita kata tak pernah rasmi pun sampai sekarang. Cuma, ia ada penambahan, dulu kita ada perpustakaan UTeM, yang kita tukarkan kepada perpustakaan Laman Hikmah. Kita ada lagi satu majlis la, pelancaran perpustakaan itu pada 14 September 2017. Tuan Yang Terutama Tun Canselor UTeM yang melancarkan perpustakaan Laman Hikmah dan juga ada beberapa bangunan-bangunan yang lain. prosedur tiada pelancaran sahaja. Okey dari segi macam mana dapat nama Laman Hikmah ni. Ia agak unik la. So, ini ada dalam Mesyuarat Majlis Eksekutif Bilangan pada Februari 2017[tahun]. Jabatan memutuskan bahawa perpustakaan Laman Hikmah ni menggantikan perpustakaan UTeM yang mana merujuk kepada fungsi UTeM la, fungsi perpustakaan yang telah berubah bukan setakat jadi gedung malah menjadi tempat pertemuan, meeting point untuk UTeM la. Bukan setakat membaca je, tempat berbincang apa-apa sahaja la yang bersesuaian dengan perpustakaan. Jadi, sebenarnya untuk meningkatkan imej Korporat berdasarkan fungsi. Kalau nak kata nama Laman Hikmah ni kan, Laman ni kalau dekat Melaka, laman tu apa yang orang dulu dulu kata la kan, kalau balik kampung, kat mana *you all* duduk. Mesti cakap laman kan, kemudian ada makan-makan, kenduri-kendara di laman. Jadi laman tu kawasan yang hidup. Hikmah tu faham-faham la maksud hikmah tu wisdom kan. Bila kata *wisdom* [kebijaksanaan] ni ia berkaitan dengan *library*. Laman tu satu ruang, *so* itu dikaitkan la juga dengan apa nama tu Laman Hikmah la. *Clear* [jelas] tak tu?

SAA: Jelas. Lepastu macam bajet projek penubuhan perpustakaan UTeM tu macam mana? pastu, Bilangan pustakawan yang ada semasa awal penubuhan?

AHA: Okey, kalau kita lihat Perpustakaan KUTKM ni ditubuhkan pada Disember 2001 dan perpustakaan KUTKM ni mula memberi servis pada 10 Jun 2001 apabila wujudnya

UTeM eh KUTKM pada masa itu wujudnya KUTKM pada masa itu maksudnya bila dah ada je universiti mesti ada perpustakaan. Okey. kemudian dia beroperasi di rumah kedai sahaja pada masa itu. Dia bukan universiti yang tetap. So kalau *library* tu dia boleh tampung seramai lebih kurang dalam 250 orang sahaja pada satu masa dan pada masa tu juga cuma ada bahan majalah, ruangan akhbar dan buku-buku je. Contohnya bangunan-bangunan rumah kedai tadi disatukan menjadi kampus. Jadi kalau dengar macam tak seronok kan sebab dia tak rupa campus sebab kampus memang tak de.

NJA: Maaf mengganggu, mencelah... minta maaf, nak tanya macam tadi Encik Azman ada cakap *library* [perpustakaan] tu macam rumah kedai saja. maksudnya , kecil, kecil macam mana tu?

AHA: Kecil. Dia ruang di bawah dan 2 3 kedai dipecahkan dijadikan library la. Macam rumah kedai. *You* tau kan rumah kedai? Dia ada 3 lot. 3 lot tu dipecahkan dan jadikan satu library la. Dia tak de la nampak sekat-sekat. 3 lot jadikan satu. Ada la ruang tapi dia atas corner macam kedai serbaneka-----Uitm, library semua tu. tapi rumah kedai ni sekadar----- memastikan pelajar-pelajar yang-----dia dapat boleh ada tempat belajar dan sebagainya. Okey kalau kita lihat dari segi dokumen. Dokumen pembukaan ni memang tak de. Penubuhan ni adalah penubuhan berdasarkan KUTKM atau UTeM tu sendiri yang mana dipanggil pewartaan Perintah Universiti Teknikal Melaka dan penubuhan sesuatu universiti mesti datang daripada perlembagaan sendiri. Bila wujudnya satu universiti akan wujud satu perpustakaan, akan wujud fakulti, pembangunan, fasiliti, wujud keselamatan, dan sebagainya. Jadi macam tu la maksudnya. Perpustakaan tu tak bukak sendiri, dia mesti dengan penubuhan universiti itu sendiri. Okey dari segi bajet, so memang tiada bajet la, bajet tu datang dari universiti itu sendiri. Maksudnya universiti punya bajet dari segi pembangunan itu semua. Pejabat pengurusan yang uruskan. Kita cuma cari bahan perpustakaan dan beli bahan perpustakaan. Cuma pada masa itu kita cuma ada bajet untuk beli buku sebanyak 1.5 juta. Asal pada masa itu, pelajar baharu ada lebih kurang 500[orang] lebih. jadi , diorang perlukan bahan-bahan untuk pencarian..... dan jadi masa ke semasa kita kena merancang la bagaimana kita nak menambah lagi kemudahan-kemudahan sumber-sumber maklumat supaya perpustakaan kita ni akan mendapat lebih banyak sumber dan bajet semuanya. Caranya adalah kita kena bajet tahun ke tahun dan juga kita kena ada perancangan strategik 5

tahun . so kalau 5 tahun kita kena pandang hadapan la untuk 5 tahun lagi macam mana. Kita nak jadi apa masa itu, perpustakaan kita nak jadi perpustakaan apa. So kita kena merancang pada awal la. Contohnya 2021, 2025, sekarang dah UTeM ada satu dipanggil pra strategik. 2021 hingga 2025, 5 tahun. Perancang-perancangan----- menambahkan lagi servis, menambahkan lagi sumber bahan, menambahkan lagi staff, macam-macam lagi la la kita merancang mengikut kesesuaian. Tak semua kita merancang tu kita akan dapat. Contohnya macam zaman covid ni banyak kena potong, government bila takde duit, dia tak boleh bagi lebih jadi kena belanja kena dengan apa yang kita dapat. Perancangan memang kita buat tapi tak semua, kita kena adjust la tengok macam mana nanti. Okey?

SAA: Faham.

NJA: Macam tadi Encik Azman ada cakap yang UTeM tu dia tak de buat perasmian, tapi dia cuma buat pelancaran. Kiranya sehari pelancaran dilakukan tu. siapa yang menghadiri pelancaran perpustakaan tersebut.

AHA: Dia takde pelancaran dibuat di perpustakaan ye. Pelancaran dibuat di Dewan Canselor. Majlis itu dinamakan mmmm dia bukan pelancaran yang dibesar-besarkan. dia macam pelancaran dari dewan UTeM lepastu pegi dewan-dewan lain pulak perubahan tu dibuat di dewan canselor bukan dewan di *library* la. Jadi tidak ada perasmian lagi di *library* cuma tukar nama sahaja. Majlis tu dibuat cuma sebab tukar nama sahaja.

NJA: Kiranya kalau koleksi awal pada peringkat awal, bahan apakah yang diutamakan dalam perpustakaan tersebut Ye la kita tahu itu perpustakaan yang baru, apa je bahan yang diutamakan and apa bahan yang diperoleh dan apa sumber bahan, macam daripada belian, sumbangan mahupun apa? Pada awal penubuhan, adakah bahan bacaan 100 peratus terdiri daripada bahan bercetak? Bagaimana cara pelajar ingin meminjam bahan bacaan disana? Adakah menggunakan kad katalog ataupun sudah menggunakan *system* [sistem]?

AHA: Pada peringkat awal penubuhan adalah bahan yang bercetak. Bahan bercetak ni adalah bahan yang menyokong teras. contohnya subjek teras di UTeM ni adalah bidang

kejuruteraan. So, buku dan juga bahan-bahan rujukan umum macam *dictionary* [kamus],----- . Jadi, bahan-bahan tu kita kena adakan sebab dia yang pasti ianya yang menyokong pelajaran-pelajaran dan penyelidikan di KUTKM pada masa itu. Jadi, macam yang saya boleh cakapkan tadi, 1.5 juta itu adalah bahan-bahan merupakan bahan-bahan yang kita beli. Sebabkan dia bagi, kita beli tetapi ada juga bahan yang disumbangkan oleh pensyarah sebab nak bantu bahan rujukan tu, pensyarah bagi atau sesiapa la yang rasa buku tu bersesuaian dia akan bagi. Kita library terima saja. Jadi pada tahun 2001, kita ada sebanyak 5642 judul bahan ataupun bersamaan dengan 6644 naskah kita dapat sediakan. *Budget* [belanjawan] 1.5 juta tadi tu, kita dapat beli sebanyak 6644 naskah. Awak bayangkan satu buku kalau kita amik dari oversea contohnya *maybe* boleh jadi 200. Jadi berapa banyak saja buku-buku dari oversea ni mahal. Sebab buku-buku di tempatan ni kita tak banyak yang berbahasa inggeris. Kita tidak ramai pengarang, jadi kita membeli daripada *oversea* [luar negara] terus. okey , boleh dikatakan keseluruhannya bahan buku itu adalah bahan bercetak la pada masa itu, universiti baru, tidak ada lagi sumber. Okey, memandangkan sistem kita agak besar time tu wujud pada 2004 [tahun], *so*, macam saya cakap tadi, kerja-kerja d kaunter semua buat secara manual. Pernah tengok tak perpustakaan yang dibuat secara manual. Tak jumpa lagi kan?

NJA: Tahu yang pakai kad kan? Yang pakai kad

AHA: Macam mana awak tahu?

NJA: Ahhh.. sekolah rendah ada, pernah alami.(ketawa)

AHA: Saya ingat awak dah *advance* [maju] dari saya. Tak lagi kan?. Betul la tu, sekolah-sekolah dia ada bajet dia, so diorang ni kalau *you* lihat ada lagi yang gunakan cara yang tradisi lagi la. *So*, kalau kita kerja dekat kaunter ni, kita akan buat apa? Kita ada kotak, kita panggil laci catalogue. Laci catalogue tu kita nak cari pada nama (tokoh berdehem), pada tajuk,

(Mencelah)

SAA: Huerm huerm betul

AHA:ataupun apa lagi,dia ada tiga benda la.. Mmm perkara.. Perkara. Jadi bayangkan saya nak cari satu buku, saya kena cari kemungkinan dalam 10 minit paling cepat. Nak cari 2 buku mungkin 20 minit, kalau nak cari 5 buku mungkin saya ambil satu jam untuk cari. Nampak tak?

(mencelah)

NJA: Lamanya,nampak.

AHA:Itu la cara lama. Bila kita dah dapat, maklumat tu kena pergi lagi dekat rak tu sama ada buku tu duduk di situ ataupun mungkin di troli, di mana. kemudian , apabila, kita nak pinjam, kita ambil buku tu tadi kita akan ada dipanggil kad pinjaman. Belah belakang buku tu pernah tengok tak apa nama ni, biasa dia ada satu sampul. Kan sampul tu kita keluarkan dan kita akan cop.

NJA & SAA: Ye betul, pernah nampak.

AHA: So, kita akan cop. Dekat sana ada sekeping, so kita akan cop lagi sekali so dia akan itu adalah orang panggil pulangan. Kalau kita tengok itulah dia tugas sebagai sistem. Memang kita tengok memang azab la kita panggil sebab itu banyak masa, membazir kertas tapi kena buat. Tetapi, bila kita dah ada sistem, kita punya tu dah banyaklah yang berubah. Saya tak pernah lagi alami zaman macam tu la. Bekerja yang macam itu memang agak sedih juga la, tapi di situ saya dah mengalami dah benda alah itu. So, saya menikmati la sebagian itu sebagai pengalaman saya untuk bercerita kepada awak (ketawa). Jadi, saya ada cerita untuk awak zaman saya tu, pengalaman tu panggil *conservative* agak-----atau kuno la. Sekarang dah *advance*, data-data *you* masuk sekali, then data-data tu dah ada detail sekali tetapi *you* boleh manipulated banyak kali la. Contohnya data yang sama. Nama Aishah contoh. Kemudian, fakulti mana, waktu mana, pinjaman buku bila, kita boleh keluarkan denda dan sebagainya semua dah ada dalam sistem. Itu yang kita panggil *integrated library system* [sistem perpustakaan bersepadu]. *You* lambat, satu buku dua buku tiga semua dah *calculate* [kira], tinggal nak kena bayar denda je. dulu , saya pernah kena ambil satu buku, kena kira berapa hari saya lewat. 3 buku 4 buku jadi saya *calculate* [mengira] berapa, baru la saya akan

keluarkan 200, 300, 30 ringgit contoh denda. Kalau sekarang tak de, *you* kena bayar rm30 denda. Nampak tak?

(mencelah)

SAA: Betul,nampak(ketawa)

AHA: Suasana berubah. Kita kena selarikan pustakawan ni dengan ICT [*Information Communication Technology*] supaya kita boleh memanfaatkan teknologi itu sendiri.

SAA: Sebagai pustakawan bagaimana skop kerja adakah tugas pustakawan saat itu sama dengan tugas pustakawan sekarang? Maksudnya berbeza tak yang dulu dengan sekarang?

AHA: *Basically* [selalunya] hampir sama. *You* ada catalogue, *you* ada apa lagi, bahan rujukan, pinjaman apa semua tu. *Basically* sama. Tapi kalau 2021 punya perubahan, kita ada staff yang tak ramai, *so* kita tidak ada banyak. Kita cuma ada boleh yang biasa-biasa yang macam saya cakap tadi yang proses itu, perolehan, kemudian pentadbiran kita kena jaga, kemudian ada pinjaman pemulangan. Rujukan sedikit tapi bila kita dah contohnya tahun contohnya dah lama dah, asalnya kita ada 3 orang pustakawan, yang sekarang kita ada 19 orang pustakawan. Kalau dulu kita ada 10 orang, sekarang kita ada 59 orang staf pada tahun 2021. *So you all* pun faham kan. *Job scope* [skop pekerjaan] bertambah. Kalau dulu ada 3 unit sekarang kita dah 4 bahagian, 8 *section* [bahagian] 13 unit. *So* kita punya *job scope* pun dah membesar la. Kita ada buku, majalah, jurnal, segala macam-macam la dan sebagainya dan setiap satu bahagian tu ada khusus. Dia akan fokus kepada kerja-kerja dia dan tahun ke tahun kita akan penambahan perkhidmatan-perkhidmatan yang baru kita tawarkan supaya pengguna tadi boleh dapat lebih liputan. Kita boleh *entertain* [melayan] pengguna dengan lebih baik la. *So* bila kita ada ramai staff, kita boleh buat macam-macam. Kita boleh tambah *job scope* kerja dia, (tokoh berdehem)luaskan skop kerja lagi atau latihan dan itu lebih baik la. Contohnya kita boleh bagi pelajar-pelajar ni ada kelas (tokoh batuk). Kita panggil kelas kemahiran dan maklumat----- dari segi maklumat, cara buat tesis dan sebagainya (tokoh batuk kecil). Dulu tak boleh sebab kita tak ramai. *Now* [sekarang], kita boleh buat. *So*, dari segi asasnya banyak perubahan dari segi kemajuan cara bekerja. Kemudian, bila ada sistem yang ada elektronik ni, kerja dah lebih mudah, pustakawan pun nampak lebih

terlatih dan lebih berpengalaman la. Cuma, jadi pustakawan ni saya boleh katakan 3 perkara je. Mesti ada. 3 perkara tu mesti you tahu? Apa tu?

(mencelah)

SAA: Jas, apa dia jas? (ketawa)

AHA: Okey, 3 perkara tu yang penting tu adalah *attitude*[perangai], *skill*[kemahiran] and *knowledge*[pengetahuan]. Khusus untuk bidang pustakawan ni. Kalau *you* ada *skill*, *you* ada *knowledge* tapi *attitude* *you* tak de, *you* jadi pustakawan tak boleh la. Kalau *you attitude* bagus ada, tapi *skill and knowledge* takde pun tak boleh juga. Tak guna juga.

(mencelah)

NJA: Kena ada *communication* [komunikasi]juga kan? Kena *communicate* yang bagus kalau tak de tak guna juga.

AHA: *Communication* tu dia termasuk dalam *skill*. *You* ada *communication*, *you* ada bahasa *you* ada apa semua tu, 3 bende tu. *knowledge* *you* mesti kena ada. Bidang *you* mesti kena ada *knowledge* kalau tak orang tak nak ambil *you* sebagai pustakawan. Nanti jadi cerita apa *you* tak tahu bende ni, ni mesti contoh pensyarah Bahasa Inggeris, dia kena mahir la dalam Bahasa Inggeris. Pustakawan ni kena tahu bidang dia, perkembangan dalam bidang tu kena tahu, 3 bende tu mesti *you* kena ada. Sampai sekarang saya dengan staf saya saya katakan kalau *you skill* kurang, *you* pergi la latihan mana-mana yang *you* tak tahu. Dari segi *knowledge* *you* tak tahu, *you* kena membaca la. *You* kena *explore*[meneroka] baru *you* tahu. Kemudian *attitude* ni yang paling besar sekali. *Attitude* macam yang *you* cakap la, (tokoh bersin dan batuk) malas la, tak berminat la, dia tak menyumbang kepada kemajuan bidang perpustakawanan. (tokoh batuk lagi)

(mencelah)

SAA: Encik Azman nak minum air dulu ke? Kesian Encik Azman.

AHA: (Tokoh minum air) (bunyi air) Okey. sambung.

(mencelah)

SAA: (ketawa) okey.

NJA: Kiranya yang macam Encik Azman cakap sebelum ni, tugas apa yang Encik Azman suka? Kiranya pada awal permulaan dalam bidang ini,apakah tugas yang diminati ketika menjadi pustakawan dan mengapakah? Mungkin sebab dah terlampau mahir ke, atau ada *knowledge* ke?

AHA: Saya kalau di peringkat awal tu sebenarnya saya seronok kalau saya boleh bangun sebuah perpustakaan la mengikut satu konsep. Konsep tu maksudnya yang betul-betul perpustakaan la, buka yang pusat sumber ada yang tak berfungsi. Setengah orang, dia bangunkan perpustakaan tapi dia tak memakmurkan perpustakaan tu,sekadar perpustakaan je.(Tokoh berdehem) Kalau *you* tengok perpustakaan sekolah, *you* tengok kan ada kadang-kadang perpustakaan sekolah macam mana? Kadang jadi macam stor betul tak? Dia tak jadi perpustakaan eh. Saya punya konsep saya suka bangunkan mengikut tertentu dan tengoklah siapa yang menggunakannya. Contohnya ada tempat orang berehat, tempat orang belajar, mencari sumber-sumber internet *so* saya suka yang macam tu. Kemudian pada masa sama saya suka membangunkan sistem yang mencari perpustakaan yang sesuai bagi memudahkan orang mencari maklumat Mana-mana perpustakaan sekarang ni trend menurun tau. Trend menurun sebab gen-gen ni macam *you all* ni gen apa? Gen Y kan? Gen y ni diorang tak nak datang library. Dia suka lepak *MCD* [McDonald], ada internet, nampak tak? Dia tak kan datang *library*. *Even library you* colour macam-macam dengan sofa still tak nak. Kalau library tu ada dia nak macam mana? Dia nak makan dalam *library*, boleh sembang betul? Ada makan ada minum. Mari-mari, ada bersantai. *That's why* [sebab itu] *you* tengok bagaimana *MCD*, bagaimana *KFC* [*Kentucky Fried Chicken*] dan lain-lain tu la. Bagaimana diaorang *attract* user. *So library* pun kena macam tu la. Saya suka konsep yang macam tu. tapi tu la kadang-kadang ye la takkan saya nak buat perpustakaan akademik macam tu pulak kan. Kecuali perpustakaan tu ada gabung dengan *MCD* kan? Kalau tak de, saya terpaksa buat perpustakaan saya sendiri la. *Colour* [warna] mungkin tak sama dengan *MCD* tapi kita boleh buat suasana tu *and then* kita buat *canteen* [tempat makan] kita ke mana ke macam tu la. Macam yang saya cakap tadi satu perpustakaan dibangunkan mengikut konsep. Kalau kata akademik, kita kena buat konsep akademik yang sesuai dengan orang yang nak datang tu. Dan juga saya suka kalau tentang sistem kita bangunkan,

bangun tu tak semesti kita buat kita cari sistem yang memudahkan pengguna mencari bahan maklumat dan sebagainya. Saya rasa itu adalah perkara yang paling asas pada seseorang kalau nak bergelar pustakawan. Kadang-kadang yang setengah tu diaorang datang cabarannya tu dia datang *zero*[kosong] tau, *you* kena bangunkan. Tapi semua dah ada. dia tak de la cabaran *just* [cuma]sekadar *you* datang kerja dan manage je.

SAA: Okey. Contoh tugas yang Encik Azman tidak diminati? Contohnya: apakah tugas sebagai pustakawan yang Encik Azman rasakan sukar untuk dilakukan dan memerlukan bantuan daripada rakan sekerja? Contohnya adalah : Adakah Encik Azman kurang minat menyusun buku? Atau cara menguruskan OPAC? Bagaimanakah cara untuk mengatasi perasaan kurang minat dalam menguruskan sesuatu maklumat serta melakukan tugas yang dirasakan sukar tersebut?

AHA: Kalau dah jadi pustakawan tu tak de la yang tak minat. Cuma kalau kita ketua ni, jangan tunjuk yang kita tak minat. Kita kena buat juga la walaupun kita rasa penat malas nak susun buku, kita kena buat sama-sama sebagai komitmen kita la. Tunjuk contoh teladan kepemimpinan tu kan. Datang susun kena buat la eh, tapi pada saya *you* cakap tak minat apa semua itu, tak boleh la sebab *you all* kena belajar. *Once you* [sekali awak] masuk bidang ni, *you* kena belajar perkara-perkara tu , kalau tak tau kita tolong ajarkan sama ada staf yang lama atau yang baru kena belajar dan belajarliah. Sebab saya pada saya suka meneroka benda baru. Kalau dia cakap tak tahu, saya memang percaya dia tidak tahu bukan tak minat. *Once* dia dah belajar dia akan minat. Kemudian kita akan membuat pasukan yang bagus la .kita pecahkan di situ kami akan lihat. Kalau ada lima orang, satu orang tak minat yang lain akan bantu la bagi dia minat baliklah. Kalau pekerja tu memerlukan lebih dari seorang, kita akan pilih sorang untuk *guide*[panduan] la bagi kerja tak salah. Tidak membuat kerja yang tidak betul la. Kemudian (berdehem) mereka kena buat kerja tu sampai mereka minat *so* kadang-kadang dari segi penempatan staf juga lihat minat diorang sendiri. Contohnya , kalau tengok orang yang minat komputer, kalau kita letak dia di kaunter mungkin lebih sesuai sebab dia minat. Di perpustakaan saya ni ada yang tak minat komputer tau kalau kita suruh dia buat, dia tak boleh buat, saya lagi tua dari dia , dia budak-budak muda sekitar tahun 90 an [tahun]rasanya tapi dia tak minat dengan komputer. Saya tukar di tempat bahagian yang lain yang tiada komputer dia boleh buat. Saya bagi dia 3 bulan untuk buat. Tak

buat kena denda. Tapi tak kena denda pun. Saya cuma cakap dekat ketua unit pastikan dia belajar. Saya tak nak macam ni bila tak boleh buat, tukarkan kepada bahagian lain, bahagian lain yang *suffer* [menderita]dapat orang tu. apa masalah yang akan timbul kita kena selesaikan dia sebab-----Dia macam setiap stor ni dia boleh jadi dua tau sama ada *credibility* [kredibiliti] atau , *passion*[semangat]-----, *you groom*[paksa] dia bagi dia latihan dia akan lagi bagus. Tapi kalau dia tak mahir dia jadi lain. Dia menyusahkan orang. Orang lain yang akan buat kerja dia bukan dia buat kerja dia. Dia dapat gaji yang sama tetapi dia yang dapat *credit*[kredit]. Yang itu kita tak nak. *So*, suka tak suka kena belajar la. Soalan tak minat tu saya rasa tak de timbul la. Bila *you* dapat gaji bermakna *you* berminat la , *by hook or by crook you* kena belajar.

NJA: Kiranya sepanjang Encik Azman bekerja ni apakah cabaran yang dihadapi oleh encik di awal pekerjaan ini. Contohnya macam encik Azman cakap tadi, mempunyai staf yang malas bekerja, yang tak tahu buat tu, tak tahu buat ni and Encik Azman atasi benda tu dengan Encik Azman bagi dia masa 3 bulan untuk dia belajar. Kiranya lepas Encik Azman cakap macamtu dekat pekerja tu adakah mula ye la manusia kan mula nak tarik muka ke, masam muka ke, ataupun mengata belakang? Macam mana tu?

AHA: Dia macam kalau sesiapa pun jadi ketua, itu memang biasa la. Saya pernah kena berkata belakang pun. *Even* [walaupun] PM [perdana menteri]kita pun macam-macam *you all* cakap kan? Itu sebagai contoh la. Jadi pada saya , saya tak kisah pun *as long as*[asalkan] apa yang kita cakap tu betul kadang-kadang orang tak nampak apa yang kita buat. Tetapi biasanya ketua ni akan dinilai lepas dia dah tak de kat situ, pencen dan sebagainya. Di mana kedudukan perpustakaan tu pada masa tu, dia akan, “ouh orang ni yang dulu buat benda ni, orang ni yang dulu buat benda tu” jadi pada saya, suka ke tak suka, diorang kena buat. Ye la, mungkin itu adalah cabaran tapi cabaran tu kita kena amik sebagai positive. Saya anggap itu sebagai cabaran kecil. Cabaran besar adalah, apa dia?-----Teknologi. Teknologi ni pasal apa dia akan berubah setiap masa akan ada satu hari dia keluar sistem baru. Kalau kita tak kejar kita akan ketinggalan so, kalau kita lihat kan tiap-tiap hari boleh kata akan ada benda-benda teknologi yang baru, sekejap je ada apps baru. Yang tu yang kita kena tahu apa appd yang kita boleh bantu. Yang buat kita jadi lebih baik la. Dan kita pun kena tahu apa yang berlaku di keliling kita la contohnya di media sosial.-----Surat khabar tu. hampir-hampir baca surat khabar. Satu

hari kalau tak baca surat khabar mesti saya kena baca. Kadang-kadang saya tak kisah surat khabar lama, saya akan duduk baca. Suka membaca dan suka maklumat. Macam pustakawan pun dia akan duduk macam tu la melainkan *IG[Instagram]* yang *you* ada *you all* guna la baca maklumat-maklumat yang ada sekeliling. Pustakawan ni dia macam mana tau, *you* tak semesti kena duduk dengan pustakawan baru *you* bercakap betul tak? *You* boleh duduk dengan siapapun *you* boleh create story apa pun yang boleh memulakan komunikasi sebab pustakawan ni banyak tau. Kadang-kadang macam yang kita duduk je , kita tengok orang ni kita tegur pasal tudung dia cantik then kita dah ada maklumat semua tentang tudung. Boleh betulkan, tudung paling mahal tudung apa, tudung yang paling bagus. Itu adalah sebagai contoh. Tadi maklumat lain la yang boleh relevant. Tudung tu bagi contoh je. Maklumat tu mesti la maklumat yang menarik yang relevant yang boleh *sharing* la. Cabaran yang teknologi satu yang penting sebab maklumat sekarang bergerak dengan pantas. Saya bimbang kalau sekarang ni kita panggil *information explosion* [letupan maklumat]. Tambahkan maklumat yang terlalu banyak. Kalau dulu kita kata banyak tapi sekarang terlalu banyak. Saya pun pening lagi banyak.

(mencelah)

SAA: Kadang-kadang boleh timbulkan maklumat palsu semua.

AHA: Iya. di situ pustakawan kena memainkan peranan awak kena menilai which one yang *fake*[palsu] yang mana yang *real*. Dan cabarannya yang paling besar hari ni adalah persepsi masyarakat kepada pustakawan itu sendiri. Sebab orang menganggap pustakawan ni adalah orang yang serba tahu. Betul tak?

NJA: Kalau macam saya, macam dalam *library* ni kan orang ingat budak-budak *library* ni krik krik yang jenis membaca , yang jenis *nerd-nerd*.

AHA: Betul la tu. bila awak suka membaca *you* jadi serba tahu. Itu la cabaran nya. Bila kita kerja kat *library* mesti orang akan eh mesti dah habis baca buku satu *library*. Padahal kita bukannya macam tukang masak la, takkan kita masak kita makan. Kita masak untuk orang dulu tapi kita tak makan, betul tak? Kita uruskan perpustakaan padahal kita bukannya baca keseluruhan tu. itu beza dia. Dan satu lagi cabaran paling besar adalah kita kena bersaing dengan google . Google boleh satu minit tekan semua ada. Kita ni macam mana. Nak dapatkan maklumat kita kena google. Kita sendiri tak

boleh jadi google untuk orang tu sendiri. Itulah cabarannya kena realistik dan juga kena cakna la. Pada saya cakna tahu apa yang kita buat dalam bidang kita sendiri. Cabaran itu ada berbagi-bagai. Tapi bagaimana kita nak menguasai itu teknologi itu.

SAA: Sebagai seorang Pustakawan, adakah kemahiran komputer merupakan satu keperluan? Jika ya, mengapa kemahiran komputer merupakan satu keperluan?

AHA: Okey.(berdehem).Pada saya kemahiran komputer ni memang sangat penting la sebab kita tengok maklumat semua bergerak pantas dan secara dalam talian dan pada masa kini maklumat-maklumat ni di hujung jari. Jadi kalau *you* tak de komputer macam mana *you* nak *entertain* orang, macam mana nak cari maklumat untuk orang dengan pantas. Boleh kata sekarang ni maklumat dalam google pun ada *billion trillion* maklumat dalam tu. yang kita nak kena dapatkan untuk maklumat yang sebenar-benarnya. Jadi kalau tak guna kan komputer pun *you all* punya *handphone* ni pun macam komputer juga.

SAA:Betul..semua benda boleh masuk

You punya ipad la segala-galanya tu dia macam kemahiran *ICT* la juga yang kita kena ada. Pada saya kalau tak de kemahiran tu dia tak boleh hidup itu zaman 60 an 70 an. Zaman apa, zaman facebook kot. Sekarang zaman apa, zaman tiktok (tokoh melepaskan batuk).

NJA: Kiranya kan Encik Azman macam Encik Azman cakap nak jadi seorang pustakawan mesti kena ada kemahiran komputer untuk mengendalikan sistem dalam library itu sendiri sebab sistem ni. Penting kan untuk *library* [perpustakaan]. Okey contoh, sistem apa je yang diorang akan pakai selalu dalam library tu dan susah ke nak mengendalikan sistem perpustakaan itu?

AHA: Kalau dari segi kemahiran ni, dia ada dua. Satu kemahiran individu itu *skill* [bakat],pustakawan ni mahir ke guna contohnya microsoft word untuk buat sesuatu

artikel, mahir ke dia membuat *presentation* [pembentangan] guna power point atau lain-lain software yang berkaitan seperti excel dan sebagainya. Selain daripada product-product Microsoft, ada tak product-product lain yang memudahkan kerja yang yang dia *explore* [teroka]. Itu adalah kemahiran sendiri. Tapi dalam perpustakaan contohnya ye la, kalau kaedah pencarian kita ajarkan dengan cara yang betul. Ia akan dapat membantu pengguna untuk mendapatkan maklumat dengan lebih cepat. Dan pustakawan juga kena tahu la selain daripada mencari, kita boleh dapat memindahkan sesuatu maklumat daripada satu peranti ke satu peranti. Hari ni kita tahu sesuatu. Apps yang kita *download* [muat turun] kadang kita tahu artikel. Bila kita *download* sesuatu yang agak besar tu macam mana kita nak pindahkan ke contohnya saiz-saiz yang besar macam mana nak pindahkan ke peranti yang lain la komputer ke, sekarang kita ada apa ni, *cloud*, pindahkan ke cloud, dulu apa pernah jumpa tak yang apa yang dipanggil Cakera liut, masa zaman saya tu cakera liut tu besar so, akan kemudian akan ke kecil kemudian dia jadi thumbdrive,

(mencelah)

SAA:Betul

AHA:lepas thumbdrive sekarang ni, kita tak pakai dah, kita masuk ke *google drive* [pemacu google] ke *google cloud* ke nampak tak? Perubahan itu? Jadi pada saya benda-benda tu semua pustakawan kene *explore*, saya lihat contoh-contoh di perpustakaan universiti ni diorang sangat *advance* tau kita panggil seorang budak muda ni. Saya punya junior ia sangat mahir tentang sistem dan sebagainya kadang-kadang dia dapat mengalahkan *assistant programmer* [penolong pengaturcara] Kita jangan ada *estimate* [anggaran] la orang yang ada dalam bidang kita sebab diorang ni, bila dah sampai minat dia tu dia akan buat sehingga lebih baik daripada orang yang dalam bidang. Itu saya kata minat dan sifat ingin tahu tu ada. Bagi sistem perpustakaan biasanya susah untuk kendalikan macam produk yang kita belikan tu dalam sistem ni. Dia tidak ada masa nak bangun buat sistem ni biasanya kita nak buat sistem ni yang dah siap semua tu. kemudian daripada *course* yang sesuai dan juga dari segi sesuai dengan keperluan kita kemudian ada *warranty* [jaminan] dan sebagainya. biasanya kalau kita ada masalah kita akan panggil vendor la untuk datang. Tak perlu la buat sistem saya cuma memantau, belajar. Kita ada manual yang dia bagi dekat sistem. Sama juga kalau kita beli produk ada manual semua. Sama je, *so bila you all* main dengan

manual tu then kalau *you* taktahu *you* boleh panggil vendor la bantu kita. Jadi tak susah pun bantu kita. kita berharap pada *electronic system* [sistem elektronik]. Tapi *electronic system* ni *you* tahu la apa akan terjadi, dia akan pindah fakulti. Dia tidak duduk di satu tempat. Jadi apa saya buat saya ambil pegawai perempuan saya, saya suruh kendalikan sistem dan saya nampak kendalikan sistem lagi baik dari pegawai lelaki.

(mencelah)

SAA: Sebab? Apa perbezaan dia?

AHA:Sebab orang perempuan ni dia terperinci. Dan juga kita letakkan orang yang sesuai pada masa yang sesuai. Kita letak orang tu dekat tempat yang dia minat then kita tahu jantina yang perempuan ni lebih terperinci dan tersusun berbanding lelaki. Memang betul lah tak boleh nafikan jadi kita nampak bagus la .

NJA:Macam tadi yang Encik Azman ada cerita pasal vendor sistem, kalau apa-apa *problem[masalah]* kita *call vendor* [hubungi pembekal] tu sendiri la. Kiranya *vendor* tu tetap atau kontrak ataupun macam mana?.....boleh faham ke?

AHA:Macam mana?

NJA: Kiranya yang sistem tu bukannya daripada *librarian library librarian*(tersasul ayat).Ha?

AHA: Ye okay

NJA:Okey,kiranya adakah *vendor* tu yang akan secara kontrak ataupun tetap?

AHA: Okey saya bagi dua sistem

(mencelah)

NJA: Ha,boleh

AHA:kita panggil sistem ilmu. Sistem ilmu ni saya rasa dibangunkan oleh UiTM juga dulu oleh salah satu syarikat macam tu la. Jadi saya nampak syarikat ni sepanjang masa setiap tahun saya nampak dia panggil apa eh *update* la, *maintenance* la. *Maintenance* sangat tinggi, tahun ke tahun apabila bajet kita berkurang, kita kena buat sendiri vendor ni sebabnya component maintenance agak tinggi juga la, rm10000 juga la, jadi bila kita tukar kepada KOHA pada tahun 2019, Koha ni kita ada setengah kita kena buat sendiri so bagus la, kita buat sebab kita ada manual dan kadang-kadang kita ada bagi latihan. Kita minta syarikat KOHA itu sendiri ajar manually . kalau tak boleh juga baru kita panggil vendor itu sendiri. Bajet tu tak besar sangat la, kalau tadi kita kata 100000, mungkin 1 dua kali 2000 ke 3000, so kita ada perkhidmatan dekat situ la. Yang kedua sebab kita boleh belajar buat sendiri. So, bila cara macam tu kita dapat jimat kos, stor akan dapat ilmu dari segi latihan dan sebagainya lah. Bagi *staf-staf* [pekerja-pekerja]yang lain kita akan contohnya, menggunakan sistem dalam module. contoh , dia berada di kaunter, jadi dia guna module pulangan sahaja. module -module yang lain tidak boleh usik hanya *admin assistant* [pembantu admin]sahaja yang boleh pegang *module* keseluruhan. contohnya , tadi saya cakap ikut *module* la. Pada dasar saya,sama ja, semua sama je. Tapi dia dapat memenuhi keperluan orang la, keperluan perpustakaan.(Tokoh batuk) *You* pegi la mana-mana sistem perpustakaan yang aktif, mesti *you* kene ada module-module yang pinjaman, pemulangan, denda, *module* macam perolehan semua tu mesti ada. *So*, kat situ sistem *even* dekat pasar pun mesti kena ada juga. Dia ada *batchment* [kumpulan] antara sistem ke sistem. Maknanya, kalau sistem dia ada benda tu dia tak *compile* [gabungkan] *and* orang takkan ambil. *You* pun faham kan, *library* ni kawan kawan kita. Kalau you nak beli, dia akan tanya kawan-kawan kita pakai sistem apa ni, bagus tak? Jadi kalau nak tahu kita tanya orang yang pakai, jangan tanya orang yang jual. Kalau orang yang jual dia akan kata semuanya baik, sebab tu tanya dekat orang yang pakai nanti dia akan cakap sistem ni tak bagus apa semua. Kita dapat *basement* yang macam tu, so kita tahu sistem mana yang bagus antara sistem di perpustakaan di Malaysia dalam Malaysia ni ada 3 4 sistem yang ada sistem millennium dulu masih tak de lagi KOHA, banyaknya orang dah beli dari KOHA la sebab dia bagus.

SAA: Betul kalau di perpustakaan Laman Hikmah, dia pakai sistem apa?

AHA: Sekarang kita pakai sistem KOHA la.

SAA: KOHA. Tak pakai sistem OPAC?

AHA: Eh tak OPAC tu satu module. Okey yang saya ceritakan tadi, semua sistem tu semua ada dalam module tu dan perolehkan dalam sistem tu. Dia dari pinjaman, data tu dah ada. Dia boleh buat pinjaman terus. Dia boleh detect user pelajar tadi, dengan buku yang dipinjam. Buku yang dipinjam tu dah ada dalam sistem kita la. OPAC adalah satu module lain untuk carian sahaja. Denda satu module yang lain. kemudian apa lagi, module lain, boleh dikatakan semua sistem ada module, termasuk module OPAC tu tadi. OPAC adalah module access catalogue. Catalogue yang paling sama ada dalam atau luar perpustakaan. Biasanya orang boleh access la.

NJA: Tadi kita berbicara pasal Opac, kiranya sekarang ini adakah Encik Azman boleh tahu ke berapakah statistik penggunaan sistem OPAC yang aktif sebelum COVID19 dan kinilah pandemik covid 19. Ada ke perubahan yang ketara dia punya statistik.

AHA: Kalau kita lihat kita PKP start mac 2020. So kalau tengok tahun ke tahun sebagai contoh. Statistik menunjukkan saya ambil 2019 masa tu belum ada covid kehadiran orang yang masuk library kemudian 2020, dia dah start bulan mac covid, 2021 ni macam ni la, pkp la pkp, pkpb semua tu la. Kalau tengok 2019 ada 219,006 orang yang masuk perpustakaan. Tahun 2020, ada 48,201 orang pasal library banyak tak buka sebab covid. Polisi universiti tutup. Macam *you all* la semua kena halau balik kampung. Tak boleh datang. So, bagaimana kita tukar fizikal tu kepada alam maya. Sebab apa, kalau kita berterusan macam tu, library memang akan drop la. Macam sekarang ni, orang kata apa kalau tak cecah 4000 kes tu masih 5000, 6000 kita tak kan habis la. Kita di fasa pemulihan, kita pun tak tahu covid akan habis (berdehem) bila 4 5 tahun lagi. so, kita tengok jadi kemudian apa lagi boleh katakan hampir semua penduduk di Malaysia kena vaksin. You all dah vaksin ke? Belum kan? Saya pun belum lagi.

NJA: Tak dapat berita lagi dari MySejahtera.

AHA: Saya share lagi satu peminjaman bahan. Peminjaman bahan ialah orang yang datang perpustakaan membuat pinjaman tahun 2019 seramai 9164 bahan yang dipinjam. 2020, 8177 turun. 2021 hingga Mei tu kita ada 33938 bahan saja yang dipinjam. Kemudian artikel Dokumen *Delivery services* [perkhidmatan penghantaran] dari perpustakaan ke luar. Contohnya perpustakaan-perpustakaan lain memohon pada kita dokumen dan delivery. Maksudnya artikel-artikel yang diorang tak de. Kemudian 2019 kita ada sebanyak 277 permohonan tapi kita ada 251 bahan sahaja yang boleh support 2020 kita ada 264 menurun, kemudian kita boleh supply 228 sahaja. Kalau 2021 hari tu kita ada 112 permohonan sekarang kita boleh supply 88 bahan sahaja. Dan kalau artikel *document delivery* [penghantaran dokumen] daripada luar ke kita (perpustakaan). Jadi kita minta dari luar pulak. Tadi orang luar minta pada kita. Kita minta pada luar maknanya ada 159 permohonan, 80 kita boleh ambil tahun 2019. 2020 kita ambil 153 permohonan dan kita boleh ambil 70 bahan yang kita dapat. Tahun 2021 29 sahaja bahan yang kita dapat. Sampai sekarang kita tak boleh nak buat sebab library tutup tak boleh nak bergerak. Kemudian, kita ada library *loan* pinjaman buku dari PLH ke luar 2019 kita ada 10 permohonan kita boleh dapatkan hanya 28 sahaja. 2020, 24 permohonan tetapi kita boleh bagi 19. Untuk 2021 sehingga Mei, 2 permohonan 2 saja yang kita boleh bagi. Banyak masa yang tak terbuat sebab buku kan pkp kan you tau la. So buku pinjaman dari luar ke PLH [Perpustakaan Laman Hikmah] 2019 ada 53 permohonan kita buat interchange 29. 2020 28 dan permohonan 9 sahaja. 2021 hingga Mei kita ada 25 permohonan hanya 15 sahaja. So setakat tu kita dah boleh bergerak, so kita nampak la masa covid ni sebelum dan semasa sangat nyata terlalu banyak buat perbandingan perpustakaan di mana sekalipun. Macam kami ni pun whatsapp ketua-ketua ni. Semua boleh dikatakan buka. Termasuk *you all* punya uitm pun buka juga. So, macam mana nak buat service kalau tak boleh buka? *Now* [sekarang], kita buat secara manual. Macam *document delivery* tu boleh sebab semua orang guna *online* [talian] dan pelajar-pelajar pun *online*, swasta pun cara *online*. Tapi kalau buku ni kita minta mungkin susah sikit sebab apa kena bawak courier, kena hantar pakai pos laju. So, hantar pada orang tu pastu nak pulang balik, jadi dekat situ akan ada satu pertemuan yang kita rasa mesti macam tak berapa nak baik la

SAA: Betul, takut hilang pulak.

AHA: Hilang, covid bahaya, nak kena sanitize semua lagi.

SAA: Betul. Banyak prosedur dia.

AHA: Jadi yang untuk document delivery tu kita rasa boleh jalan, buat masa ni selagi ada COVID ni agak susah sikit la.

SAA: Cabaran dalam pengurusan sistem? Adakah pengurusan sistem opac ini selalu mengalami masalah teknikal?(sistem down) masa hujan atau macam mana?

AHA: Cabaran sesama menguruskan sistem ni, dulu kena ada dipanggil server room. Server room ni maksudnya ada electricity trip, ada UPS, air cond nya, -----you kena ada apa ni aircond sejuk. Kalau tidak nanti terbakar dan sebagainya. Kita pernah ada pengalaman macam tu di library kadang kadang dia trip berlaku lintas pintas dan sebagainya. Jadi sistem akan down la. Orang tak boleh nak kita punya access daripada luar. Macam macam la gangguan. Itu adalah cabarannya. Jadi saya fikir macam mana nak settle masalah ni sebab saya tidak pakar dalam bidang ni, dan orang yang datang tu hanya datang pagi. Jika ia berlaku pada 3 pagi gangguan elektrik apa nak buat. Tak boleh buat apa kena tunggu esok pagi tu. Kemudian sistem kena GPS, shut down secara peringkat-peringkat. Tapi bila electric putus, bateri akan membantu perlahan-lahan *shut down*[tutup]. Sistem software

ni tak boleh automatik tutup macam kita punya laptop. Nanti rosak. Tak boleh. That's why you kena ada GPS, tahu yang ada pakar tapi bila kita tukar kepada KOHA, dekat universiti kita panggil server form. Server form ni pusat komputer tu orang akan simpan dalam satu tempat semua server-server yang ada dalam universiti duduk dekat situ. Sebab dekat uitm pun ada saya rasa. Akan ada Pegawai teknologi maklumat yang akan 24/7 pantau dari rumah, dan sebagainya, sekuriti dan sebagainya baru la orang tak boleh hack sistem. Kalau cara tu kita tak de la bukan nak kata cabaran. Cabaran tu memang boleh berlaku. Kadang-kadang hackers ni bahayanya mereka ni bukan dari luar tau tapi di dalam. Sebab apa, pelajar-pelajar engineering, pelajar-pelajar komputer ni, diorang testing buat testing server-server yang dalam ni macam mana nak hack. Ini fenomena biasa bukan di UTeM saja. UiTM pun kalau cuba you tanya, diorang mesti ada percubaan nak hack, nak uji kemahiran dari belajar tu.

NJA: Bagaimanakah sistem elektronik dijaga? Siapa yang mengendalikan bahagian ini? sistem apa yang ada?

AHA: Diorang ada la security-security features yang di orang kena replace balik ataupun beberapa layer security yang diorang tak boleh sampai ke server. Contohnya dia pergi ke satu layer dia lepas dan pergi ke satu layer lagi tak lepas. Dan pada masa yang sama diorang ada pemantauan ada la diorang punya security-security yang diorang tetapkan contoh macam password macam kita buat. Kita punya password sekarang ni dah ada double layer macam tu la. Bagi memastikan keselamatan terjamin. So bagi sistem, kita tak perlu pening la, down ke tak down ke diorang ada punya KPI. KPI diorang mesti 0.1% down. Satu tahun. Maksudnya kebanyakan masanya dia mesti tak boleh down.

NJA: Kiranya pelajar yang buat *hack* [menggodam], try *hack* [menggodam], untuk diorang cuba ni, ada kena apa-apa tindakan ke?

AHA: Kalau diorang dapat trace, kalau id dia atau apa cara la, kita boleh trace, dia akan dikenakan tindakan tata tertib dan sebagainya. Itu memang ada, kita anggap sebagai membuat apa la daripada universiti. Kesalahan dari universiti.

NJA: Kiranya macam mana system electronic ni dijaga? Adakah vendor itu yang jaga atau pun security-security tu dan selalunya buyers instant ni sapa je yang kendalikan?

AHA: Kalau sistem dari *electronic* ni biasanya sistem-sistem tempahan dari luar. Bila dari luar diorang ada access la dari staff-staff. Antara sistem yang ada ialah tempahan ruang, *access door*, *cctv*, orang yang masuk electronic, pengiraan pengguna, bookdrop dan lain-lain. So, sistem ni sebenarnya ada dekat perpustakaan. Maksudnya nanti walaupun dikendalikan oleh PLH, tetapi disokong oleh staf daripada Pusat Perkhidmatan Pengetahuan dan Komunikasi. Diorang akan memastikan sistem tu perlukan IT dan sebagainya, diorang akan backup. Sama juga kalau melibatkan electricity ia ada Pejabat Pembangunan support. So, dua la yang jaga PLH. Semua la termasuk seluruh Universiti, dari electronic sistem, pastu, dijaga oleh pusat komputer dan juga pejabat pembangunan.

SAA: Adakah UTeM mempunyai perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan? Universiti apa yang sering membuat pinjaman dan tempoh untuk perpustakaan lain meminjam berapa lama dan juga proses pinjaman antara perpustakaan?

AHA: Ya. Ada pengguna daripada UTeM memohon pinjaman daripada perpustakaan luar dan ada juga perpustakaan luar meminjam daripada UTeM. Tidak menentu bergantung kepada lokasi bahan dipinjam. Sebaiknya daripada universiti berdekatan supaya cepat sampai dan boleh dipinjamkan kepada pengguna perpustakaan. Tempoh pinjaman biasanya satu bulan. Untuk meminjam bahan daripada perpustakaan luar, pengguna perlu mengisi borang yang disediakan secara dalam talian. Staf perpustakaan akan menyemak lokasi bahan di perpustakaan lain yang berhampiran. Perpustakaan akan memohon bagi pihak pengguna dan masa penghantaran lebih kurang seminggu. Apabila bahan sampai pengguna akan menggunakan had pinjaman yang ada untuk meminjam.

NJA: Betul tu Encik Azman. Paling jauh, perpustakaan mana yang UTeM bagi pinjam?

AHA: Yang paling jauh Sabah dan Sarawak, Perlis. Memang saya tengok data-data paling banyak diorang pinjam. Saya pun rasa tak percaya, sebab menguruskan perpustakaan yang besar ni, even kalau you datang UTeM, you tak payah bawa surat. You bawak you punya kad pelajar tu, you boleh masuk perpustakaan UTeM. You nak baca buku ke, nak duduk dekat ruang ke, sama je macam pelajar Uitm pergi perpustakaan, memang kami pustakawan ni dah sepakat untuk memudahkan user. Sebab bahan tu pun memang untuk *user*[pengguna]-----so mestilah kita memanfaatkan secara percuma la takde lah denda so yang paling dekat mungkin yang paling dekatlah dalam negeri melaka, maupun Negeri Sembilan ke. Itu yang paling dekat. Kalau tidak mana-mana la yang paling sederhana macam KL pun kita okey je janji yang penting adalah courier. Courier tu cepat, cepat la. Kita bukan cepat penghantaran, dia tanya J&T ke apa, kalau dia J&T cepat. macam tu la.

SAA: Bagaimana dengan pelajar yang di UTeM ingin memasuki perpustakaan semasa COVID-19 untuk mengulangkaji dan mencari bahan? Apakah Peraturannya dan tempoh yang diberikan oleh seorang pelajar semasa pandemik Covid 19?

AHA: Untuk tempoh *lockdown* ni buat masa ni kita tutup. Tapi kalau sebelum ni kita ada PKPP, kita buka la, biasanya buka daripada 8 pagi atau 9 pagi hingga 5 petang.

Once bila you masuk, ikut peraturan yang sama seperti biasa maksudnya dia mesti bawa kad pelajar, ada----- dia kena *check*[memeriksa]suhu badan dia dulu, kemudian *sanitize*[membersihkan], dia kena ambil SOP yang sekarang. *Check* suhu tu semua, My Sejahtera la apa semua tu dan semua dia kena buat. Dan dia akan masuk dan duduk tempat-tempat yang boleh duduk la. Yang ada X semua tu tak boleh duduk. Kita dah jarak 1 meter dah lebih kurang. SOP buat masa sekarang kekal, cuma di Universiti, kita ada peraturan, kalau siapa yang tidak mematuhi SOP, dia akan didenda la rm100. Dia akan ada la sama ada kita yang boleh tahan atau staff-staff yang dari luar jawatankuasa yang dilantik untuk menjadi penguatkuasa untuk saman dan sebagainya. Agak ketat la. *Face mask* [pelitup muka] memang pakai sepanjang masa. Macam sekrang kita dah kena *double facemask* [dua pelitup muka]. *So*, kena buat la tapi kalau you ada face mask yang biasa pun dah memadai la. Saya takut karang nanti pengsan pula sebab tah boleh nafas saja. (ketawa). Peraturan memang kena ikut la.

NJA: Ouh sebelum saya lupa, saya nak tanya sikit dengan salah satu perkhidmatan perpustakaan UTeM, perpustakaan UTeM dia menyediakan perkhidmatan kiosk ke kiosk ataupun yang lain. Maksud kiosk tu tau kan yang macam kawasan luar yang macam perpustakaan Negara. Baru-baru ni saya ada nampak diorang upload letak buku di kiosk-kiosk yang lain.

AHA: Ouh tak tak.. Kita tak de kiosk nak buat buku macam tu, sebab kita lebih khusus kepada contohnya kita ada dua kampus, dua-dua kampus ada perpustakaan, so itu bukan kiosk la maknanya perkhidmatan tu terus kepada library la. Diorang sebenarnya suka datang library, takde kiosk. Semua maklumat secara dari media sosial saja.

NJA: Kiranya perpustakaan UTeM tak de perancangan la nak buat kiosk macam kiosk sementara student nak tunggu bas tu kan, diorang baca buku dekat bus stop ataupun sementara pelajar nak tunggu family diorang jemput ke dekat guard. Macam letak buku dekat guard ke? Kiranya tak de la?

AHA: Buat masa ni kita tak de la perancangan yang macam itu, belum lagi, tapi ada perancangan-perancangan yang macam kita nak buat, kita panggil apa, satu sudut, macam tempat-tempat yang tertentu kita akan letakkan buku tu. memang ada perancangan tapi saya nampak buat masa sekarang ni belum lagi la. You pun tau la suasana covid ni banyak menjejaskan perancangan kita. asal nya memang ada nak

menggalakkan orang menyumbang buku dan juga membaca. Nak buat konsep selain dari kita letak, orang letak, orang wakafkan, orang baca, orang lain pun letak buku dia sendiri letak. Dia jadi macam kerjasama la untuk orang menyebarkan menggalakkan budaya membaca. Macam tu la. Ada perancangan tapi belum buat lagi. Kalau misalnya covid ni okey ke, suasana di kampus tu okey, mungkin kita akan fikirkan lah.

SAA: Tak tahu la boleh masuk UiTM ke tak kan (ketawa).

AHA: Semua orang tak boleh masuk.

SAA: Semasa Pandemik COVID-19 adakah perpustakaan UTEM membuat sebarang aktiviti? Apa aktiviti tersebut?

AHA: Macam saya bagitau dekat pegawai-pegawai saya, kita tak nak mengharapkan SOP. Orang tak boleh datang secara fizikal, suasana tak sama. Now, boleh dikatakan library tu nampak invisible. Kita panggil keternampakkan. Dia maksudnya visibility. Library tu orang nampak. Semua aktiviti ditukarkan kepada yang dalam bentuk maya la. Antara yang kita boleh nampak sekarang ni diorang buat Webinar sama ada library buat ataupun kita buat dengan pembekal. Pembekal bekalan data. Macam mana nak gunakan data. Kita boleh buat webinar. Kemudian kita buat kelas literasi maklumat online. Tenaga-tenaga pengajar kita jemput orang dan mengajar secara online macam yang kita buat sekarang ni la. Secara dalam talian eh. Kita buat kuiz dalam talian, kita buat ulasan buku, kita buat pameran-pameran secara maya, dan lain-lain lagi la. Dan kadar lagi la yang kita akan buat masa ke semasa. Kemudian kita ada buat share maklumat-maklumat tu, buku-buku baru tu dalam maya. Itulah antara aktiviti-aktiviti yang kita boleh adakanlah. Dan insyaAllah dalam bulan Julai ni kita akan ada ulasan buku tu la. Kita akan jemput PU Hariz. Kenal kan? Kita akan jemput dia lagi sharekan ulasan apa yang dia tulis pada saya, so kita boleh dapat la maklumat, boleh bertanya dengan dia la. Itu salah satu contoh la yang kami akan rancang, dan lain-lain tu mungkin ada lagi la sebab kita ada masa sampai hujung tahun.

SAA: Bagaimana encik kekal update dengan buku baru?Adakah bahan bacaan tetap ditempah semasa pandemik COVID 19?

AHA: Okey macam saya cakap tadi, kita *explore* la sesuatu benda tu kalau kita minat, Contohnya macam, kadang-kadang saya dapat emel maklumat-maklumat daripada pembekal buku sendiri. Bagi pada saya. Okey ni ada buku baru. Ni adalah *list* [senarai] buku-buku baru di pasaran ataupun kita boleh pergi kedai-kedai buku la, tapi buat masa sekarang ni bukan essential la kan. Kadang-kadang kita rajin pergi kedai buku, kita tengok apa-apa buku yang ada, baca sinopsis sikit. kalau buku-buku tu biasa, kita akan beli la. Kita bukan beli, kita akan suggest kan untuk pergi cari buku. Kemudian selain daripada itu, kita akan transfer la maklumat daripada internet-internet apa buku buku yang kita rasa sesuai. Saya kadang-kadang suka tak berapa suka buku buku yang ilmiah. Tapi pensyarah yang mencadangkan so saya tak minat buku-buku ilmiah tapi saya cadangkan buku-buku bacaan umum. Yang orang suka baca. Pelbagai orang boleh baca. Contoh kalau buku-buku agama. Semua orang boleh baca. Buku tentang kemahiran, semua orang boleh baca, semua orang berminat. ataupun buku-buku, maklumat-maklumat yang umum la. Yang ada. Pengarah-pengarah tertentu. Yang *popular* [terkenal] ke tak *popular* ke. Tapi dalam tempoh PKP ni macam, proses pembelian buku dan lain-lain kita tetap teruskan la walaupun bajet bukan kita yang uruskan. Peralihan-peralihan buku dijalan macam biasa macam saya cakap tadi habis, jadi saya kena *inform* [beritahu] dekat pembekal apa buku-buku yang terbaru. proses peralihan buku saya rasa di Universiti sama sahaja. Bahan buku yang diusahakan perlu di *support*, bercadang oleh pensyarah. Kita tidak boleh sendiri la kalau kata pensyarah yang mencadangkan buku ni, *inform* di *library*, lepastu kita akan belikan untuk student buat rujukan.

SAA: Apakah perbezaan dalam menguruskan perpustakaan sebelum dan semasa COVID 19? Dari segi perkhidmatan? Waktu perpustakaan beroperasi?

AHA: Sebelum lebih mudah tetapi semasa Covid-19 sedikit sukar sebab perlu mengikut SOP yang disediakan. Ia mengambil sedikit masa. Pemendekan waktu perkhidmatan menyebabkan pengguna tidak dapat hadir secara fizikal dan menyebabkan statistik perkhidmatan merosot. Waktu perpustakaan beroperasi bergantung kepada situasi. Sepanjang *total lockdown* semua perkhidmatan diberikan

secara dalam talian sahaja. Tidak ada perkhidmatan secara bersemuka. Pada PKP sebelum ini PLH dibuka dari jam 8.00 pagi hingga 5.00 petang.

NJA:Sepanjang Covid-19, bagaimana yang Encik rasa perkembangan yang paling ketara di Perpustakaan ini?Ada sebarang perubahan yang berlaku?Apa kesannya?

AHA: Kalau lihat sebelum COVID ni agak meriah la suasana, belajar, balik fakulti, singgah library pinjam buku. Kemudian kita pun boleh buat activity ramai-ramai boleh datang. Kita boleh buat macam-macam aktiviti, apa yang ada. Pastu bagian dari library kita ni ada *24 hours*[24 Jam] tau, tapi kita pasang cctv la, kadang ada yang datang study sampai 2 pagi 3 pagi. Meriah la. Tapi bila ada covid 19 ni, perkhidmatan itu dari segi jadual waktu dipendekkan sehingga 5 petang. Kadang-kadang waktu lockdown ni kita memang tak buka langsung tak boleh buka. Nampak ketara la. Keadaan fizikal merosot, pinjaman merosot kemudian perkhidmatan diberikan secara talian. Perkhidmatan secara bersemuka tak de. jadi , kita nampak la sesuai dipanggil new norma. Satu benda yang kita tak pernah terfikir dulu kita ni akan menghadapi suasana macam ni, library akan jadi suram, orang tak datang. Tapi alhamdulillah, dengan kemajuan teknologi yang sekarang ni library ni adalah struktur yang paling cepat berubah pergi kepada shift kepada online. Macam mana diorang boleh dapat maklumat, secara online. Jadi kita tak terjejas la walaupun orang datang secara maya. Orang tak datang secara fizikal. Orang datang secara maya. So, penggunaan masa pengguna data ramai, guna kita punya database, guna kita punya pengkalan data yang bangunkan semua tu. thesis online dan semua tu, meningkat. Walau tak datang physically tapi virtual tu dah dapat dah. Macam you all pun mesti tak dapat pergi library. You all access tak pergi library ke tak pergi? Ke pergi google je. Easy paxil. Nama berbeza. You access masuk dia dah macam library dah. Segala data you boleh access. Anatra you nak guna and tak guna sahaja.

NJA: Memang kita orang selalu guna yang tu je. (ketawa)

AHA: Itu bagus, pasal [tentang] yang tu kerajaan dah bayar, universiti dah bayar, kalau you all tak guna tu satu artikel yang you download. Kalau you tak beli, you kena bayar. Satu artikel lebih kurang dalam rm30 bersamaan dengan saya tak pasti berapa USD.

NJA: Tapi yang macam saya tahu, macam sistem ni kan. Macam satu bila kita ada emel student universiti tu, bila kita access dekat mana-mana yang berbayar, kita boleh dapat secara percuma. Betul kan?

AHA: Kalau benda tu berbayar, kena bayar. Dia tidak boleh free sebab sumber tu dikawal oleh vendor. Vendor itu dapat keuntungan dari siapa yang access tu. Kita ada dua, pelanggan yang ----tapi kalau you nak satu article, dalam satu langgan. Universiti tu mesti kena langgan. Library boleh beli dengan vendor and you kena bayar. Harganya lebih kurang rm30. And you kena bayar la untuk dapatkan artikel. Tapi kalau you dapat yang free tu sebenarnya adalah perpustakaan dah bayar secara bab. You guna je kalau tak guna rugi sebab nanti pada akhir tahun. Diorang akan lihat jumlah yang dibayar dibahagikan jumlah digunakan untuk dapatkan berapa artikel/ cost artikel yang telah digunakan. Kalau ramai guna lagi bagus la. Bayarannya sama. Tetapi katalah seartus, satu orang guna seratus, kalau ramai guna mungkin jadi satu ringgit faham tak?

NJA: Apakah medium dan teknologi yang digunakan untuk mempromosikan sebarang aktiviti atau maklumat yang ada seperti laman web? Facebook? dan iklan?

AHA: Biasanya kita akan ikut trend semasa pada masa kini apa yang paling orang gemar. Contohnya, portal. Portal tu dah biasa la perpustakaan dan organisasinya sendiri. Biasanya kita bagi maklumat satu hala. Facebook mungkin boleh jadi dua hala. Bila kita letak satu maklumat, orang tanya, kita boleh balas. Dan kita ada twitter, ada beza tak dengan twitter, mesti ada bezakan. Satu dia berkicau dia ada tweet, ramai boleh sambung-sambung. # dan sebagainya. Kita ada instagram. Instagram ni kita boleh tunjuk gambar- gambar dalam library kita. Itu yang kita buat so, dia jadi lebih attractive. Dan kita ada blog. blog boleh kita cerita peristiwa dan sebagainya. Kemudian kita pun ada telegram channel kita ada 100 orang subscribe. 100 orang subscribe ni kita akan push atau pun maklumat itu sendiri kepada pengguna. Sekarang ni ada yang beralih pada tiktok. Tiktok an kita tengok, kalau kefahaman kita dulu kita panggil internet, bahaya internet ni macam-macam ada yang bagus dan tak bagus. Tetapi dia datang dari kita manusia atau sebagainya kita menapis. Sama juga dengan facebook, twitter ada kadang-kadang maklumat yang baik dan fitnah dan sebagainya. Tapi kita kena tapis. Sama juga dengan tiktok, mula mula dulu eh apa ni joget joget, tapi sebenarnya tak, banyak share maklumat eh yang dipanggil content, diorang buat content, diorang share

maklumat dan kadang-kadang kita malas nak baca, kita tengok, kita ada lagu, kita suka hiburan. Ada maklumat. So kita cuba masuk dalam setiap media teknologi yang ada tu then kita enjoy la maklumat-maklumat yang ada tu kita post melalui medium yang tu la.

NJA: Kiranya macam Encik Azman cakap guna channel telegram kan, so, ada channel telegram semua boleh join la?

AHA: Boleh. Channel tu you pergi pada portal, then dari channel telegram tu dia subscribe la. Then, bila dah subscribe dia automatik you akan, biasanya kita approve la, dia automatik. Mungkin dia approve maksudnya cepat la dia approve tu dia ada push notification and terus daripada you la handphone, pada you punya telegram la.

NJA: Kalau untuk blog pulak? Siapa yang tulis? Siapa yang penulis?

AHA: Okey macam blog, kita tengok, la activity-activity kita ada bahagian-bahagian tertentu ada 4 bahagian. Kita ada 8 section, so each pustakawan ni kita akan macam kadang saya menulis. Jadi bila saya menulis, diorang pun akan menulis juga. Jadi kadang-kadang 'okey you tolong tuliskan pasal benda ni' kadang-kadang dia buat activity automatic dia kena buat sekali, dia buat reporting untuk activity dia, dia terus buat. So dia akan letak dalam blog. 2:49:50 - 2:50:09) kita macam facebook satu benda bila you nak tahu, buku baru ke perpustakaan nak tutup ke apa ke, biasanya kita akan masuk facebook la. Kita boleh dapat la maklumat tu secara maklum balas atau feedback. Kalau tidak through emel la. Kita ada emel rasmi yang kita akan hantar pada keseluruhan warga universiti contohnya kita ada maklumat yang baru diorang pun boleh hantar kepada emel kita banyak, banyak channel la.

NJA: Menarik la, banyak sangat channel tapi kan Encik Azman macam yang Encik Azman cakap, kalau ada sebarang pelancaran baru ke atau apa apa saja kan, adakah Encik Azman menggunakan medium tu secara langsung or untuk user yang jauh yang tak dapat hadir ke perpustakaan dan tengok dari jauh? Atau macam mana?

AHA: Contohnya kalau macam you guys mesti ada email student kan, maknanya bila kita hantar pada kita panggil info. Once information tu ada, the whole university akan

dapat semua maklumat tu, pelajar pensyarah, semua akan dapat. Terpulang pada dia la nak baca ke ataupun tidak. Untuk makluman yang sama, facebook, kadang ada orang tak baca pun emel dia kan? Tapi dia suka facebook. Kita masukkan dalam facebook. Dia suka baca twitter. Baca la twitter. Dia akan masuk la dalam 2 3 minggu macam itu hari kita masukkan dalam blog. Benda semasa kita masukkan dalam facebook, instagram telegram, yang dah sudah kita masukkan dalam blog la. Lebih kurang macam tu dan juga emel la yang tadi, semasa pun kita hantar dekat emel.

SAA: Adakah Encik mengetahui mengenai GLAM? maksudnya ,Gallery, Library, Arkib dan Muzium.

AHA: GLAM ni kalau kita lihat di Malaysia ni agak baru la di Malaysia. Kalau you tengok GLAM ni nak jadikan library ni supaya boleh access maklumat untuk jadi 3 4 bende tu la. Tapi kalau kita tengok di Malaysia ni, sukar sikit pasal sukar. Galleri ni biasanya uruskan oleh swasta. Arkib adalah government. Muzium dah tentu ada jawatan purata muzium dan sebagainya. Jadi adalah percubaan , saya tengok macam di UTeM sendiri pun GLAM ni kita nak buat belum lagi la. Kita cuma boleh buat galeri sahaja. Kita dah ada galeri cancellor, Muzium belum ada lagi tapi perpustakaan akademik masa saya di uitm ni tu pun dah ada muzium ada arkib dia, you cuba cari. Dia maksudnya yang kita buat, cara yang macam ruang yang besar. Kita sebagai macam arkib juga la. Macam UTeM juga kita ada la. Kita ada buat dokumen-dokumen semua tu buat secara sistem buat masa ni. Kita tak buat secara macam tu sebab kita ada ruang yang besar bagi perpustakaan yang ada ruang yang besar boleh buat la. Tapi kita tak buat lagi. Maklumat tu tak sah lagi la. Dia sebenarnya untuk memelihara dan menjadikan sumber utama yang boleh di access sebagai bahan-bahan yang utama. Macam saya cakap tadi, buat masa sekarang ni belum lagi, tapi GLAM ni sekarang ni memang akan jadi popular di masa akan datang.

NJA: Bolehkah Encik menceritakan mengenai perpustakaan ini pada masa kini? Berapa orang staff, organisasi sekarang ni siapa yang ketua and ikuti dengan itu lah, lepastu ada ke sebarang cabaran ataupun apa nak upgrade kan lagi?

AHA: Okey kalau, perpustakaan ni buat masa ni ada 59 orang staf dari segi struktur pameran buat masa sekarang ni-----Dari segi struktur pentadbiran, PLH diterajui oleh

seorang Timbalan Ketua Pustakawan Kanan merangkap Ketua Pustakawan. Terdapat 4 bahagian iaitu Bahagian Dasar dan Pentadbiran, Bahagian Pembangunan Sumber, Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Bahagian Perkhidmatan Digital. Terdapat 8 Seksyen diwujudkan. Di bawah Bahagian Dasar dan Pentadbiran, terdapat Seksyen Pentadbiran dan Kewangan dan Seksyen Pengurusan Strategik, Dasar dan Kualiti. Bahagian Pembangunan Sumber pula mengandungi 2 seksyen iaitu Seksyen Monograf dan Seksyen Sumber Elektronik, Bahagian Perkhidmatan Maklumat mengandungi 2 seksyen iaitu Seksyen Rujukan dan Seksyen Sirkulasi manakala di Bahagian Perkhidmatan Digital terdapat 2 seksyen iaitu Seksyen Automasi dan Seksyen Repositori. Selain 4 bahagian dan 8 Seksyen, ianya disokong oleh 13 unit kecil bagi memantapkan aktiviti dan perkhidmatan PLH. Secara ringkasnya PLH diterajui oleh 19 orang staf pengurusan dan

(Gred 41 ke atas) dan 40 orang staf sokongan. Pada masa ini terdapat 5 orang staf PLH dipinjamkan ke Penerbit Universiti bagi tujuan menjalankan tugas-tugas percetakan. Kalau sebenarnya kita ada 19 orang pustakawan.

NJA: Kiranya Encik Azman 5 orang yang dipinjamkan ni adalah orang-orang yang pakar ke *binding-binding* [mengikat] ni?

AHA: Dia separuh mahir. Apabila dia disana dia akan mengkilapkan lagi dia punya skill. Ada kemungkinan kalau dia balik ke perpustakaan bahagian baru. Mungkin bahagian pencetakan tadi la. Percetakan penerbitan penyelidikan, rosak tadi tu, itu mungkin. Itu la lebih kurang. Bilangan dia katakan tadi ada 59 orang. 4 bahagian 8 section dan 13 unit.

NJA: Banyak juga tu Encik Azman, kalau macam Encik Azman tak kesah kan, encik azman boleh kongsi ke gaji untuk gred gred yang encik azman cite kan tu.

AHA: Gaji *fresh graduate* tak banyak mana pun, biasanya RM1200 sehingga RM1400 ataupun mungkin dah 2000 kot, saya rasa 2000. Tapi once you dah naik pangkat you boleh dapat 2100 300. Kalau you jadi timbalan, you boleh dah boleh pergi pada 6 atau 7 ribu. Dia semakin lama pengalaman biasa semakin meningkat. Dia setiap tahun akan naikan gaji. Contoh macam you duduk 4 tahun 5 tahun gaji you akan naik. Mungkin naik 100. Tapi diorang naik ni, selepas 8 tahun you akan pergi kepada pustakawan so

pustakawan ni dia akan ada 1000 gaji dia. kalau naik lagi kepada contohnya timbalan, you akan lagi naikla. Jadi you boleh bayangkan la berapa gaji seorang pustakawan tu mencapai tahap mungkin you boleh dapat lebih lumayan la.

NJA: Faham encik, kiranya macam yang encik cakap tadi jumlah tahunan untuk gaji apa kerja, adakah gaji tahunan ni diberikan sama rata? Contoh G41, timbalan ketua, 100 100 ataupun berlainan?

AHA: Ikut kedudukan dia la kalau. Elaun kitorang semua tak sama kadang-kadang elaun orang yang pangakta lagi besar lebih banyak berbanding yang dibawah la. Sebab apa? Sebab bukan dia bos, bos memang betul, bos besar bos kecil, setiap orang tu, memikirkan, menggunakan fikiran menggunakan otaknya memikirkan macam mana nak bawak library tu kedepan. *That's why [sebab itu]* gaji dia lebih. Yang bawah ni diorang akan menerima arahan, okey you buat ni buat ni, yang atas ni yang kena memikirkan. Diorang yang memikir ni daripada membuat saja-saja. Sama juga kalau kita dapat staf sokongan, kerani dan sebagainya. *That's why* diorang berbeza. Yang datang pun berbeza. Kalau anything happen pada perpustakaan tu, yang atas kena jawab, yang bawah tak. Tapi di atas tu contohnya macam naib cancellor tanya kenapa library ni tak buka dan sebagainya. Yang menjawab bukan yang bawah, kita yang kena jawab. *So* kita kena la ada *reason* dan sebagainya. Contoh, macam saya yang memandu 59 orang ni macam mana saya nak bawak library ni. Jadi saya kena fikir la mungkin lebih dari yang lain. Contoh la kan.

SAA: Apakah pandangan Encik terhadap pengurusan rekod dan arkib? adakah teratur atau tidak?

AHA: Ni arkib yang mana ni?

SAA: Arkib Negara

AHA: Arkib Negara?

SAA: Pandangan Encik Azman

AHA: Arkib ni ada banyak, arkib yang mana satu ni arkib perpustakaan ke? Terkejut saya kalau arkib negara di kawal oleh pegawai arkib negara. Kita memang mahir la tentang arkib semua benda tu. dia akan olah-olahan susun market dia. University ni arkib bagi bahan-bahan lebih kepada recruit pelajar, recruit jabatan. Macam uitm, diuruskan oleh pejabat pendaftar tetapi recruite yang telah didaftar. Recruit ni you tahu kan dia creation ataupun la sesuatu yang perlu pada masa kini. Pengurusan rekod dapat mengawal sesuatu proses dengan cekap dan sistematik dari segi penciptaan, penerimaan, penyelenggaraan, penggunaan dan pelupusan rekod, termasuk proses untuk merekod dan menyelenggara bukti dan maklumat mengenai sesuatu aktiviti dalam agensi dan transaksi dalam bentuk rekod. Arkib pula merupakan aktiviti pengumpulan dokumen sejarah atau rekod yang menyediakan maklumat tentang tempat, institusi atau sekumpulan orang. Pada masa ini pengurusan arkib di UTeM diuruskan oleh Pejabat Pendaftar UTeM.

SAA: Apakah kualiti penting yang perlu ada pada seorang pustakawan? Contohnya dia kena ada ilmu yang banyak ke ataupun macam mana tu?

AHA: Okey, pada saya ada beberapa *character*[watak], yang perlu ada *character* yang perlu ada pada seseorang Pustakawan antaranya Pustakawan mestilah seorang yang suka membaca, kerjanya sentiasa rapi dan tersusun, menjadi seorang penyelidik yang bagus, sentiasa mengikut aliran atau *trend*[tren]semasa, mempunyai komitmen yang kuat dan sentiasa berdisiplin.

SAA: Apakah yang Encik lakukan untuk memastikan bahawa pengguna Encik mempunyai akses ke bahan bacaan baru dan relevan?

AHA: Macam yang saya sebut tadi, kita menggunakan, *channel-channel*[saluran] yang disebut tadi, tapi saya rasa yang paling dekat sekali adalah menggunakan PLH telegram *channel* la. Sebab *channel* tu dia *direct*[langsung] terus masuk kepada apps. Berbanding ada contohnya you masuk dalam *Facebook*, *Twitter* dan sebagainya, dia macam, *you* bukak email, *you* baru dapat. *you* masuk *Facebook* baru *you* dapat. Tapi kalau *you* pegi pada *channel* tadi sampai sana dia akan bunyi la dan *you* bukak *direct* *you* dapat maklumat tu. pada saya yang itu paling cepat la. Kalau ada maklumat-maklumat baru biasanya kita ke situ la. Adalah *info-info*[maklumat-maklumat] dan

sebagainya. Kita memang biasanya akan masukkan dari email dan lain-lain dalam media sosial.

SAA: Bagaimanakah Encik membantu pelajar dalam menjalankan penyelidikan sebelum COVID-19?

AHA: Kalau pelajar ni biasanya semua dia tahu ka? *So*, untuk dia tahu, kita akan tunjuk ajar menggunakan *tools*[alat] atau kaedah yang betul dalam menjalankan penyelidikan serta akses kepada sumber yang disediakan. Ini dizahirkan mengadakan kelas literasi maklumat kepada pelajar baharu dan juga juga pelajar tahun akhir serta mana-mana pelajar yang berminat. Itu sebelum COVID. Kalau sekarang ni kita buat secara *online* la.

NJA: Kalau sekarang, saya nak tau jugak apa *job scope* [skop pekerjaan] Encik Azman yang terkini sebagai Timbalan.

AHA: Okey, kalau *job scope* ni banyak bila duduk di atas. Senang cite ada sepuluh kot saya cerita lebih kurang la kan. Saya bertindak menasihati Pengurusan Tertinggi Universiti mengenai hal-ehwal perpustakaan akademik bagi pemantapan tadbir urus dan pembentukan dasar baharu di Universiti. Menentukan halatuju strategik perpustakaan selaras dengan dasar, visi dan misi universiti serta negara. Memperkasa, memperkaya, memulihara dan menyebarkan khazanah Intelektual Universiti kepada warga Universiti, komuniti dan masyarakat. Memperkasa Pengurusan rekod, pentadbiran arkib dan muzium di Universiti secara efisien dan efektif demi kepentingan masyarakat dan negara. Merancang dan memantau sistem kepastakaan ilmu [*knowledge management & corporate memory*] dan harta intelek universiti bagi melindungi khazanah universiti. Merancang peluang kolaborasi dengan pihak Jabatan/institusi dalam dan luar negara bagi mewujudkan pembelajaran secara profesional. Merancang dan memantau perkhidmatan perpustakaan digital (digital library) dan penggunaan e-learning untuk meningkatkan kemudah capaian *accessibility* [*kebolehcapaian*] sumber maklumat akademik. Merancang infrastruktur dan infostruktur perpustakaan mengikut perkembangan teknologi ICT terkini selari dengan keperluan pengguna. Memastikan tahap perkhidmatan perpustakaan mencapai peratus (%) kepuasan pengguna yang ditetapkan pengurusan universiti. Merancang

pembangunan kompetensi sumber manusia perpustakaan agar sentiasa kompeten dan produktif. Merancang dan mengawal perbelanjaan kewangan perpustakaan mengikut perancangan tahunan bagi melancarkan fungsi yang ditetapkan.

NJA: Kalau yang baru kerja *job scope* diorang tu kena buat apa macam mana ke?

AHA: Okey, yang kalau baru kerja ni dia tidak merancang la, dia biasanya menjalankan tugas apa-apa mengikut bahagian yang dia duduk. contoh , dia bahagian sirkulasi, pinjaman. Dia akan menanyakan pinjaman kepada pengguna tadi. ataupun keluaran surat denda ataupun peringatan kepada pengguna. maksudnya lebih kepada operasi---
--(kedengaran bunyi angin daripada temubual)

NJA: Pada asasnya, apakah peranan perpustakaan akademik terhadap sesebuah institusi pendidikan daripada segi perkhidmatan?

AHA: Menyokong pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan bagi tujuan kecemerlangan universiti/institusi. Perlu memenuhi keperluan dan tujuan penubuhan universiti. Dari situ ia akan berperanan. Menyediakan bahan bacaan selaras dengan perkembangan teknologi semasa dalam pelbagai format. Kemudian ia perlu disusuli dengan promosi dalam pelbagai media secara interaktif sesuai dengan kemajuan zaman.

SAA: Apa yang Encik anggap sebagai kekuatan terbesar Encik sepanjang ceburi bidang ini?

AHA: Minat dan percaya kepada kemampuan diri serta sentiasa ingin belajar sesuatu yang baharu. Jika tidak ada *element-element* [unsur-unsur] sebegini biasanya seseorang tidak akan kekal lama dalam satu-satu bidang yang mereka ceburi.

SAA: Pandangan Encik Azman, kami sebagai pelajar Pengurusan Maklumat wajar menjalani latihan industri di sektor Awam atau Swasta? Mengapakah Encik Azman berpandang demikian?

AHA: Kedua-duanya bagus sama ada sektor awam ataupun swasta. Sebaiknya pelajar perlu membuat sedikit carian tentang latar belakang dan operasi agensi yang ingin

mereka buat latihan industri. Kebanyakan pelajar memilih lokasi agensi yang berhampiran dengan tempat tinggal mereka dan agensi yang boleh menyediakan elaun. Pelajar sepatutnya melihat kemudahan dan urus tadbir yang baik di sesebuah perpustakaan bagaimana perpustakaan itu beroperasi dan bagaimana mereka boleh menimba pengalaman yang boleh diterapkan semasa bekerja suatu hari nanti. Ini penting kerana sekiranya dalam tempoh latihan industri tidak dimanfaatkan sebaik mungkin, apabila ditawarkan kerja kelak, mereka tidak dapat perform dengan baik.

SAA: Encik Azman saya ada lagi satu soalan. Di UTeM, ada tak *course*[kursus] *Information Management*[Pengurusan Maklumat]?

AHA: Pengurusan maklumat tidak ada di UTeM, yang saya tahu ada di Uitm, UniSel, UKM [Universiti Kebangsaan Malaysia], UIA [Universiti Islam Antarabangsa]. Kalau di UIA, kena cakap Bahasa Inggeris sebab level international di sana.

SAA: Macam *one day* [satu hari] Encik Azman rasa ke yang UTeM akan ada *course information management* ni? Ke macam tak nak *just stay* teknikal je.

AHA: Saya rasa setiap universiti ni dia ada kita panggil core business. Macam UTeM ni menghasilkan graduan dalam bidang kejuruteraan dalam teknologi keusahawanan. Kita panggil-----bidang apa. Dia berbeza. Semua universiti ni adalah berbeza. Jadi saya rasa buat masa ni memang tidak akan ada fakuliti pengajian maklumat di UTeM.

SAA: Sebagai penutup temu bual,apakah nasihat atau motivasi yang Encik boleh berikan kepada generasi pustakawan yang akan datang.

AHA: Nasihat saya jika ingin menceburi bidang kepustakawanan ni,pertama perlu ada minat yang mendalam terhadap bidang ini. Pustakawan mestilah mempunyai beberapa sifat atau karakter-karakter yang saya sebut tadi seperti seorang yang suka membaca, kerjanya sentiasa rapi dan tersusun, menjadi seorang penyelidik yang bagus, sentiasa mengikut aliran atau *trend* [tren] semasa, mempunyai komitmen yang kuat dan sentiasa berdisiplin. Perlu disemai sikap ingin tahu dan sentiasa membantu sesiapa sahaja

khususnya dalam penyebaran maklumat. Cuma yang cantiknya, untuk pelajar-pelajar baru macam korang ni kena ada *soft skills* yang bagus. *Soft skills* dari segi kemahiran komputer, kemahiran berkomunikasi, empati, simpati dengan orang tu kena ada. Pustakawan ni bukannya boleh jadi pustakawan sahaja. Dia boleh jadi berbagai-bagai watak. Semangat ingin belajar tu yang penting pada masa kini. Macam Aishah *you* minat apa Aishah?

SAA: Saya minat IT..

AHA: Ha mungkin dia boleh bekerja bidang IT, mungkin boleh jadi sistem journalist ke apa ke. Macam Nurin, *you* minat apa?

NJA: Saya minat masak masak je.

AHA: Ha mungkin awak boleh jadi *chef* [tukang masak]. *Chef* kena amik kursus lain lagi

SAA: Culinary (ketawa)..

AHA: Saya bagi satu contoh lah kan, you tau kan tentang sudirman. Apa kelulusan dia?

SAA: Itu saya tak tau kurang pasti (ketawa)..

AHA: Dia adalah graduan undang-undang.

SAA: Oh..

AHA: Dia pernah jadi peguam tetapi minat dia apa?

SAA & NJA: Berlakon? Menyanyi?

AHA: Berlakon dan menyanyi lah kan berbeza tu.

SAA: Betul

AHA:Jadi macam saya cakap tadi tak semestinya jadi pustakawan tapi untuk macam saya *share* tadi saya minat la dan percaya diri sendiri dan ikut kata hati lah mana nak pergi.

SAA: Faham

AHA:Bila berada dalam bidang kita, kita merasa yang kita ni nak masuk kat situ tapi rezeki masing-masing jadi tuhan yang tentukan semuanya. Kita punya positive attitude tu yang penting. You nak mencuba, pada satu masa you belum dapat kerja adakah you sanggup nak bekerja sebagai pekerja kilang? Atau bagaimana? Ramai tau saya tengok yang senior korang jadi jurujual dekat Jusco. Tapi tak kisah lah mana-mana pun.

SAA: Takde suara weh.

AHA: Terima kasih kerana memilih saya sebagai tokoh anda. InshaAllah kita bertemu lagi.

NJA: Maaf lah kami amik masa yang lebih daripada jam 8 lebih tadi sehinggalah sekarang dan minta maaf juga ada beberapa masalah teknikal dan sebagainya.

AHA: Saya ucapkan Selamat Maju Jaya lah kepada you alls dan InsyaAllah jika ada keperluan pada masa akan datang kita akan jumpa lagi lah..

SAA: Terima kasih tau Encik Azman

AHA: Kirim salam dengan *you* punya *parents* [ibu bapa] daripada sayalah.

RINGKASAN

Transkrip temubual ini berkisahkan tentang Encik Azman Bin Haji Ayup yang merupakan tokoh dan Timbalan Ketua Pustakawan di Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM, Melaka. Temubual bersama tokoh diadakan melalui dalam talian dengan menggunakan aplikasi Google Meet.. Temubual ini dijalankan pada hari rabu bersamaan 30 Jun 2021 yang bermula pada jam 8.30 malam dan berakhir tepat pada jam 12.10 pagi.

Kajian ini menceritakan tentang pengalaman hidup Encik Azman Bin Haji Ayup sebagai seorang timbalan pustakawan tetapi sedang menjalankan tugas-tugas ketua pustakawan. Hal ini demikian kerana ketua pustakawan sebelum ini telah bersara dua tahun yang lepas. Oleh itu, Encik Azman Bin Haji Ayup menjalankan tugas-tugas ketua pustakawan dan beliau juga akan bersara pada tahun 2022. Beliau merupakan seorang yang mahir dan berpengalaman dalam perpustakaan. Perpustakaan Laman Hikmah merupakan tempat Encik Azman Bin Haji Ayup sedang berkhidmat. Temubual ini diadakan bagi menjawab persoalan kajian yang telah disediakan.

Encik Azman Bin Haji Ayup merupakan seorang yang arif tentang selok belok dalam perpustakaan. Beliau mula bergiat dalam bidang ini setelah menamatkan pengajian Ijazah Sarjana di UITM.. Sepanjang penglibatan beliau dalam bidang ini, pelbagai pencapaian yang telah dicapai oleh beliau contohnya beliau sudah melibatkan diri sampai ke peringkat Antarabangsa dengan menjadi tuan rumah untuk acara IFLA. Oleh itu temubual ini diadakan adalah untuk mengkaji asal usul, peranan pustakawan dan pandangan masyarakat dalam bidang perpustakaan.

Hasil dapatan kajian mendapati nama Perpustakaan Laman Hikmah ini berasal daripada nama Perpustakaan UTeM, nama perpustakaan ini bertukar kerana Laman bermaksud sebagai sebuah halaman, manakala, hikmah bermaksud sebagai wisdom iaitu kebijaksanaan. Justeru itu, apabila kedua makna ini digabungkan akan menghasilkan maksud Malah, Encik Azman juga menceritakan bahawa tugas dan peranan pustakawan pada zaman dahulu dan kini tiada beza. Cuma terdapat sedikit perubahan kerana kecanggihan teknologi kini dengan menggunakan sistem. Bahkan, beliau juga menganggap bahawa kewujudan pustakawan selalu berhadapan dengan adanya teknologi. Maka tidak mungkin pustakawan juga dapat memiliki peluang dalam dunia teknologi dengan tujuan untuk memudahkan penyampaian perkhidmatan maklumat kepada masyarakat umum dan masyarakat akademik khususnya

LOG TEMUBUAL

Berikut adalah ringkasan temubual bersama Encik Azman Haji Ayup yang merupakan Transkrip Temubual Bersama Encik Azman Hj Ayup Timbalan Ketua Pustakawan Kanan,Laman Hikmah,UTeM,Melaka.Pada Tahun 2002 Sehingga Kini Iaitu 2021

MASA	PERKARA	CATATAN	TINDAKAN
00:00:00 - 00:01:42	Ucapan Pembuka.	Memperkenalkan tokoh, masa, lokasi dan tarikh serta nama menemubual.	NJA melakukan ucapan Pembukaan mengenai tokoh, masa, dan tarikh, serta nama menemubual
00:01:43 - 00:06:25	Latar belakang tokoh dan keluarga.	Tokoh memberitahu tentang latar belakang beliau dan keluarga.	SAA menanyakan tokoh tentang latar belakangnya.
00:06:27 - 00:07:31	Kursus tokoh semasa belajar di universiti.	Tokoh memberitahu tentang kursus pada waktu beliau zaman belajar	NJA melakukan pertanyaan kepada tokoh.
07:51.81 - 00:11:29	Hobi beliau ketika waktu lapang	Apakah hobi Encik di waktu lapang?	SAA menanyakan kepada tokoh tentang hobi beliau.
00:11:23 - 00:15:40	Tokoh bersekolah di St. David 's High School	Sewaktu bersekolah di St. David 's High School, apakah perancangan Encik selepas menamatkan SPM?	NJA menanyakan kepada beliau mengenai tentang peranan beliau selepas menamatkan SPM dan pekerjaan sambilan beliau ketika waktu itu.
00:15:40 - 00:29:44	Latar belakang pendidikan daripada sekolah rendah sehingga sekarang	Encik ceritakan latar belakang Pendidikan Encik daripada sekolah rendah sehingga kelayakan yang terkini ?	SAA bertanya kepada beliau tentang latar belakang pendidikan daripada sekolah rendah sehingga yang sekarang.

00:29:45 - 00:37:09	Tanggapan beliau tentang memasuki alam universiti	Encik telah meneruskan pengajian STPM di SMK Munshi Abdullah. Seterusnya Encik telah menyambung ijazah sarjana muda di UITM Shah Alam.	NJA bertanya kepada beliau tentang alam universiti
00:37:19 - 00:39:03	Memupuk minat ke bidang perpustakaan ketika waktu universiti pada awalnya.	Cara Encik Azman memupuk minat untuk melanjutkan bidang perpustakaan dan pengurusan maklumat ini lepastu apa pandangan Encik pada awalnya?	SAA menanyakan kepada beliau cara memupuk minat perpustakaan dan pandangan beliau kepada perpustakaan.
00:39:03 - 00:41:33	Ayah beliau menjadi polis	Pekerjaan ayah beliau menjadi polis	SAA menanyakan kepada beliau ketika waktu dulu dulu ayah Encik Azman menjadi polis
00:41:34 - 00:43:58	Pada ketika itu bidang kepustakawan tidak popular	Beliau belajar tentang bidang baru walaupun kurang tahu tentang bidang kepustakawanan tersebut.	NJA menanyakan tentang bidang kepustakawanan untuk mencuba bidang baru.
00:43:59 - 00:50:22	Rekod katalog untuk bidang perpustakaan.	Rekod katalog kena buat berdasarkan bahan <i>recording</i> dan cara nya sedikit berbeza.	NJA menanyakan kepada beliau adakah susah untuk rekod katalog pada waktu itu ?
00:50:22 - 00:51:20	Mata pelajaran yang di minati.	Mata pelajaran yang diminati ketika zaman universiti.	SAA menanyakan subjek yang diminati ketika itu.
00:51:22 - 00:56:14	Menjalani latihan industri semasa peringkat ijazah.	Beliau menjalani latihan industri ketika waktu ijazah	SAA menanyakan dimana beliau menjalani latihan

		sarjana muda.	industri ketika itu.
--	--	---------------	----------------------

00:56:16 - 00:57:38	Surat latihan industri ketika ijazah sarjana muda	Penghantaran surat ijazah sarjana muda untuk menjalani latihan industri kepada sektor kerajaan.	NJA menanyakan beliau tentang penghantaran surat latihan industri kepada sektor kerajaan.
00:57:40 - 01:01:38	Bentuk latihan dan skop pekerjaan ketika waktu itu	Cara, bentuk latihan dan skop pekerjaan yang beliau lakukan semasa jalani latihan industri semasa ijazah sarjana muda.	NJA meminta perkongsian kepada beliau tentang bentuk latihan dan skop pekerjaan yang beliau lakukan ketika menjalani latihan industri ketika waktu itu.
01:01:40 - 01:05:34	Pekerjaan pertama beliau selepas menamatkan ijazah sarjana muda ketika itu.	<i>Document Controller</i> merupakan pekerjaan pertama beliau selepas menamatkan ijazah sarjana muda semasa itu.	SAA menanyakan tentang document controller iaitu pekerjaan pertama beliau selepas tamat ijazah sarjana muda. SAA menyuruh beliau cerita tentang document controller ketika itu
01:05:36 - 01:10:03	Tempoh beliau berkhidmat di Perpustakaan Laman Hikmah.	Tempoh beliau berkhidmat di Perpustakaan Laman Hikmah dan bagaimana beliau boleh mendapat tawaran di perpustakaan tersebut dan mengapa perpustakaan itu.	NJA menanyakan beliau berapa lama beliau berkhidmat di Perpustakaan Laman Hikmah dan bagaimana beliau boleh dapat tawaran di sana.
01:10:05 - 01:16:33	Pencapaian dan kenangan untuk mencapai sesuatu kejayaan ketika itu.	Pencapaian profesional terbesar beliau dan kenangan ketika itu.	SAA menanyakan tentang pencapaian profesional terbesar beliau , apakah kenangan di saat mencapai kejayaan terbesar di saat itu.

01:16:35 - 01:20:53	Sejarah perpustakaan UTeM sebelum dibina dan siapa membinanya ketika itu.	Sejarah perpustakaan UTeM dan cara pembinaan bangunan dan idea yang menyumbang terhadap perpustakaan tersebut.	SAA menanyakan tentang sejarah perpustakaan UTeM yang beliau tahu. Contohnya cara pembinaan bangunan dan siapa yang memberi idea terhadap pembinaan perpustakaan tersebut.
01:20:55 - 01:22:23	Bajet penubuhan Perpustakaan Laman Hikmah.	Bajet dan bilangan kepustakawanan yang ada ketika itu.	SAA menanyakan kepada beliau tentang bajet perpustakaan UTeM, bilangan pustakawan yang ada semasa awal penubuhan.
01:22:25 - 01:28:08	Menanyakan tentang ruang perpustakaan	Ruang Perpustakaan Laman Hikmah seperti ruang kedai.	NJA menanyakan tentang perpustakaan yang rupa seperti ruang kedai seperti rumah kedai.
01:28:10 - 01:29:10	Tiada perasmian terhadap perpustakaan tersebut dan hanya beberapa orang sahaja yang hadir ketika itu.	Ketika penubuhan tiada aktiviti perasmian kecuali pelancaran dan beberapa orang sahaja yang menghadiri pelancaran perpustakaan tersebut.	NJA menanyakan tentang tiada perasmian di perpustakaan UTeM tetapi hanya ada pelancaran dilakukan dan siapa yang menghadiri pelancaran perpustakaan tersebut.
01:29:11 - 01: 36:24	Ketika perpustakaan baru sahaja di buka apakah koleksi bahan yang diperoleh ketika itu.	Koleksi bahan pada peringkat awal dalam perpustakaan tersebut dan bahan apa yang diutamakan pada ketika pembukaan itu dan apa bahan yang diperoleh.	NJA menanyakan koleksi bahan pada peringkat awal dalam perpustakaan tersebut dan bahan apa yang diutamakan pada ketika pembukaan itu dan apa bahan yang diperoleh.

01:36:25 - 01:41:44	Perbezaan skop pekerjaan pustakawan yang Dahulu dan sekarang.	Sebagai seorang pustakawan apakah perbezaan skop pekerjaan dahulu dan sekarang.	SAA menanyakan tentang skop kerja pustakawan yang dahulu iaitu tugas saat itu sama dengan tugas pustakawan yang sekarang.
01:41:46 - 01:45:47	Tugas yang diminati ketika menjadi pustakawan.	Pada mulanya masuk bidang ni apakah tugas yang diminati dan kenapa beliau suka? Sebab dah ada pengalaman yang banyak	NJA menanyakan tugas apa yang beliau suka setelah menjadi pustakawan. Kiranya pada mulanya masuk bidang ni apakah tugas yang diminati dan kenapa suka? Sebab dah ada pengalaman ke?
01:45:52 - 01:49:59	Tugas yang kurang diminati oleh beliau	Ketika menjadi pustakawan apakah tugas yang kurang minati oleh beliau seperti menguruskan OPAC ataupun menyusun buku dan sebagainya.	SAA bertanya kepada beliau tentang tugas yang beliau tidak minati seperti menyusun buku atau menguruskan OPAC dalam sistem dan lain-lain.
01:50:30 - 01:55:51	Cabaran yang dihadapi oleh beliau semasa menjadi pustakawan.	Cabaran yang dihadapi oleh beliau dan cara mengatasi cabaran tersebut.	NJA menanyakan tentang cabaran yang dihadapi. Contohnya adalah seperti staf yang malas bekerja dan cara mengatasinya dengan melatih staf tersebut 3 bulan.

01:55:55 - 01: 57:21	Kemahiran komputer sebagai seorang pustakawan.	Mengapa kemahiran komputer amat penting kepada pustakawan pada masa kini.	SAA bertanya kepada beliau sebagai seorang pustakawan adakah kemahiran komputer merupakan satu keperluan. Jika ya mengapa kemahiran komputer menjadi satu keperluan?
01:57:23 - 02:03:15	Mengendalikan sistem di Perpustakaan Laman Hikmah.	Cara mengendalikan sistem di Perpustakaan Laman Hikmah dan adakah ianya rumit untuk mengendalikan sesuatu sistem.	NJA bagaimana cara mengendalikan sistem di Perpustakaan Laman Hikmah dan sistem apa yang mereka akan pakai di perpustakaan tersebut. Adakah susah untuk mengendalikan sistem tersebut?
2:03:17 - 2:15:38	Masalah sistem yang dihadapi di perpustakaan	Masalah sistem yang dihadapi dan bagaimana untuk menghubungi vendor	NJA menanyakan pada beliau tentang ketika ada masalah sistem kita boleh menghubungi vendor. Vendor tu adakah tetap atau bagaimana
2:15:39 - 2:19:03	Cabaran dalam sistem OPAC (online Public Access Catalogue)	Masalah teknikal dan sistem down yang dihadapi dan cara menyelesaikan	SAA menanyakan berkenaan cabaran beliau menghadapi sistem OPAC (Online Public Access Catalogue).
2:19:04 - 2:20:07	Bagaimana Pihak Universitas mengendalikan masalah godam	Cara pihak universiti mengendalikan penggodam yang menggodam sistem	NJA bertanya kepada beliau cara pihak UTEM mengendalikan penggodam yang cuba godam sistem OPAC (Online Public Access Catalogue)

2:20:08 - 2:20:45	Cara pihak atasan mengambil tindakan terhadap pelajar yang cuba menggodam.	Tindakan pihak Univeristi terhadap pelajar yang mengodam sistem.	NJA menanyakan pada beliau sekiranya pelajar yang menngodam sistem diambil tindakan.
2:20:46 - 2:22:48	Siapakah yang mengendalikan sistem-sistem di perpustakaan dan menjaga eletronik.	Siapakah yang menjaga elektronik dan juga sistem-sistem di perpustakaan.	NJA menanyakan berkenaan sistem elektronik dijaga oleh vendor ataupun sekuriti dan siapakah yang dikendalikan sistem-sistem di perpustakaan?.
2:22:49 - 2:25:48	Tempoh perkhidmatan peminjaman buku dari perpustakaan luar.	Berapakah tempoh proses pemijamanan buku untuk perpustakaan luar dari Perpustakaan UTEM sendiri.	SAA menanyakan pada beliau berkenaan perkhidmatan pinjaman dari perpustakaan luar dan UTEM
2:25:50 - 2:27:27	Pinjam Buku dari UTEM ke pinjaman perpustakaan luar.	Jarak paling jauh dan dekat Perpustakaan UTEM meminjam buku dari perpustakaan luar.	NJA bersetuju pandangan dengan beliau sambil menanyakan jarak pinjaman buku dari perpustakaan UTEM ke perpustakaan yang lain.
2:27:33 - 2:29: 58	Pelajar mengulang kaji di perpustakaan sewaktu Pandemik	Bertanya mengenai peraturan untuk pelajar mengulang kaji di perpustakaan sewaktu Pandemik Covid-19	SAA menanyakan bagaimana pelajar UTEm ingin mengulang kaji sewaktu Pandemik covid-19 dan apakah peraturan dari perpustakaan
2:30:00 - 2:30:56	Perkhidmatan kios dari perpustakaan UTEM.	Perkhidmatan perpustakaan mengenakan membuat kios ke kios	NJA bertanya kepada beliau tentang perkhidmatan kiosk ke kios dari perpustakaan UTEM sendiri.

2:30:59 - 2:33:43	Perancangan perpustakaan UTeM di masa hadapan.	Perancangan perpustakaan UTeM mengenai perletakkan buku di stesen bas untuk pelajar membaca sambil menunggu.	NJA bertanya pada beliau tentang perancangan perpustakaan mengenai kios mahupun meletakkan buku di mana-mana tempat untuk pelajar baca sambil menunggu.
2:33:44 - 2:35:22	Aktiviti yang diadakan oleh perpustakaan UTeM sewaktu pandemik	Apakah aktiviti online yang diadakan sewaktu pandemik oleh perpustakaan UTeM.	SA menanyakan sewaktu pandemik, perpustakaan UTeM membuat sebarang aktiviti online.
2:35:23 - 2:38:02	Mengemas kini buku baru di sewaktu pandemik	Bagaimana Encik Azman mengemas kini buku baru sewaktu pandemik.	SAA menanyakan kepada beliau bagaimana beliau mengemas kini buku baru sewaktu pandemik
2:38:08 - 2:42:03	Perkembangan baru perpustakaan UTeM sewaktu pandemik dan kesannya	Sepanjang covid-19, apakah kesan perkembangan perpustakaan Hikmah (UTeM)	SAA bertanya mengenai perkembangan perpustakaan Hikmah sewaktu pandemik dan kesannya.
2:42:05 - 2:44:35	Akses percuma apabila pelajar ingin membeli artikel yang berbayar	Menanyakan akses percuma untuk artikel yang berbayar sama ada betul atau tidak.	NJA bertukar pendapat dengan beliau dengan menanyakan mengenai akses pelajar.
2:44:37 - 2:48:17	Promosikan perkhidmatan perpustakaan di media sosial	Cara mempromosikan bahan-bahan rujukan atau perkhidmatan yang sedia ada di social media.	NJA menanyakan pada beliau cara promosikan bahan-bahan atau perkhidmatan di perpustakaan.
2:48:19 - 2:49:10	Channel Telegram Perpustakaan UTEM penyertaan	Menanyakan penyertaan telegram terbuka kepada orang ramai	NJA bertanya kepada beliau adakah telegram semua orang boleh menyertai.

2:49:12 - 2:51:01	Laman blog perpustakaan UTeM	Siapakah penulis laman blog untuk setiap organisasi di perpustakaan UTeM	NJA bertanya jika laman blog siapa penulisnya
2:51:02 - 2:52:44	medium -medium yang digunakan Encik Azman untuk user-user yang jauh	Adakah beliau (Encik Azman) menggunakan medium-medium laman web untuk user -user jauh melihat aktiviti-aktiviti perpustakaan	NJA menanyakan jika beliau menggunakan medium tersebut (blog) kepada user-user yang jauh untuk melihat aktiviti-aktiviti
2:52:45 - 2:55:06	GLAM (Galeri, library, Art&craft dan Museum)	Adakah Encik Azman tahu mengenai GLAM (Galeri, Library, Art&craft dan Museum)	SAA menanyakan pada beliau jika beliau tahu mengenai GLAM (Galeri, Library, Art & craft dan Museum)
2:55:09 - 2:58:23	Ringkasan mengenai perpustakaan, cabaran, dan naik taraf perpustakaan Hikmah	Menceritakan ringkasan serba sedikit mengenai perpustakaan Hikmah, cabaran dan naik taraf.	NJA menyuruh beliau menceritakan ringkasan mengenai perpustakaan HIKMAH termasuk cabaran dan naik taraf perpustakaan
2:58:24 - 2:59:14	Staf yang mempunyai pengalaman dan latihan	5 orang staf yang dipinjamkan mempunyai pengalaman dan latihan dalam bidang binding.	NJA bertanya sekiranya 5 orang staf tersebut adalah terlatih dan berpengalaman dalam bidang binding.
2:59:15 - 3:00:55	Perkongsian ringkas mengenai gaji Pegawai menurut gred-gred.	Beliau berkongsi mengenai gaji Pegawai menurut gred-gred.	NJA meminta beliau berkongsi mengenai gaji Pegawai yang mempunyai gred-gred (greb B1, gred 41)

3:00:57 - 3:03:33	Perkongsian daripada beliau mengenai jumlah tahunan	Beliau berkongsi tentang jumlah gaji tahunan yang diberi oleh pekerja mereka pada setiap tahun	NJA bertanyakan kepada beliau tentang jumlah tahunan untuk gaji pekerja. Adakah gaji tahunan ni diberi sama rata?
3:03:36 - 3:06:28	Perkongsian daripada beliau tentang sistem arkib pada masa kini dan dahulu.	Beliau menceritakan tentang pengurusan rekod di arkib pada masa kini dan dahulu.	SAA menanyakan kepada beliau tentang padangan beliau terhadap pengurusan rekod dan arkib sama ada tersusun atau tidak.
3:06:30 - 3:08:51	Perkongsian tentang seorang pustakawan hendaklah mempunyai banyak ilmu.	Beliau menceritakan tentang seorang pustakawan mestilah suka membaca kerana jika tidak membaca sudah tentu nanti dia tiada ilmu untuk berkongsi.	SAA bertanya kepada beliau tentang kualiti yang penting sebagai seorang pustakawan. Contohnya mempunyai ilmu yang banyak atau bagaimana.
3:08:53 - 3:10:47	Ganjaran yang besar ketika bekerja di UTeM dan anugerah kecemerlangan.	Beliau menceritakan tentang ganjaran yang pernah beliau dapati dan cara untuk menghargainya	NJA bertanyakan tentang ganjaran yang besar ketika beliau di UTeM dan pernah mendapat anugerah kecemerlangan.
3:10:49 - 3:12:14	Akses bahan baru dan relevan dan juga kaedah pada ketika itu.	Beliau menceritakan tentang akses untuk pengguna untuk mengakses bahan baru yang terdapat di perpustakaan	SAA bertanyakan kepada beliau apakah encik akan lakukan untuk memastikan bahawa pengguna encik menggunakan akses bahan baru dan relevan dan kaedah pada ketika itu.

3:12:14 - 3:13:30	Cara beliau membantu para pelajar dalam menjalankan penyelidikan sebelum COVID-19	Beliau menceritakan tentang para pelajar menjalani penyelidikan dengan kaedah yang betul dan baik seperti mengadakan kelas kemahiran.	SAA bertanya kepada beliau bagaimana beliau membantu para pelajar dalam menjalankan penyelidikan sebelum COVID-19
3:13:32 - 3:18:13	Skop beliau pada masa kini sebagai timbalan pustakawan.	Beliau berkongsi tentang skop pekerjaan iaitu nasihat untuk uruskan perpustakaan dan sebagainya.	NJA menanyakan kepada beliau tentang skop yang baru mula dan pada masa kini sebagai timbalan pustakawan.
3:18:15 - 3:20:33	Peranan perpustakaan akademik dari segi perkhidmatan dan apakah usaha yang perlu dilakukan oleh pustakawan untuk menarik minat pelajar.	Tujuannya adalah untuk kecemerlangan universiti UTeM.	NJA bertanya kepada beliau tentang peranan perpustakaan akademik dari segi perkhidmatan dan apakah usaha yang perlu dilakukan oleh pustakawan untuk menarik minat pelajar.
3:20:35 - 3:25:49	Wajarkah pelajar pengurusan maklumat mengambil latihan industri di sektor awam atau swasta.	Pandangan beliau ialah kedua-duanya adalah bagus kerana keduanya ada kebaikan dan keburukkan.	SAA menanyakan tentang pandangan beliau tentang para pelajar pengurusan maklumat wajar atau tidak mengambil latihan industri di sektor awam atau swasta. Mengapa beliau berpandangan sedemikian
3:25:51 - 3:27:01	Harapan pada masa akan datang.	Sebagai seorang pustakawan hendaklah maju ke hadapan dengan mempelajari banyak ilmu.	NJA menanyakan harapan akan datang sebagai seorang pustakawan.

3:27:03 - 3:28:21	Apakah anggapan sebagai kekuatan terbesar beliau semasa masuk dalam bidang pengurusan maklumat sehingga sekarang	Kekuatannya adalah minat dan percaya kepada diri sendiri dan sentiasa ingin belajar tentang semua benda yang baru.	NJA menanyakan kepada beliau apa beliau anggap sebagai kekuatan terbesar beliau semasa masuk dalam bidang pengurusan maklumat sehingga sekarang
3:28:23 - 3:31:22	Anugerah yang didapati oleh beliau sebelum ini.	Beliau memberitahu yang dia akan berkongsi kepada SAA iaitu melawatan di luar negara.	SAA menanyakan tentang gambar atau anugerah yang didapati oleh beliau sebelum ini.
3:31:24 - 3:36:09	Adakah UTeM mempunyai jurusan Pengurusan Maklumat.	Beliau memberitahu hanya ada di Unisel, UM dan UIA.	SAA menanyakan kepada beliau di UTeM tentang jurusan Pengurusan Maklumat.
3:36:12 - 3:37:51	Semasa COVID-19 berapa ramai yang boleh bekerja di perpustakaan.	Hanya urusan yang penting sahaja yang boleh bekerja di dalam perpustakaan.	SAA bertanya tentang staf di perpustakaan UTeM semasa COVID-19
3:37:51 - 3:47:31	Penutup temubual dan nasihat.	Nasihat beliau ialah kena ada minat yang mendalam kepada sesuatu bidang. Keduanya ialah mempunyai sifat dan watak seperti suka membaca untuk mendapat ilmu yang banyak, menjadi penyelidik yang bagus dan sebagainya	NJA menutup temu bual dan menanyakan kepada beliau apakah nasihat untuk orang yang baru nak masuk jadi kepustakawanan.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, sejarah lisan ini memainkan peranan yang amat penting dalam membantu semua sejarawan dalam merekodkan dan mendokumentasikan pensejarahan di Malaysia. Ia memainkan peranan yang amat penting dalam memelihara dan memenuhi ruang-ruang kosong pada sejarah yang sebelum ini dan sedia ada . Hal ini kerana, negara kita kekurangan sumber-sumber sejarah ilmiah secara bertulis. Dengan adanya sejarah lisan ini, ia memberi sedikit sebanyak untuk memberi gambaran yang jelas kepada generasi yang akan datang mengenai sesuatu peristiwa seseorang dalam kehidupan seharian. Seterusnya, perpustakaan yang ada di Malaysia ini juga hendaklah dijaga dengan baik. Ini kerana, ia merupakan sebuah simbol perpaduan dan identiti ikonik sesebuah negara atau negeri tersebut. Oleh yang demikian, sejarah lisan merupakan sebuah medium yang sangat sesuai untuk merekodkan tentang sejarah dan keistimewaan tentang pelbagai maklumat yang terdapat pada zaman dahulu dan juga sekarang. Harapan penyelidik dengan adanya kajian ini, sedikit sebanyak dapat membantu dan menarik minat para penyelidik diluar sana dan generasi pada masa kini untuk lebih mendalami dan menghayati. Seterusnya, penyelidik juga berharap dengan adanya kajian ini dapat membantu meningkatkan sektor pendidikan negara dan dapat mempromosikan bidang perpustakaan di seluruh negara .

RALAT

Semasa temubual ini dijalankan, terdapat beberapa gangguan yang tidak dapat dielakkan.

1. Bunyi kertas
2. Batuk
3. Suara kanak-kanak dari temu bual
4. Suara kanak-kanak dari anak tokoh
5. Audio tidak dengari
6. Masalah teknikal
7. Terkeluar daripada *Google Meet*
8. Bunyi kipas
9. Masalah pencapaian internet
10. Masalah salah faham

INDEKS

A

Arkib-24,58,59,61,62,63,78a

Ayah- 8,10,21,70

B

Bahan- 11,22,23,32,33,34,35,36,38,40,48,51,52,54,55,59,61,64,70,72,76,78b

Bertugas-9,30b

Biodata-8,105,124b

Buku- 11,27,28,33,34,35,36,37,40,41,47,49,53,54,55,58,73,75,76

C

Carian- 34,44,47,64,121

Catalog- 23,24,36,38,47,74

G

Google- 43,45,56,68,82,100,101,105,125

I

IFLA-31,68,128

Ilmu- 6,11,46,62,78,79,80,90,99,117

J

Jabatan- 17,33,61,63

K

Kampung-9,20,23,33,48

L

Latihan- 18,22,23,25,26,27,28,38,41,46,64,70,77,79,111,118

M

Media- 3,24,27,42,53,57,62,64,76,93,99

O

Opac-40,47,48,49,73,74,113,114

P

Pelajar-6,14,15,16,17,18,20,24,26,27,34,35,38,47,49,50,51,52,53,58,

61,62,63,64,65,70,75,76,79,90,92,97,99,101,104,110,112,114,115,116,117,118,120

Pengajian- 9,13,14,15,24,28,65,68,94,98,102,109,110,111

Perpustakaan-90,91,92,93,94,95,96,97,98,99,100,101,102,103,109,118,120

Profesional- 4,60,63,71,90,91,92,98,112,

Pustakawan- 4,5,6,8,90,91,92,93,94,95,96,97,98,99,100,102,103,104,110,112,113,117,118,120

S

Sistem- 5,25,29,35,36,37,40,41,42,44,45,46,47,48,50,51,57,59,91,113,114

Spm- 9,10,12,13,15,18,69,109,110

Stpm- 13,14,18,19,70,109,110

U

Universiti-92,94,95,96,97,99,103,110,114

UPU- 10,12,13,109

UteM- 97,100,101,102,103,104,111,112,114,115,117,118,120

RUJUKAN

Perpustakaan Laman Hikmah, & Perpustakaan Laman Hikmah. (n.d.). Search results FOR "IFLA". Perpustakaan Laman Hikmah.

<https://UTeMlib.wordpress.com/?s=IFLA&search=Go>.

Galeri Pusat TANGGUNGJAWAB (PTJ). الرئيسية & PERPUSTAKAAN LAMAN HIKMAH & 2018 - Galeri Pusat Tanggungjawab (PTj). (n.d.).

<https://gallery2.UTeM.edu.my/index.php?cat=173>.

Log in or sign up to view. Facebook. (n.d.).

<https://www.facebook.com/azmanhjayup/posts/2116901058321432>.

Motivasi1st. (1970, January 1). 10 Kriteria PUSTAKAWAN IDEAL. Pustakawan.

<http://pustakawanku.blogspot.com/2012/04/10-kriteria-pustakawan-ideal.html>.

halawa, K. (n.d.). PERSEPSI masyarakat terhadap Profesi Pustakawan menjadi

PUSTAKAWAN YANG BERWIRAUSAHA. Academia.edu.

https://www.academia.edu/40083619/PERSEPSI_MASYARAKAT_TERHADAP_P

ROFESI_PUSTAKAWAN_MENJADI_PUSTAKAWAN_YANG_BERWIRAUSAHA.

User, S. (n.d.). Utama. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.

<https://www.spa.gov.my/spa/laman-utama/gaji-syarat-lantikan-deskripsi-tugas/spm-svm-skm-sijil/pembantu-pustakawan-gred-s19>.

Abdullah, A. Z. (n.d.). Pembangunan Sumber. Perpustakaan Laman Hikmah.

<https://library.UTeM.edu.my/ms/staf/pembangunan-sumber.html>.

*, N. (n.d.). Maksud pustakawan. Makna. <https://makna.online/pustakawan/>.

Apa ITU Perpustakaan??? - seputar Ilmu Perpustakaan. Google Sites. (n.d.).

<https://sites.google.com/site/seputarilmuperpustakaa/apa-itu-perpustakaan>.

Kenapa Ada Kerjaya SEBAGAI seorang Pustakawan? Aju Azura. (2018, September 26).

<https://www.ajusyopz.com/kerjaya-pustakawan/>.

Tee, L. H. (2012). Library services outside the university population written by Tee Chief Librarian USM. Online finding aids - kandungan bahan. Lim Huck

<http://ofa.arkib.gov.my/ofa/collection/asset/926792>.

Fenelope Anne. (2015). Historical Overview of the organization and function of libraries in China. Online finding aids - kandungan bahan.

<http://ofa.arkib.gov.my/ofa/collection/asset/926792>.

Yaakob Ibrahim. (1995). Perasmian Perpustakaan Maju Diri. . Online finding aids - kandungan bahan. <http://ofa.arkib.gov.my/ofa/collection/asset/926792>.

Ahmat, A. (2020, June 30). LIBRARIAN ideas: Sembang SANTAI: Peranan Pustakawan SEMASA menempuh PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP). PPM NEWS / BERITA PPM : News about Malaysian Libraries and Librarians. <https://beritappm.wordpress.com/2020/03/26/mco-librarian-ideas/>.

Yogiek Indra Kurniawan, Riski Agung Putro Laksono, Widiyarti Endang Saputri, Puput Muliana Putri, Arkham Zahri Rakhman. Jurnal Pendidikan dan Teknologi Indonesia 1 (1), 1-10, 2021

LAMPIRAN

PROPOSAL



FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA CAWANGAN SELANGOR

KAMPUS PUNCAK PERDANA

SHAH ALAM

BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS) SYSTEM MANAGEMENT

IMR604: ORAL DOCUMENTATION

PROPOSAL PROJEK SEJARAH LISAN

TAJUK: CHIEF LIBRARIAN

DISEDIAKAN OLEH:

NURIN JASLINA BINTI AHMAD SHOFEE

(2021149461)

SHARIFAH AISHAH ALJUNID BT SYED HUSSIAN

(2021103333)

PENSYARAH:

JAFALIZAN MD.JALI

TARIKH: 24 April 2021

Isi Kandungan

	<i>Muka Surat</i>
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Permasalahan Kajian	1
1.4 Objektif kajian	2
1.5 Persoalan Kajian	2
1.6 Kepentingan dan Sumbangan Kajian	3
2.0 Tinjauan Literatur	3
3.0 Metodologi	4
3.1 Pendekatan Kajian	4
3.2 Peserta Kajian	5
3.3 Prosedur Pengumpulan Data	5
3.4 Carta Gantt Projek	6
4.0 Kesimpulan	6
5.0 Rujukan	6

1.0 PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Dengan merujuk kepada Kamus Empat Dewan, definisi perpustakaan mempunyai banyak makna. Makna pertama adalah kumpulan buku, dan makna kedua adalah bangunan di mana pelbagai buku dikumpulkan. Di samping itu, perkhidmatan perpustakaan terbuka untuk umum, seperti pelajar, ibu bapa, orang luar, dll. Terdapat juga perpustakaan bergerak, yang merupakan perpustakaan yang menggunakan kenderaan untuk sampai ke tempat yang mereka mahu pergi. Pada zaman kuno, perpustakaan itu disebut "Kutubkhanah". Ia adalah bangunan yang menyimpan pelbagai sumber maklumat dan memberikan perkhidmatan, serta mengumpulkan pelbagai sumber data bercetak, elektronik atau bukan cetak. Sebenarnya, kerana perkembangan dunia maklumat yang pesat, kebanyakan perpustakaan kini juga menyediakan perkhidmatan rangkaian umum. Perpustakaan kini menjadi gudang yang mengumpulkan bahan bercetak, elektronik atau bukan cetak dari pelbagai sumber.

Sebenarnya, kebanyakan perpustakaan kini juga menawarkan perkhidmatan web untuk penggunaan umum. Pada tahun 1956, Malayan Library Group (MLG) telah menghantar memorandum kepada Persekutuan Perkhidmatan Perpustakaan Awam Malayan kerajaan. MLG mencadangkan untuk menubuhkan Jawatankuasa Perpustakaan Nasional untuk menyediakan perkhidmatan awam di peringkat nasional dan menyediakan asas untuk melancarkan perkhidmatan perpustakaan nasional. Terdapat banyak jenis perpustakaan di Malaysia. Antaranya ialah perpustakaan nasional, perpustakaan profesional, perpustakaan akademik, perpustakaan sekolah dan perpustakaan awam.

Pada masa yang sama, pustakawan adalah orang yang bekerja di perpustakaan, sama ada perpustakaan awam, perpustakaan akademik, dan sebagainya. Pustakawan adalah profesional yang memberikan akses kepada maklumat dan pengaturcaraan, rangkaian sosial dan teknologi untuk mereka yang memerlukan. Di samping itu, ijazah pustakawan adalah Ijazah Sarjana Muda di university dalam sains penyelidikan maklumat iaitu pengurusan perpustakaan dan maklumat dari institusi pendidikan tinggi tempatan yang disahkan oleh kerajaan Malaysia atau yang selari dengannya. Menurut peraturan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), pustakawan di tingkat S41 termasuk dalam kelompok pengurusan dan

profesional. Pustakawan hendaklah melaksanakan tanggungjawab secara efektif dan profesional seperti program pembangunan sumber maklumat, pendokumentasian dan menguruskan maklumat bagi menyediakan tawaran perkhidmatan dan kemudahan yang diperlukan oleh pengguna perpustakaan iaitu menjalankan tugas pentadbiran, penyeliaan dan sebagainya.

Tokoh adalah individu yang telah memberikan sumbangan besar dalam bidang pustakawan dan dapat menjadi idola untuk generasi sekarang dan akan datang. Pustakawan di antara bidang yang telah menghasilkan banyak tokoh yang profesional dalam bidang ini. Pustakawan telah banyak menyumbang tenaga dan intelektual untuk pembangunan sistem dan pengurusan perpustakaan yang lebih baik di Malaysia. Encik Azman merupakan seorang tokoh pustakawan yang banyak menyumbang sepanjang berkhidmat dalam bidang ini. Beliau merupakan seorang pustakawan yang dihormati, terutama di UTeM Melaka, seharusnya Encik Azman menjadi ikutan di dunia pustakawan. Oleh itu, penyelidikan ini memfokuskan kepada peranan tokoh dalam bidang perpustakaan sebagai catatan bagi generasi akan datang.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Latar belakang penyelidikan merujuk kepada keterangan dan memberikan gambaran yang jelas mengenai bidang penyelidikan. Ini penting untuk membincangkan tajuk atau bidang penyelidikan yang dijalankan dengan lebih terperinci agar pembaca dapat memahami penyelidikan. Melalui penyelidikan ini, penyelidik memfokuskan pada kriteria pustakawan untuk menjadi pustakawan yang cemerlang. Selain itu, dalam menghadapi wabak penyakit yang berbahaya iaitu Covid19 yang melanda dunia, institusi perpustakaan juga terjejas. Pustakawan mesti memupuk orang yang kreatif dan bersedia memberikan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan mereka, tidak kira apa pun cabaran dan situasi yang mereka hadapi. Di samping itu, penyelidikan ini juga memfokuskan kepada peranan ketua pustakawan dalam mengurus dan mengurus institusi perpustakaan untuk menjadi institusi yang memberi manfaat kepada masyarakat sekitar. Di samping itu, perancangan dan pelaksanaan teknologi hijau perpustakaan pasti akan membawa faedah jangka panjang kepada organisasi.

Sebenarnya, dalam kajian ini, penyelidik akan membincangkan peranan perpustakaan dalam organisasi. Menjadi seorang pustakawan yang profesional bukan mudah kerana banyak kerja yang perlu mereka hadapi dalam bidang tersebut. Oleh itu, seorang pustakawan perlulah ada komitmen yang tinggi semasa menjalankan tugas. Antara langkah-langkah untuk menjadi pustakawan yang cemerlang ialah memiliki sikap yang ramah apabila bertegur dengan orang. Sebagai seorang pustakawan, mereka harus mempunyai percakapan yang baik dan penampilan yang menarik agar senang berhadapan dengan pengunjung dan para pelajar ketika mereka datang mendapatkan maklumat di perpustakaan. Selain itu, menjadi pustakawan yang cemerlang perlu ada niat dan komitmen yang baik. Semuanya perlulah bermula daripada niat yang tulus tetapi niat sahaja tidak mencukupi malah diperlukan dengan komitmen yang tinggi agar apabila menjalankan tugas ianya tidak tertangguh dan mencukupi masa. Kebiasaannya, dua hal ini adalah paling sukar untuk dilaksanakan kerana memerlukan mental dan fizikal.

Seorang pustakawan haruslah mengamalkan sikap yang positif agar pengguna berpuas hati dengan perkhidmatan yang ditawarkan di sebuah perpustakaan. Selain dapat mewujudkan suasana dan persekitaran yang kondusif, imej perpustakaan juga terus terjaga dan cemerlang. Ketika pandemik COVID-19 melanda pada awal Mac tahun 2020, semua sektor pekerjaan hendaklah ditutup 100% bagi mengurangkan kes jangkitan COVID-19. Hal ini menyebabkan perpustakaan hendaklah membuat pinjaman buku iaitu e-buku secara dalam talian (online). Apabila meminjam buku, ianya dibenarkan, meminjam sebanyak dua buah e-buku untuk tempoh seminggu. Selain itu, pustakawan hendaklah menyediakan Standard Operating Procedure (SOP) yang ketat bagi mengurangkan jangkitan COVID-19 untuk para pengguna di perpustakaan tersebut. Pustakawan juga perlulah menyediakan termometer suhu agar apabila seseorang itu demam jadi mereka boleh mengesan daripada termometer tersebut. Seterusnya, setiap perpustakaan perlulah menyediakan QR Code yang boleh didapati dalam aplikasi MySejahtera untuk mendapatkan rekod pengguna yang hadir ke perpustakaan. Pada masa yang sama, rekod ini penting untuk mengesan dan membendung penularan virus Covid-19. Perpustakaan harus melakukan penjarakkan sosial antara satu sama lain sekurang nya 1 meter. Hal ini menyebabkan, pustakawan juga perlu mengehadkan bilangan pengguna yang masuk ke perpustakaan. Misalnya, perpustakaan Universiti Sains Malaysia (USM)

menghadkan kemasukan kepada 100 orang sahaja pada satu-satu masa dengan tidak melebihi tiga jam.

Antara nadi utama dalam sesebuah perpustakaan adalah ketua pustakawan. Dalam konteks kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada ketua pustakawan di perpustakaan akademik. Secara general, tugas timbalan pustakawan merupakan salah seorang pemimpin dalam sebuah perpustakaan yang mempunyai kelayakan dalam bidang kepustakawanan. Mereka haruslah mempunyai kemahiran mengurus serta kemahiran komunikasi yang bagus seterusnya dapat menerajui transformasi, menggerakkan pasukan serta mampu menggerakkan komuniti kampus keatas budaya kecemerlangan. Selain itu, ketua pustakawan haruslah menerapkan adaptasi teknologi dalam mentadbir urus sesebuah organisasi perpustakaan. Malahan mereka seharusnya mempunyai semangat dan berkeinginan untuk meneroka dan melihat segala kemungkinan, peluang dan cabaran dalam bidang pengurusan dan pentadbiran di zaman digital, membawa sebuah perpustakaan akademik ke arah kejayaan di zaman perkembangan digital. Dalam menghadapi cabaran mengharungi pandemik Covid-19, semestinya penggunaan teknologi dapat menggantikan penyebaran maklumat antara perpustakaan dan masyarakat. Penggunaan media sosial seperti Facebook, Youtube serta Instagram dilihat sangat membantu dalam menguar-uarkan aktiviti yang dijalankan oleh sesebuah perpustakaan.

Pelaksanaan teknologi hijau telah dimulakan oleh pihak kerajaan sejak dari dulu lagi. Perpustakaan harus menjadi contoh yang bagus untuk memperkenalkan projek “Go Green” kepada masyarakat. Inisiatif penerapan teknologi hijau di perpustakaan ini haruslah yang dilaksanakan dengan mendapat sokongan daripada kerajaan serta masyarakat. Teknologi hijau yang digunakan di perpustakaan dapat membantu mengurangkan kos perbelanjaan sesebuah organisasi seperti kos penggunaan elektrik, membuat salinan maklumat di atas kertas dan seterusnya. Seperti yang kita ketahui, penggunaan berasaskan teknologi hijau dapat mengurangkan masa pengguna untuk mencari maklumat yang diperlukan. Oleh itu, pustakawan mesti mempertimbangkan keputusan untuk menukar perpustakaan menjadi perpustakaan hijau yang menggunakan aplikasi teknologi hijau. Seterusnya adalah keberkesanan penggunaan sumber. Dengan mengoptimumkan penggunaan sumber, perpustakaan dapat menjadi panutan bagi masyarakat dan cara menggunakan sumber dengan cekap. Hal ini menyebabkan, mereka perlu mengimpikasi bahan bahan yang mempunyai

teknologi hijau seperti bahan untuk membina kerusi, meja dan rak itu sendiri terbuat dari kayu. Di atas bumbung perpustakaan, sel solar mesti dipasang untuk menjana elektrik dari cahaya.

Dalam konteks kajian ini, kajian memfokuskan kepada peranan perpustakaan akademik terhadap sesebuah universiti. Perpustakaan akademik merujuk kepada perpustakaan yang dikendalikan oleh university iaitu institusi pengajian tinggi, sama ada universiti awam mahupun swasta. Perpustakaan akademik adalah tonggak yang menyokong kesedaran dan pembangunan pendidikan kewarganegaraan universiti. Menyediakan pengguna dengan pelbagai koleksi dan kemudahan untuk menyokong aktiviti pembelajaran dan penyelidikan yang sangat baik. Pengurusan universiti membelanjakan berjuta-juta ringgit, terutama untuk pengembangan koleksi perpustakaan, untuk memastikan keperluan pengguna dipenuhi. Untuk menjadikan perpustakaan akademik Malaysia sebagai institusi yang dihormati, sebuah jawatankuasa telah dibentuk untuk mengembangkan standard perpustakaan akademik. Penyusunan piawaian ini mencerminkan peranan utama yang dimainkan oleh perpustakaan universiti.

Pustakawan merupakan nadi penting dalam menggerakkan sebuah perpustakaan. Tidak kira perpustakaan akademik, awam mahupun desa. Tugas mereka tetap sama iaitu memilih, memesan, menyusun, mengklasifikasi dan mengindeks bahan-bahan penerbitan khususnya buku. Ini adalah bagi memudahkan pengguna untuk mencari maklumat dengan cepat dan tepat. Selain itu, dunia pada masa sekarang memerlukan maklumat yang terkini. Selagi mempunyai maklumat, peranan dan tanggungjawab sebagai seorang pustakawan itu adalah sangat penting kepada pelanggan walaupun umum mengetahui bahawa segala maklumat sekarang hanya berada di hujung jari dengan wujudnya perkembangan Internet. Peranan ketua pustakawan bukan sahaja menguruskan perpustakaan serta pasukannya malahan ketua pustakawan bertanggungjawab dalam menasihati Naib Canselor dalam pelaksanaan strategik berkaitan perpustakaan. Kajian yang memfokuskan kepada tulang belakang yang menggerakkan perpustakaan ini dilihat penting agar dapat membantu serta dijadikan panduan kepada generasi akan datang untuk mendapatkan maklumat mengenai perpustakaan. Kajian ini wajar dilakukan agar masyarakat pada masa kini dapat mengetahui tentang maklumat dengan lebih jelas tentang asal usul dan kepribadian dan kehidupan beliau yang belum dikenali oleh masyarakat luar.

1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Objektif utama kajian ini dijalankan adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai bagaimana pustakawan yang cemerlang menjalankan tugas mereka semasa menguruskan sesebuah perpustakaan. Secara tidak langsung, dengan adanya wabak Covid-19, kajian ini juga turut memfokuskan kepada bagaimana pustakawan atau secara khususnya ketua pustakawan menguruskan perpustakaan dalam situasi ini tanpa mengabaikan tanggungjawab yang diberikan. Kita percaya dengan keadaan sekarang, terdapat pengurangan dalam bilangan pengunjung ke perpustakaan. Bagaimana sesebuah perpustakaan ingin mengekalkan misi mereka untuk menjadi sumber rujukan utama serta wadah ilmu kepada masyarakat sekeliling.

Oleh yang demikian, pengalaman yang dihadapi oleh ketua pustakawan dan pasukannya dalam mengendalikan sesebuah organisasi wajar diterjemahkan ke dalam bentuk dokumen agar pengalaman tersebut dijadikan contoh serta panduan generasi akan datang. Apatah lagi pengalaman serta cabaran yang dihadapi dalam menguruskan sesebuah perpustakaan di kala seluruh dunia bersama-sama dilanda pandemik Covid-19. Jika situasi yang sama berlaku, mereka boleh jadikan contoh dan boleh diolah ke arah yang lebih baik. Misalnya bagaimana sesebuah perpustakaan melakukan pemasaran serta menggalakkan masyarakat untuk terus hidup dengan budaya membaca biarpun tidak dapat hadir ke perpustakaan secara fizikal untuk membaca dan meminjam buku. Antara cara yang dilakukan dengan memperkenalkan peminjaman buku secara atas talian atau mewujudkan perpustakaan maya. Selain itu, prosedur operasi standard (SOP) sesebuah perpustakaan dalam membendung penularan Covid-19 terutamanya semasa kerajaan melaksanakan perintah kawalan pergerakan wajar dijadikan satu dokumen agar menjadi panduan.

Dengan adanya perkongsian daripada ketua pustakawan ini, sudah tentu hal ini Akan membantu generasi seterusnya untuk menjadi pustakawan yang berdedikasi semasa menjalankan tugas di sebuah institusi. Dalam menghadapi sebarang cabaran pula, jika tiada sumber rujukan yang jelas, sudah tentu struktur pentadbiran perpustakaan akan rapuh. Pada masa yang sama, pengurusan yang lemah sudah tentu akan memberikan impak yang negatif terhadap mutu perkhidmatan pelanggan dan imej perpustakaan. Selain itu, umum mengetahui, perpustakaan akademik berkhidmat di bawah organisasi induknya seperti universiti awam atau swasta. Tanpa perancangan yang jelas semasa pandemik melanda, sudah

tentu perpustakaan akademik tidak lagi menjadi tunjang dalam menyokong kesarjanaan dan perkembangan pendidikan warga universiti.

1.4OBJEKTIF KAJIAN

Terdapat objektif yang perlu diperjelaskan bagi tujuan penghasilan esei ilmiah ini. Tujuan Utamanya:

- Apakah latar belakang Encik Azman bin Hj Ayup.
- Untuk mengetahui selok-belok dalam melahirkan pustakawan yang cemerlang.
- Untuk mengetahui cabaran yang dihadapi oleh ketua pustakawan dalam menguruskan sesebuah perpustakaan semasa COVID-19 melanda dan cara menanganinya.
- Untuk memahami peranan perpustakaan akademik terhadap organisasi induk sebagai tunjang dalam menyokong kesarjanaan dan perkembangan pendidikan warga universiti.

1.5PERSOALAN KAJIAN

- Menjelaskan latar belakang Encik Azman bin Hj Ayup dengan lebih mendalam.
- Apakah langkah-langkah untuk menjadi pustakawan yang cemerlang?
- Apakah cabaran yang dihadapi oleh ketua pustakawan dalam menguruskan sesebuah perpustakaan semasa COVID-19 dan Cara ketua pustakawan menangani perpustakaan tersebut?
- Bagaimanakah perpustakaan akademik menjadi tunjang dalam menyokong kesarjanaan dan perkembangan pendidikan warga universiti?

1.6KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Dalam kajian ini, penyelidik memfokuskan kepada cara-cara serta ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh pustakawan cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Pustakawan harus menjadi seorang yang kreatif dan hendaklah bersedia untuk memberikan

perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggannya walau dalam apa juga cabaran serta situasi. Selain itu, kajian ini juga turut menjurus kepada peranan ketua pustakawan dalam mengurus perpustakaan terutama sepanjang pandemik Covid-19 melanda dunia. Di samping itu, kajian turut membincangkan pelaksanaan teknologi hijau di perpustakaan serta peranan perpustakaan terhadap sesebuah organisasi.

Dari latar belakang penyelidikan ini, dapat disimpulkan bahawa salah satu sumbangan penyelidikan ini adalah untuk menolong pelajar dalam bidang sains perpustakaan atau pengurusan maklumat untuk melakukan kajian berdasarkan hasil penyelidikan ini. Malah, pelajar juga dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang bagaimana pengarah dan pasukannya menguruskan perpustakaan, terutama dalam menghadapi cabaran semasa wabak Covid-19. Pada masa kini, pustakawan harus kreatif dan inovatif dalam menjalankan aktiviti untuk menarik minat pelajar dan pelanggan untuk mengunjungi perpustakaan. Selain itu, penggunaan teknologi tidak dapat diabaikan, kerana dengan pengembangan teknologi ini, ini tentu saja dapat membantu memperkenalkan perpustakaan dengan lebih luas.

Di samping itu, kepentingan kajian ini sudah tentu akan membantu ketua pustakawan akan datang untuk menjadikan pentadbiran terdahulu sebagai contoh dan rujukan. Mana yang baik kita jadikan pedoman, mana yang kurang kita olah agar menjadi lebih baik seterusnya menjadi rujukan pada masa akan datang. Seterusnya kita lihat pula dari sudut sumbangan perpustakaan akademik terhadap organisasi induk. Contohnya dalam kajian ini, Perpustakaan Laman Hikmah yang merupakan perpustakaan akademik milik Universiti Teknikal Melaka (UTeM), Melaka telah memulakan operasi sejak tahun 2001. Sudah tentu dengan adanya kajian ini akan dapat membantu memperkaya sejarah pentadbiran Perpustakaan Laman Hikmah. Generasi akan datang akan mengetahui asal usul serta boleh dijadikan rujukan kepada penyelidik seterusnya.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Bagi mendalami tugas dan peranan tokoh dalam bidang pustakawan, Penyelidikan yang lalu telah menggunakan topik ini sebagai panduan untuk mencari penyelesaian terhadap masalah yang memerlukan penjelasan lebih mendalam. Dasar rujukan dari penyelidikan ini adalah penyelidikan sebelumnya yang berkaitan dengan pengarah perpustakaan, dengan fokus pada latar belakang dan sejarah bidang pustakawan.

Seperti dikemukakan oleh Purwono (2013) melalui Buletin Perpustakaan yang bertajuk Profesionalisme pustakawan. Profesionalisme pustakawan membawa kepada kemampuan pengetahuan yang diperolehi pada masa kini, pengalaman dan keterampilan dalam mengelola dan mengembangkan pelaksanaan pekerjaan di bidang kepustakawanan. Kenyataan ini turut disokong oleh Encik Azman Hj Ayup (2021), yang menyatakan bahawa seorang pustakawan perlu mempunyai pengetahuan, dan pengalaman, Malah Azman juga menyatakan bahawa seorang pustakawan perlu mempunyai perangai yang disenangi oleh orang ramai. Misalnya, pustakawan yang mempunyai sikap yang ramah menegur pengguna .

Kajian ini mendapati bahawa untuk menjadi seorang pustakawan, sekurang-kurangnya harus memiliki ijazah sarjana muda kepujian sains pengajian maklumat dalam bidang pengurusan perpustakaan dan maklumat atau pengurusan pusat sumber maklumat. Hal ini dinyatakan didalam website Suruhanjaya Perkhidmatan Awam. Berikut merupakan syarat lantikan yang perlu dimiliki oleh seorang pustakawan yang bertauliah. Dalam pada itu, Azman juga sememangnya merupakan seorang bekas graduan ijazah sarjana muda kepujian sains pengajian maklumat dalam bidang pengurusan perpustakaan. Dengan memiliki ijazah sarjana muda kepujian sains pengajian maklumat dalam bidang pengurusan perpustakaan telah melayakkan Azman sebagai seorang pustakawan. Malah, Azman juga merupakan seorang bekas graduan daripada sarjana pengurusan maklumat. Dengan memiliki sarjana pengurusan maklumat, Azman kini berjaga bergelar sebagai seorang timbalan yang bertauliah. Walau bagaimanapun, beliau juga menyatakan bahawa bidang pengurusan maklumat ini amat luas. Bukan sahaja mampu menjadi seorang pustakawan, malah boleh menceburi bidang lain seperti eksekutif pentadbiran dan lain-lain.

Menurut daripada bahan arkib yang bertajuk 'Historical overview of the organization and function libraries in China' yang diperoleh tempoh hari, perkhidmatan perpustakaan harus secara langsung kepada pengguna kerana ia nya paling berkesan dan pengguna dapat memanfaatkannya. Akan tetapi, dunia kini sedang dilanda dengan wabak penyakit Covid-19 yang telah menjejaskan perkhidmatan perpustakaan secara langsung kepada pengguna. Oleh itu, bagaimanakah perpustakaan kini menyediakan perkhidmatan yang dapat membuatkan pengguna boleh mengakses ke bahan perpustakaan? Azman bin Ayup (2021) menjawab persoalan tersebut dengan sentiasa membuat hebahan di media social disamping menggalakkan pengguna melanggan telegram channel Perpustakaan Laman Hikmah (PLH) bagi membolehkan pengguna mendapat maklumat kini. Segala maklumat PLH akan di emailkan kepada semua warga university termasuk tenaga kerja dan pelajar. Oleh itu, pengguna tidak akan ketinggalan sebarang maklumat.

Menurut Profesor Datuk Dr Jamil Jamali (2017) perpustakaan merupakan nadi akademik dalam melestarikan kecemerlangan ilmu sesebuah institusi. Hal ini demikian kerana perpustakaan institusi merupakan tunjang belakang bagi setiap pelajar agar dapat menjayakan sebarang tugas dengan memperoleh segala maklumat daripada perpustakaan. Malah, kenyataan ini disokong oleh Raja Abdullah Yaacob (2015) dalam kertas kerjanya yang bertajuk peranan perpustakaan akademik dalam menarafkan universiti. Beliau berkata bahawa perpustakaan merupakan nadi bagi setiap pelajar dan mempunyai pelbagai kegunaan dan manfaat oleh setiap pelajar.

Namun begitu, kita sedia maklum bahawa wujudnya pandemik covid 19 ini menjejaskan perkhidmatan dan aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh perpustakaan. Perkara ini dapat dilihat dengan permasalahan yang dihadapi oleh Perpustakaan Negara Malaysia dan perpustakaan lain-lain setelah kerajaan mengarahkan notis penutupan organisasi buat masa seketika. Oleh itu, perpustakaan menghadapi masalah pemulangan buku yang dipinjam oleh pengguna. Disebabkan penutupan perpustakaan, perpustakaan telah memberikan kelonggaran kepada pengguna dengan tidak mengenakan sebarang denda diatas kelewatan pemulangan buku tersebut.

3.0 METODOLOGI

Bahagian ini merupakan proses awal mengkaji individu yang mempunyai peranan yang penting di dalam perpustakaan iaitu Ketua Pustakawan di Malaysia. Penyelidik memilih Encik Azman Hj Ayup yang kini berkhidmat di Perpustakaan Laman Hikmah sebagai tokoh kerana dalam bidang tersebut terlibat dalam pembuatan keputusan, pelaksanaan dasar, peraturan dan polisi. Beliau merupakan seorang timbalan pustakawan akademik UTeM Melaka. Penyelidik telah mencapai persetujuan untuk menemu ramahnya melalui Google Meet. Oleh kerana beberapa faktor masalah, kaedah temu ramah ini dilakukan melalui Google Meet ini. Hal ini demikian kerana individu tidak dibenarkan melakukan aktiviti merentas di seluruh negara tanpa kebenaran Polis Diraja Malaysia (PDRM). Berikutan ini adalah untuk mengelakkan populariti Covid-19 yang semakin meningkat. Oleh itu, platform Google Meet adalah pilihan utama. Penyelidik melakukan temu ramah dalam beberapa jam.

Soalan-soalan yang diajukan kepada beliau berkaitan dengan pendidikan, pengurusan, pemahaman dan yang berkaitan dengannya. Terdapat pelbagai soalan yang perlu dijawab oleh Ketua Pustakawan yang dipilih. Oleh itu, data internet bagi tokoh dan penyelidik haruslah kuat dalam menjayakan sesi temubual tersebut. Hal ini demikian bagi mengelakkan sebarang masalah yang akan timbul.

Selain itu, penyelidik akan mendapatkan beberapa bahan yang diperolehi daripada Arkib Negara Malaysia sebagai bahan tambahan dalam penyelidikan ini. Terdapat 6 jenis bahan yang diperolehi. Kesemua bahan ini akan digunakan dalam kajian ini bagi mendapatkan pelbagai maklumat daripada sumber yang sahih. Lawatan ke Arkib Negara dijalankan sebelum pertemuan bersama tokoh tersebut dijalankan. Pada 30 April 2021, penyelidik mengambil bahan yang telah ditempah di Arkib Negara. Lawatan ini dijalankan sebelum Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) 3.0 dijalankan.

3.0 PENDEKATAN KAJIAN

Tujuan dokumen sejarah lisan adalah untuk menghasilkan dokumen lisan berdasarkan keterangan pengarah perpustakaan mengenai maklumat yang diperlukan, yang dapat membantu penyelidik kajian ini melalui wawancara dengan pengarah UTEM. Pelajar akan melakukan tinjauan awal untuk memahami prestasi dan keyakinan orang yang dipilih. Penyelidikan awal ini adalah untuk membantu seseorang membuat ucapan dan analisis terbaik mengenai peranan penting dalam subjek yang dikaji. Seterusnya, penyiasatan awal ini membolehkan pelajar memperhatikan watak dan melihat situasi untuk memahami idea wawancara. Dalam penyelidikan ini, pelajar yang menjadi penemuduga akan menggunakan objektif kajian ini. Matlamat ini akan dicapai melalui beberapa langkah. Salah satu langkahnya ialah para pelajar mengatur temu ramah. Langkah ini digunakan bertujuan untuk mewujudkan suasana yang nyaman dan selesa ketika sesi soal jawab yang akan diadakan. Pentingnya siasatan awal juga adalah untuk mewujudkan kunci kepada sejauh mana kerjasama yang akan diberikan oleh tokoh dalam menjayakan projek dokumentasi sejarah lisan ini.

Seterusnya, persiapkan diri semasa proses temu duga. Kaedah ini menghendaki penyelidik memahami sepenuhnya maklumat sebelum menjalankan temu ramah untuk mengelakkan penyelidik kelihatan naif kepada orang yang ditemu ramah. Penyelidik dapat mengumpulkan maklumat melalui bahan bacaan, seperti artikel, majalah, surat khabar, dan bahan arkib. Justeru itu, penyelidik mengumpulkan maklumat dari bahan arkib, artikel, sumber Internet dan pengetahuan pensyarah penyelidik iaitu, Sir Jaffalizan. Tujuan penyelidik mendapatkan maklumat-maklumat sebelum sesi temu bual diadakan bagi bertujuan untuk menilai keterangan tokoh sahih mahupun tidak.

Di samping itu, temu ramah mesti dirakam dengan baik. Rakaman temu ramah yang baik dapat membantu penghasilan penyelidikan ini. Semasa temu ramah, penyelidik mesti menggunakan peralatan berkualiti tinggi untuk menghasilkan rakaman yang setanding. Penyelidik menggunakan 'Screen Record' sepanjang sesi wawancara. Hal ini demikian kerana kami mengadakan wawancara secara maya melalui *Google Meet*.

3. 2 PESERTA KAJIAN



Rajah 1: Tokoh Timbalan Ketua Pustakawan

Tokoh ini dipilih melalui panggilan telefon yang dilakukan. Penyelidik menghubungi Perpustakaan UTEM Melaka dan menyatakan hasrat penyelidik untuk melakukan temu ramah bersama bekas Ketua Pustakawan mereka. Seterusnya, pustakawan memberikan nombor pembantu peribadi ketua pustakawan untuk perbincangan bersama.

Tokoh yang dipilih ialah Encik Azman Hj Ayup selaku Timbalan Ketua Pustakawan Kanan, Perpustakaan Laman Hikmah, UTEM, Melaka. Encik Azman dilahirkan pada 22 Mei 1964 dan berasal daripada Johor Bahru. Beliau telah berkhidmat sebagai ketua pustakawan di UTEM, Melaka semenjak tahun 2002 sehingga kini (19 tahun). Beliau mempunyai kelulusan Sarjana dalam Pengurusan Maklumat, UITM Shah Alam.

Pada awalnya beliau ingin memohon Sarjana Muda dalam bidang undang-undang, akan tetapi beliau ditawarkan bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat. Menurut Encik Azman, apabila mengikuti bidang Sains Perpustakaan dan Maklumat ini, ia memberi satu dimensi baharu kepadanya kerana bidang ini terdedah kepada kemajuan teknologi maklumat dan data. Baginya, bidang ini menjurus kepada Sains Sosial yang mempunyai banyak pecahan pekerjaan seperti, pustakawan, arkib, rekod dan teknologi maklumat. Semenjak dari itu, beliau jatuh cinta dengan bidang ini dan meneruskan Sarjana dalam bidang pengurusan maklumat. Bak kata pepatah, tak kenal maka tak cinta.

Selepas menamatkan pengajian Sarjana, beliau memulakan kerjayanya sebagai document controller di Malaysia Mining Corporation Engineering Services selama satu tahun. Seterusnya, beliau mendapat tawaran sebagai pegawai perpustakaan di Maktab Rendah Sains MARA Kertih (MRSM). Beliau berkhidmat di MRSM tersebut selama dua

tahun. Kemudian, beliau memegang jawatan Penolong Pegawai Perpustakaan di Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM) selama 9 tahun. Akhirnya, beliau menjadi Timbalan Ketua Pustakawan Kanan di Perpustakaan Laman Hikmah, UTEM. Tokoh menjadi ketua pustakawan semenjak 2002 sehingga kini.

Terdapat banyak penglibatan tokoh dalam bidang ini. Antaranya adalah sebagai Ahli Jawatankuasa Ketua Pustakawan Universiti Awam (JKPUA). Seterusnya, Ahli Jawatankuasa Perpustakaan Universiti dan Perpustakaan Negara Malaysia (PERPUN). Bahkan, beliau juga pernah melibatkan diri sebagai Pengerusi Kumpulan Fokus Khas, Pengkatalogan dan Metadata, JKPUA. Akhir sekali, beliau sebagai Ketua Skim S, Perjawatan UTEM.

3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Kaedah mengumpul data dalam kajian ini melalui beberapa prosedur dan langkah dalam pengumpulan data kajian dengan mengumpulkan bahan-bahan daripada Arkib Negara Malaysia berkaitan dengan perpustakaan. Penyelidik akan menggunakan bahan tersebut dalam kajian ini. Selain itu, penyelidik menggunakan bahan daripada sumber internet sebagai maklumat tambahan dalam kajian ini. Malah, penyelidik menjalankan kaedah temubual bersama responden. Untuk mengumpul maklumat bagi memenuhi empat objektif kajian ini, penyelidik akan menemubual Encik Azman Bin Hj Ayup yang merupakan timbalan ketua pustakawan di perpustakaan Laman Hikmah, UTeM Melaka. Dalam kajian ini, penyelidik akan mengkaji latar belakang kehidupan mengenai Encik Azman Bin Hj Ayup. Seterusnya, untuk penyelidik akan mengkaji pengalaman hidup beliau sepanjang melibatkan diri dalam Bidang pustakawan ini. Malah, penyelidik akan membincangkan tentang pencapaian beliau sepanjang beliau melibatkan diri dalam bidang perpustakaan sebagai pustakawan. Oleh itu, sebagai permulaan, penyelidik akan memberikan surat kebenaran menjalankan kajian dan surat perjanjian mengenai sejarah lisan kepada Encik Azman Bin Hj Ayup agar beliau lebih memahami tujuan kajian ini dijalankan dan bersetuju dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Apabila Encik Azman Bin Hj Ayup bersetuju dan menandatangani perjanjian tersebut, pihak penyelidik dan Encik Azman Bin Hj Ayup akan menentukan tarikh dan hari yang bersesuaian untuk menjalankan sesi temubual. Seterusnya, penyelidik menjalankan proses preliminary

iaitu sesi temubual dengan Timbalan Ketua Pustakawan di UTEM tersebut. Tujuan ini untuk membantu penyelidik dalam pengumpulan maklumat yang akan digunakan.

3.3 CARTA GANTT PROJEK

Penerangan Minggu	MAC - JULAI													
	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10	M11	M12	M13	M14
Penyelidik telah diberikan arahan daripada pensyarah bagi melaksanakan proposal pendokumentasian lisan.			✓											
Pensyarah memberikan lampiran surat kebenaran penyelidikan kepada pelajar			✓											
Penyelidik mengenalpasti projek penyelidikan yang berpotensi untuk dijalankan				✓										
Penyelidik mendapat pandangan dan idea pemilihan tokoh daripada pensyarah					✓									
Perlaksanaan kertas kerja					✓									
Proses menghubungi tokoh						✓								
Pengkaji mendapatkan bahan daripada Arkib Negara Malaysia							✓							
Pengkaji menukar tokoh yang lain kerana permohonan ditolak							✓							

Mencari maklumat mengenai tajuk kajian secara mendalam dan merangka soalan temu bual berkaitan objektif							✓							
Menghubungi pihak yang akan ditemubual bagi mendapatkan persetujuan awal.						✓								
Mendapat surat kebenaran menjalankan kajian daripada pensyarah						✓								
Menerima draf pdf biodata ringkas daripada tokoh melalui whatsapp							✓							
Melakukan konsultasi draf soalan temu bual pertama							✓							
Menjalankan temubual awal serta mendapatkan tandatangan persetujuan kajian selama 2 jam								✓						
Melakukan konsultasi bersama pensyarah melalui google meet mengenai soalan temubual									✓					
Menghantar draf temubual soalan kepada pensyarah untuk pemeriksaan									✓					
Menjalankan temubual berstruktur selama 3 jam 47 minit										✓				

Melakukan pembahagian tugas berkaitan transkripsi perbualan temu bual											✓			
Membuat artikel dan transkrip												✓	✓	
Penyerahan salinan bahan kajian kepada pensyarah berkaitan buku sejarah lisan														✓

SURAT KEBENARAN MENJALANKAN KAJIAN

www.uitm.edu.my



UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Fakulti
Pengurusan
Maklumat

Surat Kami : 600-FPM (5/2/1)
Tarikh : 24 Mei 2021

Encik Azman Haji Ayup,
Timbalan Ketua Pustakawan
Universiti Teknikal Malaysia Melaka,
Jalan Hang Tuah Jaya, 76100 Durian Tunggal, Melaka

Tuan,

MEMOHON KEBENARAN UNTUK MENJALANKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berhasrat untuk menemubual tuan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan Sejarah Perpustakaan di UTeM.

3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus **“Oral Documentation” (IMR 604)**.

4. Senarai nama pelajar yang terlibat:-

NAMA	NO. PELAJAR UiTM	NO. TEL.
Nurin Jaslina Binti Ahmad Shofee	2021149461	011-11848416
Sharifah Aishah Aljunid Bt Syed Hussian	2021103333	019-2724646

5. Untuk rujukan pihak Tuan, berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:

- Untuk mengetahui sejarah di perpustakaan UTeM
- Untuk mengetahui dengan lebih mendalam tentang keistimewaan perpustakaan tersebut.
- Untuk menyelidik perihal ketua-ketua pustakawan terdahulu di UTeM sehingga kini .

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak encik dalam perkara ini amatlah dihargaidan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

JAFALIZAN BIN MD JALI
Pensyarah Kanan
b.p Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
40150 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/2220/2148
Faks: (+603) 7962 2007
Web: fm.uitm.edu.my



SURAT PERJANJIAN PENYELIDIKAN



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
PERJANJIAN MENGENAI PROJEK
SEJARAH LISAN

SayaAzman Bin Hj.Ayup..... K/P: pada
dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya
dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
 - a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.....
(Nama tokoh: Azman Hj.Ayup)
Tarikh: 23 Mei 2021

.....
(Nama pensyarah: Jafalizan Bin Md.Jali)
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan
Maklumat Universiti
Teknologi MARA

SOALAN TEMUBUAL

SOALAN ORIENTASI

1. Bolehkah tuan terangkan tentang latar belakang diri encik?

- Nama,tempat lahir,tempat dibesarkan,bilangan adik beradik,usia kini.
- Nama gelaran.
- Apakah jawatan encik yang terkini?

2. Bolehkah tuan cerita latar belakang keluarga encik?

Ibu Bapa

- Boleh encik terangkan latar belakang mengenai ibu bapa
- Adakah ibu bapa encik menyokong encik diawal bidang perpustakaan Sains ini?

Adik Beradik

- Boleh encik menceritakan latar belakang adik-beradik?
- Adakah adik beradik encik ada yang terlibat dalam bidang yang sama dengan encik?

Isteri dan anak

- Isteri,anak-anak seperti umur,pekerjaan dan sebagainya.

3. Apakah hobi encik diwaktu lapang?

- Adakah encik merupakan seorang penggemar membaca buku?
- Selain membaca buku apa yang encik akan melakukan semasa waktu lapang?

4. Sewaktu bersekolah di ST.David 's High School

- Apakah perancangan encik selepas menamatkan SPM?
- Adakah encik melakukan pekerjaan sambil menunggu keputusan spm?
- Adakah encik memohon upu kemasukan diploma sebelum menerima tawaran STPM?
- Adakah encik mendapat tawaran belajar daripada mana-mana institusi?
- Mengapakah encik memilih untuk menyambung pengajian STPM berbanding Diploma?

5. Boleh encik ceritakan latar belakang pendidikan encik?

- Daripada sekolah rendah hingga kelayakan terkini
- Seperti yang encik memberitahu sebelum ini, encik pernah memohon jurusan undang-undang tetapi pengurusan maklumat yang ditawarkan kepada encik ketika itu. Mengapakah encik menerima tawaran pengajian pengurusan maklumat?
- Tanggapan Encik terhadap jurusan tersebut pada awal pengajian
- Boleh ceritakan sedikit pengalaman belajar di Universiti?

6. Bagaimanakah perasaan encik daripada spm, stpm dan kemudian menyambung ijazah sarjana muda di UITM Shah Alam.

- Apakah encik merasakan perubahan suasana pembelajaran?
- Sepanjang pembelajaran, adakah encik mempunyai rakan seperjuangan yang bekerja dalam bidang yang sama dengan encik?

7. Adakah encik tidak berpuas hati apabila encik ditawarkan bidang pengurusan maklumat pada awalnya?

- Apa pandangan Encik terhadap bidang tersebut pada awalnya?
- Bagaimana encik memupuk minat untuk melanjutkan bidang perpustakaan ini?
- Apakah reaksi keluarga saat encik menerima tawaran dalam bidang ini
- Apakah yang mendorong encik untuk terus berkhidmat dalam bidang pengurusan maklumat ini?
- Siapakah pustakawan pertama yang encik kenal dan jadikan sebagai idola?
- Bagaimana penerimaan masyarakat pada bidang ini?

8. Adakah bidang perpustakaan ini terkenal pada masa itu?

- Adakah encik mengetahui mengenai tugas dan skopnya?
- Pada awal dimasukkan pdp, adakah pelajar dalam bidang pengurusan maklumat ini ramai?
- Apakah yang dipelajari dalam bidang pengurusan maklumat ini dan pengurusan perpustakaan

9. Dimanakah encik menjalani latihan industri semasa peringkat ijazah sarjana muda?

- Nama syarikat
- Tempoh pekerjaan
- Jawatan yang diperolehi
- Bagaimana proses pemilihan syarikat tersebut dipilih oleh encik?
- Berapa lama permohonan latihan industri ini perlu dibuat sebelum tamat semester sebelumnya?
- Adakah encik menerima sebarang elaun ketika itu?

10. Boleh Encik kongsi apakah bentuk latihan dan skop kerja yang diberikan semasa menjalani latihan industri?

- Skop kerja
- Tempoh bekerja
- Adakah encik menerima sebarang elaun ketika melakukan latihan industri?
- Bagaimana cara untuk memohon pekerja latihan ?
- Pernahkan dibuli sewaktu menjalani latihan industri ini?
- Adakah encik ada kenangan yang indah sewaktu latihan ini?

11. *Document Controller* merupakan pekerjaan pertama Encik selepas menamatkan pengajian Sarjana muda,boleh bercerita sedikit mengenainya?

- Adakah ini pekerjaan anda yang kedua selepas menjalani latihan institusi?
- Berapakah tempoh bekerja?
- Jika encik sudi berkongsi,berapakah jumlah gaji pertama yang encik dapat ketika itu.

12. Berapa lama Encik berkhidmat di Perpustakaan Laman Hikmah?

- Bagaimana encik mendapat tawaran bekerja di Perpustakaan tersebut. (membuat permohonan daripada mana-mana laman/kenalan/atau ?)
- Kenapa encik memilih berkhidmat di UTEM
- Apakah jawatan lain yang Encik pegang di UTEM

13. Apakah pencapaian profesional terbesar Encik Azman?

- Apakah kenangan saat mencapai professional terbesar saat itu
- Adakah encik berasa puas dan masih mahu mencapai lagi?
- Izinkan kami meminta gambar encik bersama penghargaan terhadap pencapaian tersebut

SOALAN SEJARAH

14. Apakah sejarah perpustakaan UTeM yang encik tahu?

- Pembinaan bangunan perpustakaan
- Siapakah yang memberi idea terhadap pembinaan perpustakaan ini
- Apakah konsep/tema bangunan tersebut
- Bilakah dirasmikan
- Siapakah yang merasmikan penubuhan bangunan perpustakaan ini
- Mengapakah pemilihan nama perpustakaan ini diberi
- Berapa lama tempoh dalam menubuhkan perpustakaan UTeM
- Apakah fasiliti yang mula-mula ada ketika itu
- Adakah Penubuhan perpustakaan UTeM ini mempunyai sebarang dokumen .
- Bajet penubuhan perpustakaan UTeM
- Bilangan pustakawan yang ada semasa awal penubuhan
- pada awal penubuhan perpustakaan UTeM, adakah bilangan pelajar dan pekerja mempunyai bilangan terhad untuk memasuki perpustakaan tersebut?
- Adakah perpustakaan ini sentiasa mempunyai pembaharuan dari segi perkhidmatan, kemudahan dan lain-lain?

15. Koleksi bahan yang terdapat di UTeM?

- Pada peringkat awal, bahan apakah yang diutamakan dalam perpustakaan tersebut
- Adakah bahan tersebut diperolehi daripada belian, sumbangan mahupun apa?
- Pada awal penubuhan, adakah bahan bacaan 100% terdiri daripada bahan bercetak?
- Bagaimana cara pelajar ingin meminjam bahan bacaan disana . adakah menggunakan kad katalog ataupun sudah menggunakan system?

SOALAN PUSTAKAWAN

16. Tugas pada masa dahulu dan kini

- Skop kerja yang diperolehi pada zaman dahulu dan sekarang
- Adakah tugas pustakawan saat itu sama dengan tugas pustakawan sekarang?

17. Tugas yang disukai?

- Pada awal permulaan dalam bidang ini,apakah tugas yang diminati ketika menjadi pustakawan?
- Mengapakah menjadi seorang pustakawan amat sukar pada masa kini?

18. Tugas yang tidak diminati

- Selain itu, apakah tugas sebagai pustakawan yang Encik Azman rasakan sukar untuk dilakukan dan memerlukan bantuan daripada rakan sekerja? Contohnya adalah : Adakah Encik Azman kurang minat menyusun Buku? Atau bagaimana menguruskan OPAC?
- Bagaimanakah cara untuk mengatasi perasaan kurang minat dalam menguruskan sesuatu maklumat serta melakukan tugas yang dirasakan sukar tersebut?

19. Apakah cabaran yang dihadapi oleh encik di awal pekerjaan ini.

- Seperti mempunyai orang yang talem dua-muka,mempunyai pekerja yang lain sombong dan sebagainya.

SOALAN SISTEM

20. Sebagai seorang Pustakawan, adakah kemahiran komputer merupakan satu keperluan?

- Jika ya, mengapa kemahiran komputer merupakan satu keperluan?

21. Sebagai seorang Pustakawan, apakah contoh kemahiran komputer dalam mengendalikan sistem di Perpustakaan?

- Contohnya menggunakan Microsoft Words ke? Atau bagaimana?
- Adakah susah dalam mengendalikan sistem perpustakaan?
- Siapa yang mengendalikan sistem perpustakaan tersebut?

22. Sistem apakah yang digunakan di perpustakaan ini?

- Menggunakan sistem OPAC?
- Adakah pelajar akan diajar oleh tenaga pengajar cara menggunakan sistem perpustakaan ini?
- Pada pandangan Encik Azman, adakah sistem OPAC di UTeM sama dengan perpustakaan universiti yang lain?

23. Berapakah statistik penggunaan sistem OPAC yang aktif sebelum COVID19 dan Semasa COVID19 dan ada perbezaan yang ketara atau tidak?

- Cabaran dalam pengurusan sistem
- Adakah pengurusan sistem OPAC ini selalu mengalami masalah teknikal?(sistem down)

24. Bagaimanakah sistem elektronik dijaga?

- Siapa yang mengendali bahagian ini
- Sistem apa yang ada?
- Terdapat berapa jenis sistem yang ada pada ketika itu?

SOALAN PERKHIDMATAN

25. Adakah UTeM mempunyai perkhidmatan pinjaman antara perpustakaan?

- Universiti apa yang sering membuat pinjaman?
- Tempoh untuk perpustakaan lain meminjam berapa lama
- Proses pinjaman antara perpustakaan?

26. Bagaimana dengan pelajar yang di UTeM ingin memasuki perpustakaan semasa COVID-19 untuk mengulangkaji dan mencari bahan?

- Apakah Peraturannya?
- Tempoh yang diberikan oleh seorang pelajar semasa pandemik COVID-19?
- Adakah pelajar perlu menjarakkan 1 meter apabila membuat penyelidikan?

SOALAN SPESIFIK

27. Semasa Pandemik COVID-19 adakah perpustakaan UTEM membuat sebarang aktiviti?

- Apa aktiviti tersebut?
- Berapa banyak aktiviti yang dijalankan?

28. Bagaimana encik kekal update dengan buku baru?

- Ada sebarang perubahan yang berlaku?
- Apa kesannya?

29. Apakah perbezaan dalam menguruskan perpustakaan sebelum dan semasa covid 19?

- Dari segi perkhidmatan?
- Dalam talian?

30. Sepanjang Covid-19, bagaimana yang Encik rasa perkembangan yang paling ketara di Perpustakaan ini?

- Contohnya menyediakan ruang belajar dengan mengamalkan penjarakan sosial.
- Adakah bahan seperti buku boleh dipinjam semasa covid 19?

31. Boleh Encik kongsikan apakah perancangan yang telah dilakukan dalam menarik minat pelajar dan staf untuk terus mengunjungi perpustakaan semasa pandemik COVID19 melanda?

- Dari segi perkhidmatan?
- Dalam talian?

32. Bagaimanakah pihak Perpustakaan Laman Hikmah membuat persiapan dalam mengikuti SOP PKP COVID19 untuk Perpustakaan yang telah disediakan oleh pihak kerajaan?

- Contohnya menyediakan ruang belajar dengan mengamalkan penjarakan sosial.
- Adakah bahan seperti buku boleh dipinjam semasa covid 19?

33. Apakah antara cabaran lain Encik dan semua staf dalam pengurusan perpustakaan semasa COVID19?

- Pelajar
- Pekerja
- Statistic
- Apa langkah yang encik ambil untuk menghadapinya.

34. Apakah medium dan teknologi yang digunakan untuk mempromosikan sebarang aktiviti atau maklumat yang ada.

- Laman web
- Facebook
- Iklan

35. Bolehkah encik menceritakan mengenai perpustakaan ini pada masa kini?

- Jumlah staff yang ada
- Organisasi
- Masalah yang dihadapi
- Penyelesaian

36. Adakah encik mengetahui mengenai GLAM?

- Galleri
- Library
- Archive
- Museum
- Bagaimanakah encik menguruskan Glam?

37. Mengikut pengetahuan Encik, apakah perpustakaan yang pertama di bina di Malaysia?

- Apakah perbezaan perpustakaan di yang ditubuhkan pada awalnya dengan kini?
- Perbezaan organisasi, koleksi, bangunan, perkhidmatan dan lain-lain.

38. Apakah kualiti penting yang perlu ada pada seorang pustakawan?

- Perwatakan
- Ilmu
- Apakah cara kepimpinan yang penting sebagai pustakawan

39. Ganjaran terbesar encik ketika di UTEM

- Encik pernah mendapat penganugerahan kecemerlangan pada tahun 2007. ianya melibatkan sebahagian daripada fakulti, bolehkah encik menceritakan selebihnya.

40. Apakah yang encik lakukan untuk memastikan bahawa pengguna encik mempunyai akses ke bahan bacaan baru dan relevan?

- Kaedah encik

41. Bagaimanakah menguruskan bahan bercetak, bahan bukan bercetak dan bahan digital?

- Kaedah yang digunakan

42. Bagaimanakah encik membantu pelajar dalam menjalankan penyelidikan sebelum COVID-19?

- Mencari maklumat dalam perpustakaan
- Menolong mereka mencari maklumat secara terperinci

43. Apakah harapan encik terhadap perpustakaan UTeM ini dan masa akan datang

- Pembaharuan yang akan dilaksanakan pada masa akan datang
- Adakah encik akan menambah staf baharu?

44. Apakah tugas kini?

- Skop kerja sebagai pustakawan

45. Pada asasnya, apakah peranan perpustakaan akademik terhadap sesebuah institusi pendidikan?

- Dari segi perkhidmatan
- Dari segi kemudahan
- Apakah usaha yang perlu dilakukan oleh pihak perpustakaan dalam menerapkan minat membaca dalam diri remaja?

46. Pandangan Encik Azman, kami sebagai pelajar Pengurusan Maklumat wajar menjalani latihan industri di sektor Awam atau Swasta?

- Mengapakah Encik berpandangan sedemikian?

47. Apa yang encik anggap sebagai kekuatan terbesar encik sepanjang ceburi bidang ini.

- Apa kekuatan encik yang akan hadapi?
- Mengapa?

48. Izinkan saya dan rakan saya untuk meminta gambar ketua pustakawan yang ada dengan keluarga atau yang beliau mendapat anugerah sebagai pustakawan

- Mendapatkan gambar

49. Sebagai penutup temu bual,apakah nasihat atau motivasi yang Encik boleh berikan kepada generasi pustakawan yang akan datang.

- Nasihat dan ucapan encik kepada generasi akan datang.

DIARI KAJIAN

Berikut adalah ringkasan temubual bersama Encik Azman Bin Haji Ayup yang merupakan timbalan ketua pustakawan di Perpustakaan Laman Hikmah, UTeM, Melaka mengenai peranan pustakawan dan pandangan masyarakat mengenai bidang ini.

Tarikh	Masa	Lokasi	Kategori	Masa dan Tindakan
13 April 2021	08:15 a.m - 10:15 a.m	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Kami telah diberikan arahan oleh pensyarah mengenai proposal pendokumentasian lisan.
				Perbincangan bersama ahli kumpulan mengenai proposal kajian.
14 April 2021	10.41 am - 12.00 pm	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Pensyarah memberikan lampiran surat kebenaran penyelidikan kepada pelajar
				Mencari maklumat dengan lebih mendalam mengenai tajuk kajian
17 April 2021	10.32 am -	Di kediaman	Perbincangan	Kami mendapatkan pandangan pensyarah mengenai pemilihan tajuk dan tokoh serta

	11 am	masing-masing		persetujuan tarikh temubual bersama tokoh.
				Membuat carian mengenai tokoh yang dipilih.
20 April 2021	09.00 am - 02.00 pm	Di kediaman masing-masing	Perbincangan	Menghubungi pihak yang akan ditemubual bagi mendapatkan persetujuan awal
				Mula merangka proposal kajian
22 April 2021	08.45 am	Di kediaman masing-masing	Penghantaran draf proposal	Hari penghantaran proposal draft pertama
				Menyerahkan draf proposal pertama melalui Whatssap.
24 April 2021	03.00 pm	Di kediaman masing-masing	Pembetulan Draf proposal	Melakukan pembetulan draf proposal
				Menempah bahan rujukan daripada Arkib Negara Malaysia
21 Jun 2021	9.20 am	Di kediaman	Penghantaran draf proposal	Hari penghantaran proposal draft

		masing- masing		Menghantar proposal baharu melalui Whatsap dan Turnitin
--	--	-------------------	--	--

28 April 2021	2.30 pm	Di kediaman masing- masing	permohonan penukaran tokoh	Pertukaran tokoh
				Memohon kebenaran dan mendapatkan pandangan pensyarah mengenai penukaran tokoh
29 April 2021	09.00 am	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Menghubungi pihak yang akan ditemubual bagi mendapatkan persetujuan awal
				Memberikan surat kebenaran penyelidikan kepada pihak yang akan ditemubual
30 April 2021	09.00 am	Arkib Negara Malaysia	Mengambil bahan	Kami mendapatkan bahan daripada Arkib Negara Malaysia sebagai rujukan tambahan
	- 1.00 pm			Membuat dua salinan bahan arkib di kedai fotostap yang berdekatan
3 Mei 2021	11.30 am	Di kediaman masing- masing	Mendapat persetujuan daripada pihak yang akan ditemubual	pihak yang akan ditemubual memberikan persetujuan untuk menjalankan temubual
				Pembantu peribadi pihak yang akan ditemubual memberikan draf dalam bentuk PDF mengenai biodata tokoh secara ringkas melalui Whatssap


5 Mei 2021	9.00 am - 10.00 am	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Mengadakan konsultasi bersama pensyarah mengenai proposal
5 Mei 2021	11.00 am - 12.00 pm	Arkib Negara Malaysia	Mengambil bahan	Mengambil bahan baharu
6 Mei 2021	10.00 am	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Menghantar draf proposal baru Melalui Turnitin
8 Mei 2021	12.00 pm	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Melakukan penambahbaikan proposal
23 Mei 2021	10.00 am	Di kediaman masing- masing	Temubual Awal	Menjalankan temubual awal serta mendapatkan tandatangan persetujuan kajian selama 2 jam

3 Jun 2021	12.34 pm - 1.15 pm	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Melakukan konsultasi bersama pensyarah melalui google meet mengenai soalan temubual
21 Jun 2021	9.00 am	Di kediaman masing- masing	Penghantaran draf proposal	Menghantar proposal baharu melalui whatapp dan Turnitin.
21 Jun 2021	5.00 pm	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Menghantar draf temubual soalan kepada pensyarah untuk pemeriksaan
22 Jun 2021	12.15 pm	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Menerima draf temubual daripada pensyarah
				Pensyarah memberikan komen mengenai draf soalan dan diminta untuk membuat penambahbaikan soalan dan pembetulan
30 Jun 2021	11.30 am	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Melakukan Turnitin proposal untuk mengetahui peratusan terkini
				Menjalankan temubual berstruktur selama 3 jam 47 minit

1 Julai 2021	09.00 am	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Melakukan pembahagian tugas berkaitan transkripsi perbualan temu bual
				Melakukan aktiviti transkripsi perbualan temu bual
5 Julai 2021	4.30 am	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Melakukan Turnitin proposal untuk mengetahui peratusan terkini.
9 Julai 2021	3.40 pm	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Melakukan Turnitin proposal untuk mengetahui peratusan terkini.
18 Julai 2021	5.00 pm	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Melakukan Turnitin proposal untuk mengetahui peratusan terkini
20 Julai 2021	2.00 pm	Di kediaman masing- masing	Perbincangan	Membuat artikel dan transkrip
27 Julai 2021	10.00 am	Di kediaman masing- masing	Penyerahan	Penyerahan salinan bahan kajian kepada pensyarah berkaitan buku sejarah lisan

BAHAN YANG DIPEROLEHI HASIL KAJIAN

Hasil proses kajian yang dijalankan bersama Encik Azman Haji Ayup beliau memberi kebenaran untuk mengambil gambar bahan yang digunakan sebagai rujukan awam bagi melihat bahan yang digunakan untuk dipersembahkan semasa pembentangan.



Gambar : Peranugerahan yang diterima oleh tokoh




Gambar : Semasa IFLA 1997 di Copenhagen, Denmark




Gambar : Semasa di Arkib Negara Malaysia pada 30 April 2021.



Gambar : Berada di dalam Arkib Negara Malaysia pada 30 April 2021.



Gambar : Bahan yang di peroleh dalam Arkib Negara Malaysia pada 30 April 2021.



Gambar : Bahan yang di tempah dalam Arkib Negara Malaysia pada 30 April 2021.

GAMBAR TEMUBUAL BERSAMA TOKOH



Gambar: Temubual bersama tokoh pada 30 Jun 2021 selama 3 jam



Gambar: Cenderahati yang diberi oleh kami iaitu Nurin Jaslina dan Sharifah Aishah

Sharifah Aishah AlJunid Syed Hussian dan Nurin Jaslina Ahmad Shofee, dua orang pelajar FPM, UiTM Puncak Perdana telah menjalankan temubual bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan Sejarah Perpustakaan Laman Hikmah UTeM bagi memenuhi keperluan kursus Oral Documentation (IMR 604). Projek Sejarah Lisan ini antara lain bertujuan untuk mengetahui sejarah di Perpustakaan UTeM, mengetahui dengan lebih mendalam tentang keistimewaan perpustakaan tersebut dan menyelidik perihal ketua-ketua pustakawan terdahulu di UTeM sehingga kini.

Gambar: Berikut merupakan penghargaan yang dinyatakan daripada en azman melalui akaun *Facebook* beliau.